

**PERKEMBANGAN JIWA AGAMA DI KALANGAN ANAK-
ANAK MENURUT ROBERT H. THOULESS DALAM
KARYANYA *PSYCHOLOGY OF RELIGION* :
ANALISIS DARI PERSPEKTIF
PSIKOSPIRITUAL ISLAM**

HUSNI ZA'IM BINTI ABU HASAN

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**PERKEMBANGAN JIWA AGAMA DI KALANGAN ANAK-
ANAK MENURUT ROBERT H. THOULESS DALAM
KARYANYA *PSYCHOLOGY OF RELIGION* :
ANALISIS DARI PERSPEKTIF
PSIKOSPIRITUAL ISLAM**

HUSNI ZA'IM BINTI ABU HASAN

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: HUSNI ZAIM BINTI ABU HASNIN (No. K.P/Pasport: 830422026132)

No. Pendaftaran/Matrik: 1GB060013

Nama Ijazah: SARJANA USULUDDIN (Sekara Kurusus dan Penyelidikan)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Perkembangan Ima Agama Di Kalangan Anak-Anak Menurut Robert H. Thouless Dalam Karyanya Psychology of Religion: Analisis Dari Perspektif Psikospiritual Islam

Bidang Penyelidikan:


Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.


Tandatangan Calon

Tarikh 10/12/2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,


Tandatangan Saksi

Tarikh 15/12/2013

Nam PROFESOR MADYA DR CHE ZARRINA SA'ARI

Jawatan: Profesor Madya
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

ABSTRAK

Perkembangan agama manusia bermula sejak sebelum dilahirkan dan berterusan sehingga ke lanjut usia. Pada saat manusia dilahirkan, manusia sudah pasti akan mengikuti agama kedua ibubapanya samada yang melahirkan itu beragama Islam, Yahudi, atau Nasrani. Setelah itu, apabila telah meningkat remaja, manusia mula berfikir tentang cara untuk mengimplementasi ajaran agama dalam kehidupan seharian sehinggalah ke usia dewasa. Ketika ini juga akan berlaku konflik dalam jiwa manusia akibat dari pengaruh persekitaran. Hal inilah yang dikatakan perkembangan jiwa agama yang cuba digarap oleh penulis dengan memberi tumpuan kepada perkembangan jiwa agama melalui pendekatan psikospiritual Islam dan membuat perbandingan perkembangan jiwa agama menurut Barat melalui tokoh terawal yang membicarakan tentang perkembangan jiwa agama iaitu Robert H. Thouless. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan yang menggunakan metode analisis data secara induktif, deduktif dan komparatif. Penulis menggunakan ketiga-tiga metode ini untuk mengemukakan setiap peringkat perkembangan jiwa agama menurut Barat dan Islam bermula dari sebelum kelahiran, peringkat kanak-kanak sehingga ke peringkat remaja. Hasil kajian mendapati pendidikan anak-anak menurut Barat dan Islam terkesan dari persekitaran mereka dan juga ajaran agama yang dipelajari dalam kehidupan. Namun, Islam menitikberatkan pendidikan anak-anak bermula dari sebelum kelahiran yang mesti dilaksanakan oleh bakal kedua-dua ibubapa mereka. Oleh itu, hasil kajian ini dapat merungkai kekeliruan dan memberi kefahaman yang jelas tentang pandangan Islam dan pandangan Barat terhadap perkembangan jiwa agama anak-anak.

ABSTRAK

The religious development in human starts very early even before they were born and it continues until old age. When human were born, they certainly will follow the religion of both parents whether that produces the Muslim, Jewish, or Christian. Later, when approaching adolescence, they will start thinking of ways to implement the religious teachings in their daily life until their adulthood. During this time, it also resulted to conflict in human soul as it is influenced by the environment. This is the development of religious psychology which is tried to be uncovered by the writer in which gives focus to religious psychology development through Islamic psycho-spiritual approach and make comparison with the Western religious psychology development through the earliest prominent figure who discussed this; Robert H. Thouless. This study is a library study which uses analysis of data methods; inductive, deductive and comparative. The writer uses all three methods to present every level of religious psychology development according to the West and Islam starts from before birth, childhood and adolescence Children's education study found result according to West and Islamic affected from their environment and also teachings of the religion learned in life. However, Islamic emphasizing children's education start from before birth that must be carried out by will both their parent. Therefore, this survey results can unravel confusion and provide clear understanding of Islamic view towards on Islamic and West view on children development of religious psychology.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi. Setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan atas segala nikmat yang diberikan oleh Allah dapat saya menyempurnakan disertasi ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khas dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan sepanjang menyempurnakan disertasi ini. Saya amat menghargai kesabaran Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi, dan mempermudahkan tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Berkat kesabaran, pembacaan yang teliti serta maklum balas daripada beliau yang meyakinkan amat membantu dalam menyempurnakan disertasi ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada panel pemeriksa Dr. Faizuri bin Abd. Latif dan Prof. Madya Dr. Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali atas kesudian memberi pandangan dan saranan bagi menambahbaik disertasi ini.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih buat kedua ibubapa yang disayangi, Tuan Haji Abu Hasan bin Ahmad dan Hajjah Che Siah binti Abd. Rahman yang tidak jemu-jemu berdoa siang dan malam, memberi dorongan dan semangat untuk diri ini terus berjaya. Begitu juga buat adik-adikku yang banyak membantu terutamanya Abdul Hadi bin Abu Hasan, begitu juga dengan Luqmanul Hakim bin

Abu Hasan, Muhammad Mukhtar bin Abu Hasan dan Mohd. Noor Akmal bin Abu Hasan. Dan teristimewa juga buat suami yang dicintai, Muhammad Fadhli bin Mohd. Diah, terima kasih atas segala pengorbanan, kesabaran, dorongan, bantuan dan memahami kesibukan saya dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali saya berdoa kepada Allah S.W.T mudah-mudahan disertasi ini dapat memberi faedah kepada kita semua.

DAFTAR ISI

ABSTRAK

PENGHARGAAN

DAFTAR ISI

PANDUAN TRANSLITERASI

SENARAI KEPENDEKAN

	BAB PENDAHULUAN	HALAMAN
1.1	Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.2	Perumusan Masalah Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	8
1.4	Pengertian Tajuk	8
1.5	Kepentingan Kajian	21
1.6	Skop Kajian	22
1.7	Sorotan Perpustakaan	23
1.8	Metodologi Penyelidikan	28
1.9	Susunan Penulisan	32

	BAB 2	
	PERKEMBANGAN JIWA AGAMA MENURUT PERSPEKTIF PSIKOSPIRITUAL ISLAM	
2.0	Pendahuluan	34
2.1	Latar Belakang Psikospiritual Islam	37
2.2	Peringkat Perkembangan	40
2.2.1	Pra Konsepsi (Alam Rūh)	40
2.2.2	Pra Lahir	52
2.2.3	Kelahiran	55

2.2.4	Kanak-Kanak	60
2.2.5	Remaja	68
2.6	Kesimpulan	71

BAB 3

PERKEMBANGAN JIWA AGAMA MENURUT ROBERT H. THOULESS

3.1	Pendahuluan	73
3.2	Peringkat Pra Lahir	79
3.3	Kelahiran	80
3.4	Peringkat Kanak-Kanak	81
3.5	Peringkat Remaja	97
3.6	Kesimpulan	101

BAB 4

PERSPEKTIF PSIKOSPIRITUAL ISLAM TERHADAP TEORI PERKEMBANGAN JIWA AGAMA DI KALANGAN ANAK-ANAK MENURUT ROBERT H. THOULESS

4.1	Pendahuluan	102
4.2	Analisis	
4.2.1	Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Pra Lahir	103
4.2.2	Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Kelahiran	109
4.2.3	Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Kanak-Kanak	111
4.2.4	Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Remaja	114
4.3	Kesimpulan	117

BAB 5**PENUTUP**

5.1	Pendahuluan	120
5.2	Kesimpulan	120
5.3	Saranan Dan Cadangan	124
	BIBLIOGRAFI	131

SENARAI TRANSLITERASI

Penggunaan perkataan bahasa Arab memerlukan kepada transliterasi. Berikut merupakan jadual transliterasi :

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	s	م	m
ج	j	ض	đ	ن	n
ح	h	ط	t	و	w
خ	kh	ظ	z	ه	h
د	d	ع	'	ء	,
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	t

2. Vokal

Pendek	Panjang	Diftong
ا _____ a	ا _____ a	اي _____ ay
ي _____ i	ي _____ i	اي _____ aw
و _____ u	و _____ u	

SENARAI KEPENDEKAN

Abd. : Abdul

Bil. : Bilangan

Terj. : Terjemahan

Dr. : Doktor (falsafah)

h. : Halaman

m. : Masihi

Jil. : Jilid

Ibid : *Ibidem* ; pada tempat, kitab, atau halaman yang sama

op.cit : *in the word site* (rujukan sama tetapi diselangi oleh rujukan lain sebelumnya)

Prof. : Profesor

r.a : Radhiaallahu 'anhu

s.a.w : Sallahu 'alaihi wa Sallam

s.w.t : Subhanahu Wata'ala

(t.t.p) : Tiada Tempat Terbitan

(t.t) : Tiada Tahun

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 : Latar Belakang Masalah Kajian

Dewasa ini kita menyaksikan bahawa salah satu penyebab kepada keruntuhan akhlak muda mudi berpunca daripada didikan ibubapa. Kajian telah menunjukkan bahawa kebanyakan ibubapa yang tinggal di kawasan bandar mempunyai pelbagai masalah dalam mendidik anak-anak. Mereka terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran semasa yang berkembang pesat terutamanya di kawasan bandar, di samping kekangan masa untuk memantau pergerakan anak-anak mereka disebabkan kesibukan bekerja.

Menurut Pakar Psikiatri Kanak-Kanak dan Remaja Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Prof Madya Dr. Zasmani Shafie, terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang mengundang pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja¹. Menurut beliau, faktor dalaman keluarga sendiri dilihat sebagai salah satu kecenderungan penglibatan kanak-kanak dan remaja dalam kancah sosial termasuklah pelacuran². Jika sekiranya anak-anak sejak kecil mempunyai hubungan dan disiplin yang baik dalam keluarga, mereka sebenarnya telah membina asas sebagai benteng dalam membentuk diri menjadi manusia yang tahu batasan dan mengekalkan maruah diri. Sebaliknya menurut beliau lagi, jika proses bimbingan dan pengawasan ibubapa

¹ Remaja Bermasalah- Ibubapa Gagal Main Peranan, *Utusan Malaysia*, 4 Februari 2008, dirujuk dalam <http://www.utusan.com.my/utusan>. 25 Januari 2008.

² *Ibid.*

terhadap anak-anak terhenti separuh jalan ditambah pula dengan kurangnya perhatian kerana mempunyai adik-beradik yang ramai, kebanyakan remaja dari kumpulan ini akan mencari ‘jalan keluar’. Faktor luaran pula dilihat ada dalam diri remaja, seiring dengan perubahan fizikal dan biologikal remaja yang akan mengalami perubahan tingkah laku. Keinginan untuk bergaul dengan pasangan yang berlawanan jenis lebih ketara dalam kalangan remaja yang mengalami akil baligh³.

Masalah paling ketara timbul apabila keinginan seksual tidak mampu dikawal atau ditangani dengan baik, menjadikan kumpulan remaja ghairah melakukan apa yang diingini mengikut kemauan hati tanpa menggunakan akal fikiran. Oleh itu dalam mengawal masalah ini, ibubapa dan penjaga memainkan peranan yang penting untuk memantau dan mengawasi pergerakan perkembangan anak-anak remaja ini supaya mereka dapat berkongsi perasaan mereka itu dengan keluarga sendiri daripada orang luar⁴.

Ibubapa sewajarnya menggunakan pendekatan yang lebih bersifat psikologi dalam memantau perlakuan anak-anak dan memberitahu had serta batasan tertentu dalam hubungan dan jika aturan itu dilanggar mereka akan menerima padah dan risikonya⁵. Peranan ibubapa dan keluargalah yang dapat membina semula masa depan mereka daripada terus menerus terjerumus dalam kancah maksiat.

³ Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 214

⁴ Ibid.h. 205-206.

⁵ Ibid.

Dunia hari ini, berhadapan dengan masalah remaja yang semakin hari tidak terkawal. Berita keganasan remaja yang telah menjadi *trend* di kota besar seperti London, membuktikan kemajuan yang dicapai telah menyebabkan menularnya lebih banyak gejala sosial di kalangan remaja⁶.

Fenomena yang berlaku pada hari ini merupakan kesan pengabaian terhadap didikan agama. Penerapan akidah yang sewajarnya diterapkan sejak kecil dipandang ringan oleh kebanyakan ibubapa hari ini. Pendidikan akidah bertujuan untuk memperkuuh akidah Islam dalam diri anak-anak sehingga mereka mampu untuk berhadapan dengan cabaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam sekarang terutamanya yang melibatkan kegawatan akhlak muda mudi hari ini. Ramai yang terpengaruh dengan pendidikan Barat yang mengabaikan aspek kerohanian. Sebagai contoh, bagi menutup malu, remaja sanggup membuang anak yang dilahirkan dalam longgokan sampah, tandas awam, longkang, sungai dan sebagainya⁷. Namun masalah keruntuhan akhlak ini bukan sahaja berlaku di kalangan remaja malahan orang dewasa juga, seperti kes seorang suami yang baru setahun berkahwin sanggup membunuh isterinya yang hamil disebabkan oleh pertengkaran yang kecil sahaja⁸. Hilangnya pertimbangan dalam diri manusia ini berpunca dari perkembangan jiwa agama yang tidak dititikberatkan yang bermula dari pengaruh persekitaran, pemilihan pasangan,

⁶ Tambahan pula, begitu mudah untuk mendapatkan senjata di London. Seseorang itu, hanya perlu mengetahui jenis senjata yang diingini dan dia boleh memiliki dalam masa setengah jam sahaja. Mana-mana remaja yang dianggap musuh atau patut dibunuh, mereka tidak teragak-agak untuk membunuhnya. Pertelingkahan antara kumpulan remaja ini juga sering kali berakhir dengan pembunuhan dan tidak kurang yang tercedera. Rujuk juga : Trend remaja London memiliki senjata api, dirujuk dalam *Utusan Malaysia*, 25 Januari 2008, <http://www.utusan.com.my/utusan>. 2 Februari 2008

⁷ <http://berita-harian-online.com>. 5 April 2013

⁸ *Ibid.*

didikan ibubapa, peringkat demi peringkat sehingga kepada lahirnya manusia sebegini. Justeru penulis mengharapkan kajian ini menjadi salah satu usaha pencegahan kepada kegawatan akhlak yang berlaku kepada masyarakat pada hari ini.

Menurut kajian yang dilakukan di Barat membuktikan bahawa agama dan kerohanian memberi kesan yang ketara kepada pembentukan peribadi dan tingkah laku individu yang akhirnya turut memberi kesan kepada organisasi dan komuniti⁹.

Psikologi¹⁰ secara umumnya merupakan ilmu yang mengkaji tentang tingkah laku dan pengalaman manusia. Pada awal kurun ke 19, psikologi agama wujud disebabkan oleh tindakan dalam beragama, misalnya orang yang beragama ialah orang yang cerdik, bijak, tetapi apabila berkaitan dengan agama, seseorang itu hanya mengikuti sahaja iaitu agama hanyalah tingkah laku keagamaan sahaja, tanpa memastikan logik atau tidak perkara itu dilakukan, dan mereka juga percaya kepada kuasa ghaib yang lebih berkuasa¹¹. Pada awal kurun ke 20, Thouless telah membawa suatu pandangan yang menolak pandangan ahli psikologi sebelumnya¹². Menurut Thouless, kelakuan perlu seiring dengan kepercayaan dan merupakan suatu perkara yang penting dalam seluruh sistem kepercayaan tersebut. Seseorang melakukan tingkah laku agama disebabkan oleh kepercayaan terhadap agama yang dipegang sejak berzaman oleh komuniti masyarakat tersebut¹³.

⁹ Journal of Organizational Change Management (2004), *The Measurement of Religiosity and Spirituality : Examples and Issues from Psychology*, Vol. 17 (No.1), h. 83-101

¹⁰ Hiram E. Fitzgerald (1977), *Developmental Psychology Studies In Human Development*, Homewood : Dorsey Press, h.10.

¹¹ Robert H. Thouless (1942), *op.cit.*, h. 568-574.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

Robert H. Thouless¹⁴ adalah pengkaji terawal yang membahaskan tentang kajian psikologi agama yang bukan hanya mengkaji tentang tingkah laku beragama tetapi melihat juga kepada sesuatu yang telah mendorong seseorang yakin kepada kuasa ghaib sehingga mereka mentaatinya tanpa memikirkan rasional sesuatu perkara itu. Hal ini dilihat bertentangan dengan pandangan ahli psikologi pada kurun ke 19, iaitu sebelum dari zaman Thouless, yang menurut mereka agama hanyalah sistem pemikiran yang direka oleh manusia. Agama terbentuk hanya disebabkan oleh keperluan manusia tanpa kuasa yang lebih besar dan wahyu. Edward B. Taylor¹⁵, seorang ahli psikologi pada zaman tersebut menyatakan bahawa manusia telah mencipta agama. Agama menurutnya, merupakan dogma iaitu ajaran yang perlu diikuti tanpa soal. Ahli psikologi pada ketika itu melihat kepincangan yang berlaku kepada manusia yang bijak tetapi, apabila melibatkan agama mereka menurutnya tanpa mempersoalkan kewajaran mengikuti tingkah laku keagamaan tersebut yang dilihat bertentangan dengan pemikiran yang rasional. Justeru, Thouless telah tampil membawa perubahan kepada kajian yang berkaitan psikologi agama yang mula berkembang pada akhir abad ke-19 kerana pada masa itu, psikologi telah dijadikan sebagai alat untuk kajian agama. Kajian ini, menurut Robert H. Thouless dapat membantu kita memahami tingkah laku, cara berfikir dan mengemukakan perasaan keagamaan seseorang¹⁶.

¹⁴ Journal of Philosophical Studies (1930), ***Psychology of Religion Dogma*** .vol. 5, (no 20), h. 568-574.

¹⁵ Edward B. Tylor (1920), ***Primitive Culture***, 5th ed., Vol.1, John Murayy, Albermarle Street : London, h.13. Rujuk juga :<http://www.scribd.com/doc/25176004/Primitive-Culture-Taylor-Edward-Burnett-vol-1,2> Jun 2013.

¹⁶ Journal of Philosophical Studies (1930), *op.cit* . h. 568-574.

Semenjak itu, ahli psikologi agama yang lain juga mula tertarik dengan idea dan kajian yang dilakukan oleh Thouless sehingga terbitnya buku *The Varieties of Religious Experience* pada tahun 1903 yang ditulis oleh William James, yang merupakan buku terawal membincangkan tentang kajian psikologi agama setelah kelahiran buku-buku hasil penulisan Thouless. Maka dalam jangka waktu tiga puluh tahun kemudian terdapat banyak buku-buku lain yang diterbitkan menggunakan konsep yang sama. Antaranya ialah, *The Psychology of Religion* karangan E.D Starbuck yang mendahului karangan William James. Buku E.D. Starbuck yang terbit tahun 1899 ini kemudian disusul sejumlah buku lainnya seperti *The Spiritual Life* oleh George Albert Coe, tahun 1900, kemudian *The Belief in God and Immortality* (1921) oleh J.H. Leuba, dan oleh Robert H.Thouless dengan judul *An Introduction to the Psychology of Religion*, tahun 1923, serta R.A. Nicholson yang khusus mempelajari mengenai aliran Sufisme dalam Islam dengan bukunya *Studies in Islamic Mysticism*, tahun 1921. Sejak itu kajian-kajian tentang psikologi agama tidak terbatas kepada masalah-masalah yang berkaitan kehidupan keagamaan secara umum, tetapi membincangkannya secara terperinci. Perbahasan tentang kesedaran beragama misalnya, dikupas oleh B. Pratt dalam bukunya *The Religious Consciousness*, sedangkan Rudolf Otto membahaskan tentang upacara menyembah Tuhan. Perkembangan berkaitan jiwa agama sentiasa menjadi kajian para ahli psikologi agama. Pierre Binet adalah antara tokoh psikologi agama yang membahaskan tentang perkembangan jiwa keagamaan. Menurut Binet, agama pada anak-anak tidak berbeza dengan agama pada orang dewasa. Bagi anak-anak, mereka mungkin juga mengalami sesuatu pengalaman seperti orang dewasa, seperti merasa kagum dalam menyaksikan alam ini, wujud kebaikan yang tidak dapat dilihat,

kepercayaan dan kesalahan yang sebahagiannya dari pengalaman itu merupakan fakta-fakta yang tidak dipengaruhi oleh pengaruh persekitaran.

Justeru, kajian ini akan menjelaskan perkembangan jiwa agama (*syu'ūr al-dīnī / religious consciousness*) yang mempengaruhi kehidupan anak-anak menurut Islam seterusnya membuat perbandingan menurut perspektif Barat dengan memberi tumpuan kepada hasil penulisan Robert H. Thouless seorang tokoh terawal dalam bidang psikologi agama yang memperkatakan tentang perkembangan jiwa agama. Kajian ini juga, diharapkan dapat mendedahkan perkembangan jiwa agama kepada anak-anak yang dimaksudkan oleh Barat.

1.2 : Perumusan Masalah

Di antara beberapa masalah yang ingin dikemukakan oleh penulis berkaitan dengan kajian ini ialah :

1. Bagaimakah pemikiran perkembangan jiwa agama anak-anak menurut Robert H. Thouless?
2. Apakah kesan perkembangan jiwa agama anak-anak menurut pemikiran Barat dan Robert H. Thouless terhadap anak-anak dewasa ini?
3. Apakah pandangan psiko-spiritual Islam terhadap perkembangan jiwa agama terhadap anak-anak menurut pemikiran agama Barat khususnya menurut Robert H. Thouless ?

1.3 : Objektif Kajian

Pengaruh didikan agama memberi impak yang besar kepada perkembangan anak-anak. Sejarah membuktikan kebanyakan golongan yang berjaya dalam kehidupan ini, terdiri dari kalangan mereka yang kuat pegangan agamanya.

Maka kajian ini mempunyai beberapa objektif yang selari dengan kenyataan di atas iaitu:

1. Mengkaji perkembangan jiwa agama terhadap anak-anak menurut pandangan yang dikemukakan oleh Robert H.Thouless.
2. Mengkaji kesan perkembangan jiwa agama anak-anak menurut pemikiran Barat dan Robert H. Thouless terhadap anak-anak dewasa ini.
3. Menganalisis pandangan psiko-spiritual Islam terhadap perkembangan jiwa agama anak-anak menurut perkembangan jiwa agama berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh Robert H. Thouless

1.4 : Pengertian Tajuk

Penggunaan istilah yang sesuai adalah amat penting dalam membahaskan sesuatu kajian ilmiah. Hal ini dapat mengelakkan kekeliruan dan kecelaruan pembaca dalam menterjemahkan skop kajian yang ingin dibahaskan oleh penyelidik. Justeru, dalam mengenangkan hal ini dengan jelas, maka penyelidik telah mengambil inisiatif menjelaskan maksud beberapa kosa kata yang dianggap penting untuk memberi gambaran awal terhadap kajian ini.

Tajuk yang dipilih ialah ” **Perkembangan Jiwa Agama Di Kalangan Anak-Anak Menurut Robert H. Thouless dalam karyanya *Psychology Of Religion* : Analisis Dari Perspektif Psikospiritual Islam.**

1.4.1 Pengertian “perkembangan”

Perkataan “ perkembangan ” membawa pengertian serangkaian perubahan progresif yang berlaku akibat dari proses kematangan dan pengalaman. Perubahan ini bersifat kualitatif tentang suatu proses integrasi dari struktur dan fungsi yang kompleks¹⁷. J.P Chaplin mengungkapkan 4 pengertian perkembangan iaitu ; pertumbuhan, perubahan yang berkesinambungan dan progresif dalam organisme semenjak ia lahir sehingga mati, perubahan dalam bentuk dan integrasi dari bahagian-bahagian jasmani kepada bahagian fungsional dan kedewasaan atau kemunculan pola-pola tingkah laku yang tidak pernah dipelajari¹⁸.

Oleh itu, perkembangan yang dimaksudkan ialah perubahan diri manusia yang terdiri daripada perubahan kuantitatif akibat dari perubahan fizikal¹⁹. Perubahan kualitatif dikenali sebagai “perkembangan” seperti perubahan dari tidak mengetahui kepada mengetahui, dari keanak-anakan kepada dewasa dan seterusnya. Sedangkan perubahan kuantitatif dikenali pula sebagai “pertumbuhan” seperti tinggi dan berat badan.

¹⁷ Alizabeth B. Hurlock (1991), *Psikologi Perkembangan : Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan*, terj. Iswidayanti, judul asal : *Developmental Psychology : A Life-Span Approach*, Elangga : Jakarta, hlm. 2.

¹⁸ J.P Chaplin (1989), *Kamus Lengkap Psikologi*, terj. Kartini Kartono, Jakarta : Rajawali, h. 134.

¹⁹ Abdul Mujid (2002), *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*, PT RajaGrafindo Persada : Jakarta, h.91.

Oleh itu perkembangan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada perkembangan yang berlaku pada perubahan diri manusia bermula dari kelahiran sehingga remaja.

1.4.2 Pengertian “Jiwa” dan “Agama”

Jiwa²⁰ menurut pengertian yang diberikan oleh al-Jurjānī, ia adalah satu zat yang berwaspada dan lembut yang membawa kekuatan dalam kehidupan , mempunyai deria dan pergerakan yang dikawal . Orang bijak pandai menamakan jiwa sebagai roh haiwan , yang merupakan zat yang bercahaya bagi badan , ketika mati akan hilanglah cahayanya daripada luaran badan , bukan daripada dalaman badan²¹. Hal ini telah dibuktikan bahawa tidur dan mati dua keadaan yang sama kerana mati ialah perpisahan yang menyeluruh , manakala tidur pula ialah perpisahan separa²².

Penemuan lain yang ditemui oleh para cendiakawan yang menghalusi zat jiwa, jiwa bergantung dengan badan melalui tiga situasi , pertama sekiranya cahaya jiwa memenuhi seluruh luaran dan dalaman badan, tubuh badan manusia akan berada dalam keadaan yang jaga , manakala sekiranya terpisah cahayanya pada zahir bukan batin , ianya adalah tidur atau secara umumnya mati²³ . Nafsu *ammarah* ialah nafsu yang menjurus kepada tabiat badan yang mengajaknya kepada kelazatan dan syahwat yang dapat dirasa , ia juga akan menarik hati kepada lembah yang rendah , iaitu lubuk

²⁰ Al-Jurjānī (2000), *al-Ta`rifat*, Beirut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyah, h.312.

²¹ *Ibid.*

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*

kejahanan , dan punca akhlak yang buruk . Nafsu *al-muqaddasah* ialah jiwa yang mempunyai kebolehan bagi menghadirkan semua yang sama jenis atau yang seakan-akan dengannya dalam keadaan yakin , ini juga merupakan kemuncak kepada gerak hati²⁴ . Manakala nafsu *lawwamah* ialah jiwa yang menerangi bersama cahaya hati sekadar yang mampu memberikan perhatian ketika saat kelalaian , selama mana yang timbul daripadanya ialah keburukan dengan pertimbangan tabiatnya yang gelap , maka ia akan memaki dirinya dan bertaubat daripada keburukan tersebut²⁵.

Menurut Imam al-Ghazālī²⁶, jiwa membawa makna yang merangkumi segala kekuatan dan syahwat pada manusia . Ia bersamaan dengan penggunaan jiwa ini menurut ahli tasawuf yang mana mereka menyamakannya mereka dengan nafsu iaitu perkara asal dan asas yang merangkumi sifat-sifat tercela daripada manusia. Justeru, jiwa perlu berjuang untuk menentang nafsu dan mematahkannya .Hal ini jelas sebagaimana hadiṣ yang dinyatakan oleh Rasulullah²⁷ :

أَعْدَى عَدُوكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنْبَيْكَ

“ Musuhmu yang paling berbahaya ialah jiwa yang berada di antara dua tulang rusukmu”

Selain itu, menurut al-Ghazālī, jiwa merupakan sesuatu yang halus yang merupakan hakikat manusia itu sendiri , iaitu jiwa manusia dan zatnya , tetapi sifatnya berbeza mengikut keadaan manusia tersebut . Sekiranya ia tenang dan bebas daripada

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Al-Ghazālī (t.t) , *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil.3, h.4.

²⁷ Al-Hanbalī , 'Abd al-Rahmān bin Shihabuddīn Ibn Aḥmad bin Rajab , *Jāmi‘ al-'Ulūm wa al-Hikam* (2001M) , Al-ḥadīth al-Tasi‘ ‘Ashar , Nigeria : Maktabah Ayyub , h.197 .

sebarang gangguan disebabkan pertembungannya dengan syahwat , maka ketika itu ia dikenali sebagai nafsu mutmainnah . Allah berfirman :

يَأَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَةُ أَرْجِعِنِي إِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً

“ Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada TuhanMu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya.”

Nafsu pada makna yang pertama jelas menunjukkan ianya tidak akan kembali kepada Allah , dan jauh daripadaNya , serta merupakan bala tentera syaitan . Tatkala ianya tidak tenang , ia akan bertembung dengan nafsu syahwat dan tertelingkah dengannya , maka ia ketika itu dikenali sebagai nafsu lawwamah . Ini kerana ia akan mencela tuannya ketika kelemahannya dalam beribadat kepada Allah . Allah berfirman :

وَلَا أُقِسِّمُ بِالنَّفْسِ الْلَّوَامَةِ

”Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri).”

Manakala ketika ia tidak membangkang dan tidak melawan dan mentaati segala tuntutan syahwat dan hasutan syaitan, maka ketika itu ia adalah al-nafsu ‘ammārah bi al-sū’ . Allah berfirman²⁸ dalam menceritakan kisah Yusuf dan Zulaikha,

وَمَا أَبْرِئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَا مَارَأَتِ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي

غَفُورٌ رَّحِيمٌ

²⁸ Surah Yusuf : ayat 53.

“ Dan tiadalah aku membersihkan diriku, sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh kepada kejahanan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhan (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhan Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani ”.

Justeru , boleh dikatakan nafsu ‘*ammārah bi al-sū*’ ialah nafsu pada makna pertama , ini kerana nafsu pada makna pertama ialah nafsu yang paling tercela , manakala dengan makna kedua ialah nafsu yang terpuji kerana ia adalah hakikat jiwa dan zat manusia sendiri yang mengenali Allah dan segala yang berkaitan .

دَانَهُ Kalimah *al-Dīn*²⁹ iaitu agama diambil daripada tiga jenis perbuatan iaitu (دَانَهُ ، دَانَ بِهِ ، دَانَ لَهُ) . Perbezaan pada tiga-tiga ini menyebabkan makna yang ditunjukkan juga berbeza . Perbezaan tersebut seperti berikut ,

كَلِمَةُ دَانَهُ ، دَانَ بِهِ ، دَانَ لَهُ memberi maksud memiliki , mengawalnya, menguruskannya, mentadbirnya ,menjatuhkan hukum , mengurniakannya dan menguasainya . Sehubungan dengan itu , *al-Dīn* pada pengertian ini lebih merujuk kepada makna kekuasaan dan menguruskan sesuatu perkara seperti tugas seorang raja atau penguasa . Makna ini juga seperti penggunaan dalam firman Allah³⁰ :

مَلِكٌ يَوْمٌ الْدِينِ

²⁹ Muḥāmmad Abdullāh Darrāz (1952), *Ad-din*, _____: Alamiah, h. 23-24.
³⁰ Al-Fatihah : ayat 4

Penggunaan kalimah *al-Dīn* dengan pengertian ini juga boleh didapati di dalam Hadīth Rasulullah³¹ :

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ ، وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ ، وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ
نَفْسَهُ هَوَاهَا وَمَنْ قَرِنَ عَلَى اللَّهِ

“ Orang yang bijak ialah orang yang sentiasa menghitung dirinya , dan beramat untuk saat selepas matinya , dan orang yang lemah atau bodoh itu ialah yang sentiasa mengikut hawa nafsunya dan mengharap kepada Allah.” .

Manakala, kalimah دَانَ لَهُ pula membawa maksud mentaatinya dan tunduk kepadanya. *Al-Dīn* pada pengertian ini ialah suatu bentuk kepatuhan dengan tunduk, taat, pengabdian diri dan rendah diri . Dan kalimah (الدين الله) bermaksud tunduk dan menghukum dengan hukum Allah berdasarkan pengertian yang dinyatakan di atas.

Kalimah ini دَانَ بِهِ memberi maksud menjadikan sesuatu sebagai cara hidup iaitu menjadikan sesuatu sebagai kebiasaan dan pegangan . Jadi , *al-Dīn* pada makna ini ialah cara atau pandangan yang berbentuk teori dan praktikal .

Oleh itu, daripada ketiga-tiga pengertian kalimah *al-Dīn* dari sudut bahasa ini menunjukkan terdapat suatu hubungan di antara dua pihak yang mana salah satu pihak akan mengagungkan dan mentaati pihak yang satu lagi . Pihak pertama dikenali sebagai taat dan tunduk serta ikatan utuh , manakala pihak kedua disebut sebagai ketua atau penguasa . Dan ikatan yang menghubungkan kedua-dua pihak ini didasarkan kepada satu sistem yang teratur atau perlombagaan yang bersistem.

³¹ Al-Tirmidhī , Muḥammad bin ‘Īsā al-Sawrah (1417H) , *Sunan al-Tirmidhī* , Kitab sifat al-qiyamah wa al-raqā’iq wa al-wara’ ‘an Rasulillāh , No. hadith : 2459 , Riyadh : Maktabah al-Mā’arif li al-Nashr wa Al-Tawzī‘ , h.554

Manakala menurut pengertian bahasa Melayu “agama” bermaksud kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan serta penerimaan ajaran dan perintah-Nya atau kepercayaan pada Yang Maha Kuasa. Ia juga boleh diertikan sebagai kepercayaan pada sesuatu dewa dan lain-lain yang dipuja atau sebagainya serta dianggap sebagai sesuatu yang amat berkuasa³².

Dari keseluruhan pengertian jiwa dan agama yang dicatatkan, penulis membuat kesimpulan bahawa jiwa agama yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini merujuk kepada rasa ingin beragama (*shu'ūr al-Dīnī*) ataupun kesedaran beragama (*religious consciousness*) yang tumbuh dan berkembang dalam diri individu.

1.4.3 Pengertian “Di Kalangan”

Kosa kata “di kalangan” menurut *Kamus Dewan* membawa pengertian lingkungan atau golongan. Justeru kajian ini memberi fokus kepada lingkusan umur tertentu dalam membincangkan tentang perkembangan anak-anak.

³² Noresah Baharom *et.al.* (2007), **Kamus Dewan** (edisi keempat), cet. 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 661.

1.4.4 Pengertian “Anak-Anak”

Peringkat umur anak-anak yang difokuskan dalam kajian ini bermula dari peringkat pra lahir sehingga ke usia remaja sebelum menjelaki umur dewasa³³. Sebagai makhluk ciptaan Tuhan, perkembangan jiwa agama telah wujud sejak manusia dilahirkan. Perkembangan ini merupakan dorongan untuk mengabdikan diri kepada Pencipta.

Teori yang dikemukakan oleh Thomas³⁴ menyatakan bahawa manusia dilahirkan dengan mempunyai empat keinginan iaitu ; keinginan untuk diberi perlindungan (*security*), keinginan untuk melalui pengalaman baru (*new experience*), keinginan untuk bertindak balas (*response*) dan keinginan untuk dikenali (*recognition*). Berdasarkan teori tersebut, secara fizikalnya³⁵ bayi sejak dilahirkan hidup dengan memerlukan pergantungan orang dewasa. Setelah berlalunya peningkatan usia dengan melalui peringkat perkembangan usia dan pengaruh persekitaran, maka terbentuklah jiwa keagamaan dalam diri anak tersebut³⁶.

³³ Mahmood Nazar (2001), *op.cit.*, h. 222.

³⁴ Abdul Mujid (2002),*op.cit*, h. 65.

³⁵ *Ibid.*, h. 63-64.

³⁶ *Ibid.*

1.4.5 Pengertian “Analisis”

Analisis merupakan suatu proses pembelajaran atau kajian yang dilakukan untuk memahami atau menerangkan sesuatu. Analisis juga boleh diertikan sebagai kajian tentang seseorang dari sudut pemikiran, kelakuan untuk memahami hubungannya dengan emosi dan mental³⁷. Ujian terakhir dari hasil kajian ini akan memberi fakta yang relevan dengan sesuatu situasi.

1.4.6 Pengertian “*Psychology of Religion*”

Psychology of Religion merupakan sebuah buku yang menjadi tumpuan penulis. Buku ini ditulis oleh Robert H. Thouless yang lahir pada 15 Julai 1894 dan meninggal pada 25 September 1984³⁸. Dalam membincangkan tentang psikologi agama, penulis memfokuskan seorang tokoh terawal yang telah memperkatakan tentang psikologi agama dalam bukunya yang bertajuk *Psychology of Religion* yang ditulis oleh Robert H. Thouless³⁹ yang merupakan seorang tokoh akademik ternama British. Beliau seorang pensyarah dalam bidang psikologi di Universiti Manchester, Glaslow. Beliau juga menjawat jawatan sebagai Pensyarah Kanan dalam bidang Psikologi Pendidikan serta ahli akademik di Corpus Christi College di Universiti Cambridge⁴⁰. Karya-karya yang

³⁷ Macmillan (2006), *English Dictionary for Advanced Learners*, United Kingdom : Bloomsbury, h. 44.
³⁸ *Ibid.*

³⁹ <http://Catalogue : National Library Of Australia.gov.au>, 14 Januari 2009, rujuk juga: Thouless, Robert H. (1942:July), "Experiments on paranormal guessing", *British Journal of Psychology* (British Psychological Society) **33** (1): 15–27.

⁴⁰ *Ibid.*

dihasilkan oleh beliau antaranya : *An Introduction To The Psychology Of Religion*, *Authority And Freedom : Some Psychological Of Religious Belief, General And Social Psychology : a Textbook For Students Of Economics And Social Sciences, Straight And Crooked Thingking, The Control Of The Mind, How To Think Straight, Experimental Psychical Research, Straight Thinking In War Time, The Lady Julian - A Psychological Study, Straight And Crooked Thinking: Teach Yourself: Teach Yourself, The Control Of The Mind, From Anecdote To Experiment In Psychical Research.*

Menurut Thouless dalam buku *Psychology of Religion*, terdapat empat faktor seseorang itu beragama iaitu : pengaruh sosial, pengalaman, keperluan dan proses pemikiran⁴¹. Faktor sosial merangkumi semua pengaruh sosial dalam perkembangan sikap keberagamaan melalui pendidikan ibubapa, tradisi-tradisi sosial dan pengaruh lingkungan sosial yang cuba disesuaikan dengan persekitaran⁴². Faktor lain yang dianggap sebagai sumber keyakinan agama adalah keperluan yang tidak dapat dipenuhi dengan sempurna, seperti keselamatan diri, kecintaan, harga diri dan kematian sehingga menyebabkan manusia berhajat kepada agama. Faktor terakhir adalah proses pemikiran yang berlaku ketika usia remaja, kerana pada masa ini, remaja mula berfikiran kritis dalam menyingkapi soal- soal keagamaan, terutama bagi mereka yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan bersikap terbuka⁴³. Mereka akan mengkritik guru agama mereka yang tidak rasional dalam menjelaskan ajaran- ajaran agama Islam, khususnya bagi remaja yang berfikiran kritis. Namun begitu, walaupun remaja berfikiran kritis

⁴¹<http://www.journalonlines.info>, 9 Januari 2009

⁴² *Ibid.*

⁴³ *Ibid.*

sukar untuk ditangani apabila mula mempersoalkan tentang hal-hal berkaitan agama, setelah mereka melalui pelbagai pengalaman hidup, mereka akan mula memahami tuntutan yang telah ditentukan dalam agama⁴⁴.

Justeru, pengertian psikologi agama menurut Barat membawa pengertian kajian yang memberi penekanan kepada tingkah laku keagamaan. Tingkah laku ini wujud kerana adanya kepercayaan terhadap suatu kuasa yang istimewa yang lebih hebat daripada manusia. Agama yang dimaksudkan di Barat tidak memasukkan peranan al-*Nafs* atau *al-Qalb* dalam kegiatan keagamaan mereka melainkan perasaan yang menyatakan bahawa adanya kuasa yang lebih hebat daripada manusia.

1.4.7 Pengertian “Psikospiritual Islam”

Psikospiritual Islam merupakan gabungan perkataan psikologi dan spiritual yang bermaksud pemikiran atau kajian tentang proses mental dan pemikiran yang bersifat rohaniah dari perspektif agama Islam⁴⁵. Setiap individu dikurniakan spiritual oleh Allah. Spiritual diperlukan sebagai persediaan untuk mencintai Allah dan menjadi pendorong kepada daya kecerdasan dan emosional yang mendorong ke jalan kebenaran. Dengan kebijaksanaan dan pengalaman, maka manusia dapat mencapai spiritualiti. Antara fokus bidang psikologi spiritual ialah pemahaman tentang metode mendalam spiritual,

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Hajah Noresah Baharom et.al (2007), *op.cit.*, h.

muhasabah diri, mengetahui kebaikan sembahyang, meditasi, teknik latihan spiritual sebagai rawatan dan menilai penyakit dalaman (spiritual)⁴⁶.

Psikospiritual merupakan suatu disiplin ilmu yang baru yang unik. Kebanyakan latihan klinikal mahupun profesional dalam bidang psikologi melalui perubahan daripada psikodinamik kepada behaviorisme, kemudiannya berubah kepada behaviorisme-kognitif, seterusnya kepada kewujudan kemanusiaan dan sekarang berubah kepada psikologi berasaskan spiritual. Psikologi spiritual ini merangkumi dua aspek iaitu yang pertama, ianya menghubungkan fizikal, minda, jiwa dan spiritual (rohani) dan kedua ianya memperkuuhkan lagi perkaitan proses mental, pengalaman dan sikap manusia⁴⁷.

Psikologi Islam ini juga perlu menggabungkan idea tokoh-tokoh psikologi Islam kontemporari yang mengintegrasikan dunia pengetahuan spiritual seperti Muhammad ‘Uthmān al-Nājatī, Malik Badri, Dr. Zakiah Daradjat, Dr. H. Jalaluddin dan beberapa tokoh psikologi agama yang lain. Oleh itu, berdasarkan kepada pandangan yang diberikan oleh tokoh-tokoh tersebut, psikospiritual Islam adalah suatu bidang psikologi yang tidak menolak ilmu-ilmu psikologi dari Barat dengan sepenuhnya kerana tiada suatu pun ilmu atau pengetahuan yang tidak pernah salah. Oleh itu, penulis cuba untuk mengupas pandangan Barat dalam membicarakan tentang psikologi Islam yang berkaitan dengan perkembangan jiwa agama. Justeru, masyarakat Islam sewajarnya dibenarkan untuk memilih aspek-aspek yang bersesuaian dengan norma dan

⁴⁶ Prof. Akbar Husain (2005), *Spiritual Psychology*, New Delhi : Global Vision Publishing House, h. 4 & 9.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 9-10.

kepercayaan dalam agama Islam dan psikologi agama Barat ini perlu disuntik dengan perspektif Islam dengan menggunakan pendekatan al-Quran dan al-Sunnah⁴⁸.

Secara keseluruhannya, bidang yang menjadi fokus kepada penulis dalam psikologi agama ini ialah yang membicarakan tentang perkembangan jiwa agama manusia bermula dari pembinaan rumahtangga, proses mendapat anak, melahirkan anak, membesarkan anak sebagai remaja, membentuk jati diri seorang individu dewasa, menjelang usia lanjut sehingga saat menghadapi kematian. Selama proses ini berlaku, pemahaman tentang peranan ruh, jiwa, hati dan sebagainya dititikberatkan, bagaimana menghadapi masalah kehidupan turut ditangani, bagaimana membentuk akhlak mulia juga diajarkan dan pelbagai dimensi kehidupan manusia disentuh dalam perbincangannya. Di samping itu, kajian ini juga meneliti perkembangan jiwa agama di kalangan anak-anak menurut psikologi agama Barat dengan difokuskan kepada pemikiran Robert H.Thouless dan kemudiannya akan dianalisis menurut perspektif psiko-spiritual Islam.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan perkembangan jiwa agama yang mempengaruhi jiwa anak-anak. Oleh itu, ia adalah penting kerana perkembangan jiwa agama inilah yang bakal mencorakkan kehidupan anak-anak pada masa akan datang.

⁴⁸ Seyyed Hossein Nasr (1996), “The Quran and Hadith as Source and Inspiration of Islamic Philosophy”, dalam Seyyed Hossein Nasr dan Oliver Leaman (ed), *History of Islamic Philosophy*, London dan New York : Routledge, h.37 ; Felix Klien-Franke (1996), “Al-Kindi”, dalam Seyyed Hossein Nasr dan Oliver Leaman (ed), *History of Islamic Philosophy*, London dan New York : Routledge, h.165-173.

Penulis juga berharap agar penulisan ini dapat mencegah pelbagai gejala negatif yang menular secara berterusan dalam masyarakat hari ini. Kebanyakan keruntuhan akhlak muda mudi hari ini seperti kes ponteng sekolah, mencuri, menagih dadah, rogol dan lain-lain lagi berpunca dari runtuhnya institusi kekeluargaan disebabkan kebanyakan ibubapa yang gagal memainkan peranan utama mereka dalam mendidik anak-anak. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan jiwa agama amat penting dalam kehidupan individu dalam melahirkan generasi yang berakhhlak mulia.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada perkembangan jiwa agama anak-anak yang bermula dari peringkat pra lahir sehingga ke peringkat remaja. Perkembangan jiwa agama anak-anak mengikut peringkat umur ini memberi pengaruh yang besar dalam pembentukan syaksiah mereka. Dalam memaparkan kajian dan contoh yang akan diberikan dalam kajian ini kebanyakannya ialah realiti yang berlaku di Malaysia secara khususnya dan seluruh dunia amnya.

Sebagai fokus utama penulis memaparkan perkembangan jiwa keagamaan, penulis menumpukan perhatian kepada hasil penulisan Robert H. Thouless yang merupakan tokoh terawal yang membincarakan tentang psikologi agama di Barat. Pemilihan tokoh ini juga melihat kepada hasil penulisan beliau yang telah menulis

secara peringkat demi peringkat perkembangan manusia bermula semasa kanak-kanak sehingga remaja bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh penulis.

Penulisan beberapa tokoh ilmuwan Islam seperti Imam al-Ghazalī, Dr. 'Abdullah Nasih Ulwan, Dr Zakiah Dharajat, Dr. H. Jalalludin dan beberapa tokoh lagi yang menjadi tumpuan penulis dalam memperkatakan tentang perkembangan jiwa agama. Pemilihan tokoh ini adalah disebabkan oleh mereka telah memberi kaedah tertentu dalam perkembangan jiwa agama dan membincangkan tentang perkembangan jiwa agama secara berperingkat demi peringkat dalam perkembangan jiwa agama seperti bermula dari pra lahir sehingga remaja.

1.7 Sorotan Perpustakaan

Kajian ini merupakan sebuah bentuk penulisan ilmiah yang membicarakan tentang perkembangan jiwa agama anak-anak. Pendidikan agama yang tumbuh dalam jiwa anak-anak akan melahirkan manusia yang baik pekertinya.

Kajian-kajian lepas yang memperkatakan tentang perkembangan jiwa agama sepanjang pencarian penulis belum ada yang menyentuh secara langsung tentang perkembangan jiwa agama menurut Thouless.

Namun terdapat sebuah disertasi yang telah diterbitkan membincangkan tentang psikospiritual Islam. **Pengawalan Diri Ke Atas Pelayaran Laman Web Pornografi Pada Peringkat Remaja di Lembah Klang, Malaysia Dari Sudut Psikospiritual**

Islam⁴⁹ dalam bab 2 ada membincangkan tentang pembentukan personaliti remaja dari aspek psikologi, fizikal, intelektual, spiritual dan faktor-faktor pemangkin pembentukan personaliti remaja seperti peranan ibubapa, rakan sebaya, institusi pendidikan dan masyarakat. Kajian lapangan yang dilakukan ini untuk melihat sejauhmana remaja di sekitar Lembah Klang mengenali dan menyukai laman web pornografi. Perkembangan personaliti remaja yang dibincangkan dalam disertasi secara langsung menyentuh kepada pembentukan jiwa agama remaja tersebut.

Antara buku yang membincangkan perkembangan jiwa agama secara umum ialah buku yang ditulis oleh David M.Wulff⁵⁰ yang bertajuk *Psychology Of Religion*, Betty R. Scharf penulis *The Sociological Study of Religion*⁵¹, manakala Meredith B. McGuire penulis buku *Religion The Social Context*⁵², Thomas F. Odea penulis *The Sociology of Religion*⁵³, Drs. D Hendropuspito penulis buku “Sosiologi Agama”, Hiram E. Fitzgerald penulis buku *Developmental Psychology Studies In Human Development*⁵⁴, dan pelbagai lagi buku yang menceritakan jiwa agama secara umum. Kesemua buku ini menyentuh menceritakan tentang psikologi agama secara menyeluruh tanpa membincangkannya secara berperingkat bermula dari peringkat pra lahir sehingga kanak-kanak. Buku *Religion The Social Context* dan *The Sociological Study of Religion*

⁴⁹ Nor Azah Abdul Aziz (2009),*Pengawalan Diri Ke Atas Pelayaran Laman Web Pornografi Pada Peringkat Remaja Di Lembah Klang, Malaysia Dari Sudut Psikospiritual Islam*, Tesis Ph.D, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, h. 45.

⁵⁰ David M.Wulff (1997), *Psychology Of Religion*, New York : John Wiley & Sons, h. 34.

⁵¹ Betty R. Scharf (1970), *The Sociological Study of Religion*, London : Hutchinson University Library, h. 19.

⁵² Meredith B. McGuire (1997), *Religion The Social Context 4th Edition*, America : Wadsworth Publishing Company, h.56.

⁵³ Thomas F. Odea (1966), *The Sociology of Religion*, Prentice Hall : New Jersey, h.84.

⁵⁴ Hiram E. Fitzgerald (1977), *Developmental Psychology Studies In Human Development*, Homewood : Dorsey Press, h.65.

menyentuh aspek persekitaran yang menyumbang kepada perkembangan seseorang individu⁵⁵ berbanding dengan *Psychology Of Religion* dan yang menceritakan sikap keagamaan merupakan suatu keadaan yang ada dalam diri seseorang yang mendorongnya untuk bertingkah laku sesuai dengan ketaatannya terhadap agama. Sikap keagamaan itu wujud hasil dari kesinambungan antara kepercayaan terhadap agama dengan perasaan terhadap agama. Oleh itu, perkembangan jiwa agama merupakan gabungan secara kompleks antara pengetahuan agama, perasaan serta sikap keagamaan dalam diri seseorang. Hal ini menunjukkan bahawa sikap keagamaan ada kaitan dengan kejiwaan.

Manakala buku yang berkaitan dengan perkembangan jiwa agama anak-anak menurut Barat pula Benard Spilka penulis buku *The Psychology Of Religion An Empirical Approach*⁵⁶, Michael T. Evans menghasilkan buku *Religion and Psychology*⁵⁷, Benjamin Beit-Hallahmi penulis buku *The Psychology of Religious Behaviour, Belief and Experience*⁵⁸, Bernald Spilka and Daniel N. McIntosh menulis buku *The Psychology of Religion Theoretical Approaches*⁵⁹, James Forsyth penulis buku *Psychological Theories of Religion*⁶⁰, Robert H. Thouless penulis buku *An Introduction To The Psychology Of Religion*⁶¹ dan beberapa orang lagi yang akan dibincangkan dalam penulisan ini. Kesemua hasil penulisan tokoh-tokoh dari Barat ini telah

⁵⁵ Meredith B. McGuire (1997), *op.cit.*, h.35.

⁵⁶ Benard Spilka (2003), *The Psychology Of Religion An Empirical Approach*, London : The Guilford Press, h.17.

⁵⁷ Michael T. Evans(2009), *Religion and Psychology*, New York : Nova Science Publishers, h.43.

⁵⁸ Benjamin Beit-Hallahmi (1997), *The Psychology of Religious Behaviour, Belief and Experience*, London : Routledge, h.26.

⁵⁹ Bernald Spilka and Daniel N. McIntosh (1997), *The Psychology of Religion Theoretical Approaches*, United State of America : Westview Press, h.34.

⁶⁰ James Forsyth (2003), *Psychological Theories of Religion*, New Jersey : Pearson Education, h.51.

⁶¹ Robert H Thouless (1971), *An Introduction To The Psychology Of Religion*, Cambridge : University Press, h.32.

membincangkan perkembangan jiwa agama anak-anak menurut Barat. Teori-teori yang dinyatakan dalam buku-buku ini berkaitan dengan pembentukan tingkah laku seseorang dilihat dari aspek kejiwaannya. Pendidikan terhadap jiwa seseorang sejak kecil amat penting dalam melahirkan individu yang berakhhlak mulia. Misalnya, kajian dilakukan dengan memerhatikan perkembangan kanak-kanak dari dua latar belakang keluarga yang berbeza. Keluarga yang bahagia, dan keluarga yang porak peranda menghasilkan dua individu yang berbeza. Faktor yang membawa kepada kebahagiaan adalah ketenangan dan ketaatan sesebuah keluarga itu terhadap agama.

Selain itu, buku-buku berkaitan perkembangan jiwa agama yang memfokuskan berkaitan pandangan Islam dalam perkembangan jiwa agama adalah seperti buku yang ditulis oleh Malik Badri yang bertajuk *Contemplation An Islamic Psychospiritual Study*, Syed Muhammad Naquib al-Attas pula menulis buku *Islam The Concept Of Religion And The Foundation Of Ethics and Morality*, Hassan Saleh merupakan penulis buku Asas Kekeluargaan Islam, Talib Samat penulis buku “Membentuk Generasi Islam”, Kamarul Azmi penulis buku “Wanita Dalam Dakwah Dan Pendidikan”, Abdullah Nasih Ulwan penulis buku Tarbiyatul Aulad Fi Islam, Dr. H. Jalaluddin menulis buku “Psikologi Agama”, Abdul Mujid pula penulis buku “Nuansa-Nuansa Psikologi Islam”, Moh. Sholeh Imam Musbikin menulis buku “Agama Sebagai Terapi Telaah Menuju Ilmu Kedokteran Holistik”, dan pelbagai buku yang berkaitan dengan perkembangan jiwa agama menurut Islam. Rujukan utama dalam buku-buku yang dihasilkan oleh penulis Islam dalam mengupas berkaitan dengan perkembangan jiwa agama ini adalah berpandukan al-Quran dan al-Hadis. Secara umumnya tidak ramai penulis yang menulis

secara terperinci dan mengikut peringkat demi peringkat dalam perkembangan manusia bermula dari pra lahir sehingga kepada zaman remaja.

Antara kertas kerja yang membincangkan tentang perkembangan jiwa agama ini ialah kertas kerja yang ditulis oleh Prof. Chandra Muzaffar yang bertajuk *Religion and Identity in a Globalising World*, yang diterbitkan oleh YADIM. Selain itu, kertas kerja lain yang menjadi rujukan ialah “Peranan Islam Dalam Pembentukan Keluarga Bahagia” yang ditulis oleh Dr. Mohd. Nur Manuty. Dalam kertas kerja ini dinyatakan tentang pendidikan yang diterapkan dalam Islam sangat penting kerana Allah memerintahkan supaya bapa sebagai ketua memberi pendidikan yang sempurna kepada isteri dan anak-anak. Malahan keluarga yang sempurna didikan agamanya juga amat penting untuk pembangunan negara. Hasilnya akan lahir individu yang amanah, bertanggungjawab dan sebagainya. Jurnal yang berkaitan dengan perkembangan jiwa agama ialah *Religious Parenting* Vol. 22, Issue 1, yang diterbitkan oleh International Journal for the Psychology of Religion pada tahun 2011 pula mengkaji tentang perbezaan keluarga yang kuat beragama dan keluarga yang mementingkan kebendaan sahaja. Selain itu, artikel yang bertajuk *Psychology of Religion* yang ditulis dalam *Journal of Philosophical Studies* yang berpandangan bahawa tingkah laku seseorang adalah seiring dengan kepercayaan dan ia adalah suatu perkara yang penting dalam seluruh sistem kepercayaan tersebut. Artikel ini menyatakan untuk mengkaji tentang sesuatu yang berkaitan dengan perkembangan agamanya, bukan hanya melihat kepada tingkah laku keagamaan sahaja, tetapi sesuatu yang mendorong keyakinan terhadap tingkah laku tersebut dengan wujudnya kepercayaan kepada kuasa ghaib. Justeru, kebanyakan artikel yang ditemui oleh penulis terutamanya yang dihasilkan di Barat telah wujud kecenderungan unutk

mempercayai adanya kuasa ghaib yang menyebabkan seseorang mentaatinya tanpa mempersoalkannya. Kepercayaan seperti inilah sebenarnya yang telah menyebabkan tokoh psikologi di Barat mula mempercayai adanya kuasa ghaib yang mendorong manusia untuk melakukan sesuatu yang baik bersesuaian dengan kehendak kuasa tersebut.

1.8 Metodologi Penyelidikan

Secara umumnya, kajian ini merupakan kajian perpustakaan kerana ia menumpukan pengkajiannya kepada pemikiran Psikologi Agama Barat menurut Robert H. Thouless dalam usaha mengembangkan jiwa agama di kalangan anak-anak. Sejumlah karya-karya yang berkaitan dengannya akan digunakan untuk tujuan pengumpulan data. Karya Robert H.Thouless iaitu *Psychology Of Religion* akan menjadi rujukan penting bagi tujuan pengkajian ini. Dari aspek psikospiritual Islam pula, sejumlah karya tulisan ahli-ahli psikologi Islam dan ahli sufi akan digunakan bagi menganalisis dan menilai pemikiran Barat tersebut dari sudut pandangan psikospiritual Islam. Untuk tujuan tersebut, kajian ini menggunakan metode-metode berikut :

1.8.1 : Metode Pengumpulan Data

Metode ini ialah usaha-usaha pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul. Dalam usaha pengumpulan data, penulis lebih banyak menjurus ke arah kajian perpustakaan (*library research*). Di antara perpustakaan yang sering digunakan ialah :

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Peringatan Zaaba, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Awam Pusat Islam.
- iv. Pepustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- v. Perpustakaan Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- vi. Perpustakaan Negara.
- vii. Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- viii. Perpustakaan Universiti Utara Malaysia.

Dalam usaha mengumpulkan data, penulis telah menggunakan beberapa metode sebagai garis panduan, antaranya :

Metode Dokumentasi

Penulis menggunakan metode ini untuk mengkaji karya utama yang dihasilkan oleh Robert H. Thouless iaitu *The Psychology Of Religion*. Di samping itu juga terdapat beberapa karya ilmuwan Islam yang lain seperti *Psikologi Agama* menurut H. Jalaluddin, *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam* karangan Abdul Mujib dan Yusuf Mudzakir, *Tarbiyah al-Awlād* oleh ‘Abd Allāh Nasīḥ Ulwān, dan koleksi persidangan yang bertajuk “ Pengurusan Psikospiritual Sebagai Asas Pembinaan Keperibadian Ummah” dan beberapa karya utama yang lain. Kebanyakan karya ini dirujuk sebagai perbandingan antara perkembangan jiwa agama dari perspektif Islam. Kebanyakan buku yang digunakan ini adalah untuk memperkuatkan lagi kajian yang dilakukan oleh

penulis di samping membuat perbandingan yang berlaku antara perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless dan juga Islam.

1.8.2 : Metode Analisis Data

Apabila kesemua data yang diperlukan terkumpul penulis akan memproses dan menganalisis data dan fakta dengan menggunakan metode ini. Proses penganalisaan akan melalui kaedah-kaedah berikut :

i. Metode Induktif

Ia merupakan suatu cara menganalisa data melalui cara berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum⁶² yang terdapat dalam :

- a) Latar belakang masalah dalam bab pertama.
- b) Landasan teori dalam bab kedua dan ketiga
- c) Analisis dalam bab keempat.
- d) Kesimpulan memperdalam isu-isu perkembangan jiwa agama.

Dalam menyingkap latar belakang dalam bab pertama, penggunaan metod induktif digunakan untuk memaparkan masalah, memperdalam dan menghuraikan pentingnya

⁶² Iman Bernadib (1982), *Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, h. 52

peranan yang dimainkan oleh ibubapa dalam melihat perkembangan jiwa agama di kalangan anak-anak. Bermula dengan latar belakang permasalahan yang menyebabkan kajian ini dilakukan sehinggalah kepada perbandingan kajian perkembangan jiwa agama yang berlaku di Barat dengan mengemukakan pandangan Robert H. Thouless dan dunia Islam dengan mengemukakan beberapa pandangan tokoh Islam seperti Imam al-Ghazali, Dr. Uthman Najjati dan ramai lagi cendiakawan Islam yang lain.

ii. Metode Deduktif

Ia merupakan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus⁶³ yang digunakan untuk menganalisis dalam bab yang keempat. Dalam bab ini analisis akan dilakukan dengan melihat kepada keadaan sebenar yang berlaku dalam perkembangan jiwa agama yang berlaku di Barat dan juga Islam.

iii. Metode Komparatif

Metode ini merupakan metode yang digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Segala data dan fakta kesemuanya dikumpulkan lalu dibuat perbandingan. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisa beberapa aspek seperti perkembangan jiwa agama anak-anak daripada peringkat kanak-kanak sehingga remaja menurut psikologi agama Barat dan psikospiritual Islam dalam beberapa bab tertentu. Perbandingan dalam perkembangan jiwa agama yang dilakukan adalah bermula

⁶³ *Ibid..*

dari peringkat pra lahir, peringkat kelahiran, peringkat kanak-kanak dan peringkat remaja

1.9 Susunan Penulisan

Penulisan disertasi ini terbahagi kepada lima bab yang mempunyai tajuk-tajuk tertentu tetapi mempunyai perkaitan di antara satu sama lain. Pembahagian tajuk ini bagi memudahkan perbincangan dan perbahasan agar lebih jelas dan terperinci.

Bab 1 merupakan bab pendahuluan yang bersifat pengantar kepada kajian ini. Bab ini mengandungi latar belakang masalah kajian, perumusan masalah kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, pengertian tajuk kajian, sorotan kajian lepas, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan.

Bab 2 membincangkan tentang **Perkembangan Jiwa Agama Di Kalangan Anak-Anak Menurut Perspektif Psikospiritual Islam**. Dalam bab ini penulis akan mengemukakan teori-teori yang dikemukakan oleh sarjana Islam tentang perkembangan jiwa anak-anak menurut psikospiritual Islam.

Bab 3 merupakan bab yang mengutarakan berkenaan **Perkembangan Jiwa Agama Di Kalangan Anak-Anak Menurut Robert H. Thouless**. Penumpuan diberikan kepada hasil penulisan Robert H. Thouless yang merupakan sarjana awal yang memperkatakan tentang perkembangan jiwa agama.

Bab 4 pula adalah fokus kepada kajian ini. Bab ini membincangkan **Perspektif Psikospiritual Islam Terhadap Teori Perkembangan Jiwa Agama Di Kalangan Anak-Anak Menurut Robert H. Thouless.** Bab ini merupakan kemuncak kepada kajian ini yang mengemukakan analisis dari keseluruhan kajian.

Bab 5 merupakan bab terakhir sebagai penutup dari kesimpulan terhadap apa yang disingkapkan dan yang dikupas dalam bab-bab yang sebelumnya. Penulis membuat beberapa saranan dan cadangan yang dirasakan perlu serta bersesuaian dengan tajuk yang sedang diteliti.

BAB 2

PERKEMBANGAN JIWA AGAMA MENURUT PERSPEKTIF PSIKOSPIRITAL ISLAM

2.0 Pendahuluan

Sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah, sememangnya potensi agama telah wujud dalam diri manusia sejak ia dilahirkan⁶⁴. Potensi agama yang dimaksudkan ialah penyaksian semua roh-roh ketika di alam roh bahawa Allah S.W.T ialah tuhan mereka , dan perjanjian mereka untuk taat kepada perintah Allah dengan melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhkan segala larangan Allah. Al-Quran menjelaskan bahawa jiwa setiap manusia asalnya adalah dalam keadaan fitrah yang masih bersih dan suci dari pengaruh persekitaran⁶⁵. Jiwa yang fitrahnya bersih sejak mulanya mengakui bahawa pasti adanya Pencipta yang maha hebat menciptakan seluruh alam ini⁶⁶. Pencipta yang Esa ini juga menciptakan manusia⁶⁷ yang dikeluarkan dari tulang punggung tempat asalnya disimpan⁶⁸. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T melalui firmanNYA dalam surah al-A‘raf⁶⁹ :

⁶⁴ H. Jalaluddin (2004), *Psikologi Agama*, Jakarta : PT RajaGrafindo Persada, h. 47.

⁶⁵ Ibn Kathir (1992), *Tafsīr al-Qur’ān al-’Azīm*, juz. 3, Beirut :Dār al-Fikr, h.304.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ Ahli tafsir menyatakan roh telah terjadi terlebih dahulu daripada badan manusia dan ketika itulah pertanyaan dari Allah datang Bukankah Aku Tuhanmu? Mereka semua menjawab : Memang benar bahkan Kami menyaksikan sendiri bahawa Tuhan mereka dengan bukti dan dalil yang ditunjukkan kepada mereka yang menyebabkan mereka mengetahui bahwasanya Dia pencipta mereka . Rujuk juga : Ibn Kathir (1992), *op.cit*, h.304 dan Syed Ahmad Semait (1990), *Roh Suatu Analisa Tentang Roh-Roh Orang Mati Dan Orang Hidup*, Singapura : Pustaka Nasional PTE.LTD.

⁶⁸ Dalam setiap tulang punggung setiap anak cucu Adam wujudnya lembaga setiap diri manusia yang akan melanjutkan hidup seperti mana dahulunya kita yang hidup ini,tersimpan di dalam tulang punggung ayah kita, dan ayah kita tersimpan di dalam tulang punggung nenek kita sehingga lah kepada nabi Adam. Rujuk juga Ibn Kathir (1992), *op.cit.*, h.400

⁶⁹ Surah al- A‘raf : ayat 172.

وإذ أخذ ربك من بني آدم من ظهورهم ذريتهم وأشهدهم على
أنفسهم ألسنت بربكم قالوا بل شهدنا أن تقولوا يوم القيمة إننا كنا
عن هذا غافلين

Maksudnya : “ dan ingatlah ketika tuhanmu mengeluarkan daripada anak Adam melalui belakangnya zuriat – zuriat mereka dan mereka telah menyaksikan sendiri ketika ditanya : bukankan Aku ini tuhan kamu ? , lantas mereka menjawab : Ya , kami menyaksikannya (bahawa Allah tuhan kami) untuk kamu semua menyatakan pada hari kiamat bahawa kami tergolong di kalangan orang – orang yang lalai tentang perkara ini”.

Ubay bin Kaab menyatakan bahawa Allah menghimpunkan manusia dan menjadikan mereka sebagai roh-roh, kemudian Allah membentuk rupa mereka dan membuat mereka bertutur kata sehingga mereka bersaksi bahawa Allah sebagai *Rabb*. Pada awal penciptaan, roh sudah mengenal Allah S.W.T. mengerti kedudukannya sebagai hamba dan mengakui bahawa Allah Tuhannya⁷⁰. Namun demikian, setelah roh bercampur dengan tubuh, maka apa yang pernah diakuinya telah dilupakan akibat terpengaruh dengan persekitaran kehidupannya sehingga manusia melampaui batas⁷¹. Sebagaimana firmanNya⁷²:

يَأَهْلَ الْكِتَابِ لَا تَغْلُوْ فِي دِينِكُمْ وَلَا تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ إِلَّا الْحَقُّ
إِنَّمَا الْمَسِيحُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ رَسُولُ اللَّهِ وَكَلِمَتُهُ أَقْدَها إِلَى
مَرْيَمَ وَرُوحٌ مِّنْهُ فَعَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَلَا تَقُولُوا ثَلَثَةٌ أَنَّهُمْ حَيْرَانٌ

⁷⁰ Dinukilkan daripada Sa’id Hawwa (2010), *Tarbiyatuna al-Ruhiyah*, Abdul Munip (terj.), *Pendidikan Spiritual Rujukan Lengkap Tarbiyah Ruhiyah Menggapai Cinta Ilahi* , Kuala Lumpur : Mutiara Ilmu Seleka, h. 43.

⁷¹ Imam al-Ghazali (1399), *Ihya Ulumuddin*, Mohammad ‘Ammar Arrushdy (terj.), Jiwa ugama, Kuala Lumpur : Penerbitan al-Ikhwan, h.266.

⁷² Surah al-Nisa’ : ayat 171.

لَكُمْ إِنَّمَا أَلْهُ وَاحِدٌ سُبْحَنَهُ أَن يَكُونَ لَهُ وَلَدٌ لَّهُ مَا فِي
 الْسَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَكَفَى بِاللَّهِ وَكِيلًا

Maksudnya : Wahai ahli kitab, janganlah kamu melampaui batas dalam agamamu, dan janganlah kamu mengatakan terhadap Allah kecuali yang benar. Sesungguhnya Al Masih, Isa putera Maryam itu, adalah utusan Allah dan (yang diciptakan dengan) kalimat-Nya yang disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (dengan tiupan) roh dari-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan rasul-rasul-Nya dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga", berhentilah (dari Ucapan itu). (itu) lebih baik bagimu. Sesungguhnya Allah Tuhan yang Maha Esa, Maha Suci Allah dari mempunyai anak, segala yang di langit dan di bumi adalah kepunyaan-Nya. cukuplah Allah menjadi Pemelihara.

Sesungguhnya penciptaan manusia oleh Allah S.W.T. bukanlah sesuatu yang sia-sia , tanpa sebarang matlamat , akan tetapi tujuan atau matlamat manusia dihidupkan di muka bumi ini ialah untuk mereka mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Sebagai hamba Allah S.W.T juga sebagai khalifah Allah S.W.T di muka bumi yang fana ini. Allah S.W.T telah membekalkan manusia dengan lafaz syahadah yang mentauhidkan Allah S.W.T sedari manusia di alam roh lagi . Pengabdian ini disebutkan oleh Allah S.W.T menerusi firmanNya⁷³ :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya : “ dan tidak Aku ciptakan manusia dan jin melainkan untuk mereka beribadat kepadaKu. ”

Agama Islam sebagai agama yang diterima di sisi Allah amat menitikberatkan pendidikan terhadap manusia bermula sedari mereka di alam roh lagi , kemudian

⁷³ Surah al-Dhariyat : ayat 56.

mereka ditentukan oleh Allah untuk dilahirkan ke muka bumi ini setelah berada di alam rahim ibu mereka, lantas menjalani kehidupan sebagai kanak-kanak. Kemudiannya mereka menempuh alam remaja, alam dewasa dan hinggahalah mereka meninggal dunia . Segala apa yang dilalui oleh manusia dengan mengikuti segala aturan ajaran Islam akan mempengaruhi perkembangan jiwa manusia itu sendiri .

Oleh itu, untuk melihat pendekatan yang praktikal yang digunakan oleh Islam, penulis akan membincangkan tentang peringkat perkembangan jiwa manusia menurut Islam. Pembahagian peringkat perkembangan jiwa agama ini terdiri daripada janin (pra-lahir), kelahiran, kanak-kanak, remaja, dewasa dan lanjut usia sehinggahalah kepada kematian. Justeru, bab ini akan membincangkan tentang perkembangan jiwa agama menurut psikospiritual Islam. Bermula dari peringkat pra kelahiran sehinggahalah remaja.

2.1 Latar Belakang Psikospiritual Islam

Disiplin psikospiritual dalam sejarah Islam bermula di sekitar abad ke 3H atau abad 9 masih⁷⁴. Menurut Prof. Hamka, psikospiritual yang dikenali juga sebagai tasawuf Islam telah berkembang seiring dengan perkembangan Islam itu sendiri yang bermula dari Nabi Muhammad s.a.w yang bersumberkan al-Quran dan al-hadis itu sendiri⁷⁵. Sejarah⁷⁶ psikospiritual Islam ini telah bermula sejak zaman Rasulullah

⁷⁴ ‘Abd al-Karīm al-Qushayrī (1330h), *al-Risālah al-Qushayriyyah*, Muḥammad ‘Alī Ṣābiḥ (taḥqīq), Kaherah : Sharikah Maktabah wa Taṭbiqat Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥālābī wa Awlādih, h.138.

⁷⁵ Prof. Dr. Hamka (1982), *Studi Islam*, Singapura : Pustaka National, h. 12 – 13.

⁷⁶ Seyyed Hossein Nasr (1999), *Sufi Essay*, c.3, USA : ABC International Group, Inc., h.45 – 46.

sekitar abad pertama dan ke 2H. Hal ini juga disokong dengan adanya pandangan dari Ibnu Khaldun yang menyatakan bahawa psikospiritual Islam merupakan salah satu dari ilmu syariat yang bermula dari sahabat nabi dan tabi'in yang tekun beribadat kepada Allah, menolak kemewahan dunia dengan bersifat *zuhd*, dan gemar menyendiri untuk berkhalwat dari makhluk lain⁷⁷. Kehidupan yang dilalui oleh mereka yang terlibat dengan amalan ini cenderung kepada *faqir*, tahap sabar yang tinggi, tunduk dan patuh kepada perintah Allah, redha, syukur, sentiasa meriāyadahkan diri dan bersedih terhadap sebarang maksiat yang dilakukan⁷⁸. Prinsip *tawakkul* tanpa batasan kepada Allah dan *al-khawf* yang amat mendalam dipegang teguh sehingga mereka mencapai martabat *mahabbah* kepada Allah⁷⁹. Disiplin kehidupan seperti ini juga dikenali sebagai tasawuf, yang membawa makna kehidupan suci bagi golongan sufi. Oleh itu, psikospiritual Islam dan kesihatan jiwa mempunyai hubungan yang erat dengan soal kejiwaan, akhlak dan kebahagiaan manusia.

Manusia yang berkendak kepada kebaikan, ia akan berusaha untuk mencari jalan kebenaran. Bertitik tolak dari firman Allah⁸⁰

مَنِ اهْتَدَى فَإِنَّمَا يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ

Barangsiapa yang berbuat sesuai dengan hidayah (Allah), maka Sesungguhnya dia berbuat itu untuk (keselamatan) dirinya sendiri.

⁷⁷ Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Khaldun (1999), *Muqaddimat Ibn Khaldun : al-Musamma bi-Kitab al-'Ibar, wa-Diwan al-Mubtada' wa-al-Khabar, fi Ayyam al-'Arab wa-al-'Ajam wa-al-Barbar wa-man 'Asarahum min Dhawi al-Sultan al-Akbar*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, h. 43.

⁷⁸ *Ibid*

⁷⁹ *Ibid*

⁸⁰ Surah al-Isra' : ayat 15.

Kebaikan ini yang akan membentuk jiwa agama seseorang. Seseorang yang cenderung untuk melakukan kebaikan akan sentiasa berusaha untuk menjaga dirinya dari perkara yang melalaikan seperti bercakap perkataan yang sia-sia, menjaga pandangan dan sebagainya.

Matlamat tasawuf adalah untuk membentuk keperibadian seorang mukmin dengan mencintai Allah dan dicintai Allah⁸¹. Ia juga mempunyai kaitan yang rapat dengan psikoterapi Islam yang bertujuan untuk memperbaiki jiwa dengan mendekatkan diri dengan Allah. Menurut Dr Muhammad Uthman Najjati keimanan kepada Allah akan melahirkan suatu kuasa luar biasa yang akan memberi tenaga kepada kekuatan rohani seseorang sehingga mereka mampu untuk melalui kehidupan yang sukar⁸². Apabila seseorang itu, mempunyai pegangan agama yang kuat, mereka akan dapat melahirkan keluarga sekaligus individu yang berjaya dalam kehidupan dan berkhlak mulia. Justeru untuk melatih seseorang itu sentiasa mencintai Allah, maka salah satu jalannya melalui alam tasawuf⁸³. Terdapat *maqam* atau peringkat tertentu yang perlu dilalui untuk mencapai matlamat tasawuf bagi mencapai tujuan utama tasawuf iaitu ma'rifatullāh⁸⁴. Untuk sampai ke peringkat⁸⁵ ini, seseorang itu perlu melalui *takhalli*⁸⁶, *taħalli*⁸⁷ dan *tajalli*⁸⁸ iaitu peringkat untuk membersihkan hati dari sifat mazmumah samada lahir dan batin seperti hasad, *su' al-zan*, ujub, bakhil, *gadhab*, khianat dan sebagainya.

⁸¹ Zainal Arifin Abbas (1984), *Ilmu Tasauf*, Kota Bahru : Pustaka Aman Press, h. 65.

⁸² <http://www.skripsi-tesis.com>. 31 Mei 2013

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ *Ibid*

⁸⁵ Mustafa Zahri (1979), *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*, Jakarta : PT. Bina Ilmu, h.75.

⁸⁶ *Ibid*, h.74.

⁸⁷ *Ibid*, h.82

⁸⁸ *Ibid*, h.89

2.2 PERINGKAT PERKEMBANGAN

Setelah kita melihat kepada perkembangan ruh yang mempuai kaitan yang rapat dengan perkembangan jiwa agama seseorang, dalam bab ini, penulis telah membahagikan peringkat perkembangan jiwa agama terdiri daripada peringkat pra konsepsi alam rūh, peringkat pra lahir, kelahiran, kanak-kanak dan akhirnya peringkat remaja.

2.2.1 Peringkat Pra Konsepsi (alam ruh)

Sebelum menjadi janin, rūh manusia ini semasa di *luh mahfuz* telah berjanji dengan Allah untuk taat kepada perintah Allah serta melaksanakan segala perintah-Nya. Dalam erti kata lain, kehidupan di dunia ini merupakan hasil realisasi dari kehidupan alam perjanjian yang akan dibawa sebagai bekal di alam akhirat⁸⁹. Perkara ini telah diperjelaskan oleh Allah melalui firmanNya⁹⁰ dalam surah al-A'raf :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ طُهُورِهِمْ وَأَشَهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ
بِرِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ نَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا
غَافِلِينَ

Maksudnya : “ *dan ingatlah ketika tuhanmu mengeluarkan daripada anak Adam melalui belakangnya zuriat – zuriat mereka dan mereka telah menyaksikan sendiri ketika ditanya : bukankan Aku ini tuhan kamu ? , lantas mereka menjawab : Ya , kami menyaksikannya (bahawa Allah tuhan kami) untuk kamu semua menyatakan pada hari kiamat bahawa kami tergolong di kalangan orang – orang yang lalai tentang perkara ini” .* ”

⁸⁹ Ibn Qayyim al-Jawziyah (2005), *al-Rūh.*, Beirut : Dār Ibn Kathīr, h.317.

⁹⁰ Surah al-‘Araf : ayat 172.

أشهد yang dinyatakan dalam ayat ini merupakan sejenis pengakuan daripada salah satu

bentuk ikrar⁹¹. Ikrar yang dimaksudkan ini ialah setinggi pengakuan dan hujah yang paling utama. Misalnya, ikrar orang yang mengaku lebih kuat dari penyaksian yang dilakukan oleh saksi kerana penyaksian boleh berubah disebabkan oleh wang, pengaruh masyarakat sekeliling dan sebagainya. Seseorang boleh bersaksi dengan tujuan untuk membela atau menganiayai orang lain. Berbeza dengan pengakuan orang yang melakukan, ia lebih diterima pakai kerana takkan ada orang yang akan mengakui kesalahan dengan tujuan untuk menganiayai diri sendiri melainkan seseorang itu sememangnya bersalah. Oleh itu, merujuk kepada konteks ayat, semua makhluk bersaksi ke atas diri mereka sendiri sebelum ditiupkan rūh ke jasad. Ikrar mereka ini diambil kira sebagai penyaksian di hari akhirat⁹² nanti sepertimana yang dinyatakan dalam ayat di atas.

Ibu Kathīr mentafsirkan bahawa Allah telah mengeluarkan anak cucu Adam dari tulang sulbi mereka untuk menyaksikan bahawa adalah Tuhan mereka yang menguasai mereka dan tidak ada Tuhan melainkan Dia sebagaimana juga Allah yang telah menjadikan fitrah mereka bersih seperti firmanNya⁹³ :

⁹¹ Syakh Muhd Mutawalli' Sha'rawi (t.t.), *Tafsīr Sha'rawi*, Jil. 7, Kaherah : Ahkbar al-Yaum Qito' al-Thaqafah, h. 4450.

⁹² Maksud ayat, ''pada hari kiamat bahawa kami tergolong di kalangan orang – orang yang lalai tentang perkara ini'' manusia tidak mengakui penyaksian mereka semasa dibangkitkan semula pada hari kiamat dengan mengatakan mereka tidak diberi peringatan sedangkan mereka telah berikrar menyatakan bahawa Allah sebagai Rabb mereka.

⁹³ Surah al-Rum : ayat 30.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّدِينِ حَنِيفًاٰ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا
 تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقِيمُ وَلِكَمْ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا
 يَعْلَمُونَ

“ Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang Telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. tidak ada peubah pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui ”.

“Fitrah Allah” dalam ayat ini membawa pengertian bahawa manusia sebagai makhluk Allah diciptakan mempunyai naluri beragama iaitu agama tauhid⁹⁴. Justeru ayat ini menolak pandangan manusia tidak mengakui kewujudan Tuhan sedangkan mereka telah mentauhidkanNya sejak di alam ruh⁹⁵. Namun disebabkan oleh pengaruh persekitaran seperti manusia yang dilahirkan dalam keluarga yang beragama Hindu, maka hal itu menjadi alasan manusia menolak untuk mentauhidkan Allah.

Begitu juga dengan hadis yang menyatakan bahawa setiap anak dilahirkan dalam fitrah.

" مَا مِنْ مُولَدٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفَطْرَةِ ، فَأَبْوَاهُ يَهُودَانِهُ وَمُجَسَّنِهُ وَيَنْصُرَانِهُ ...

“ Tidaklah seseorang yang dilahirkan melainkan dia dilahirkan dalam keadaan fitrah suci , maka menjadi tanggungjawab ibu dan ayahnya sama ada menjadikannya Yahudi , atau Majusi atau Nasrani⁹⁶,”

⁹⁴ Al-Ghazali (), *Ihya' 'Ulum al-Dīn*, Jil.2, h.135

⁹⁵ Ibn Kathir (1992), *op.cit*, Surah al-'Araf : ayat 172

⁹⁶ Muslim Abū Ḥuṣīn Muslim bin al-Hajjāj (2001), *Ṣaḥīḥ Muslim* , Jil. 2, Kitāb al-Qadr, No Hadith : 2658, Lubnan : Dar al-Kutub Ilmiyah, h. 1024.

Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah. Ibubapa yang akan menentukan agama yang akan dianuti oleh ana-anak. Hal ini sangat berkait rapat dengan perkembangan jiwa agama yang dilalui oleh anak-anak. Pendidikan yang sebenarnya bagi seorang anak adalah bermula di rumah dengan diawasi oleh ibubapa yang prihatin bukan dipertanggungjawabkan kepada pihak lain seperti sekolah dan masyarakat.

يَبْيَنِي إِدَمْ لَا يَفْتَنَنَّكُمُ الْشَّيْطَنُ كَمَا أَخْرَجَ أَبُو يَكُونُ مِنَ الْجَنَّةِ
يَنْزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيهِمَا سَوْءَاتِهِمَا إِنَّهُ يَرَنُكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ
حَيْثُ لَا تَرَوْهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الْشَّيْطَنَ أُولَيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ

Wahai anak-anak Adam! Janganlah kamu diperdayakan oleh syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari syurga, sambil ia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya kami telah menjadikan syaitan-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman.

Ayat⁹⁷ di atas menunjukkan bahawa syaitan telah berusaha memperdayakan manusia sejak dahulu lagi. Kejadian asal jiwa manusia adalah sangat bersih sehingga apabila anak kecil itu lahir ke dunia dan meninggal sebelum pertimbangan akalnya, maka dia dikira sebagai mati dalam keadaan fitrah yang bererti terus masuk ke dalam syurga.⁹⁸

⁹⁷ Surah al-'Araf : ayat 27.

⁹⁸ Nabil Muhammad Taufik as-Samaluthi (1987), *Pengaruh Agama Terhadap Struktur Keluarga*, Surabaya : PT Bina Ilmu, h. 34.

Walaupun demikian, disebabkan oleh pengaruh syaitan manusia telah kufur dengan menolak keras kepercayaan kepada Tuhan dan percaya kepada Tuhan yang dilhamkan dari akal mereka seperti yang dianuti oleh golongan *ateis*, Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya. Justeru itu adanya pengutusan Rasul untuk menyeru jiwa yang fitrahnya suci dan bersih dengan bimbingan tauhid diiringi dengan ibadat yang lain. Sebab itu dikatakan adanya agama disebabkan oleh fitrah manusia dan agama itu tidak akan berkembang kalau sekiranya akal manusia tidak ada untuk menyambutnya⁹⁹. Kesaksian ini juga akan ditanyakan oleh Allah¹⁰⁰ pada ayat terakhir yang bermaksud,

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي إِادَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتُهُمْ وَأَشَهَدَهُمْ عَلَىٰ
 أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ بِرِّيْكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ
 إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ



“Supaya kamu jangan berkata di hari akhirat kelak setelah kamu melanggar perintah Allah, Sesungguhnya kami lalai dari ini yang membawa maksud kami tidak tahu tentang hal ini kerana tidak ada suruhan atau larangan yang sampai kepada kami. Maka perkara ini tidak menjadi pertanggjawaban Allah kerana agama itu telah berada dalam jiwa manusia itu sendiri. Meskipun tidak ada agama, tiadanya pengutusan Rasul yang menyampaikan dan tidak ada wahyu yang diturunkan, namun jiwa murni manusia sendiri yang akan bersoal jawab dengan Allah bahawa Allah itu ada, dan tidak ada Tuhan melainkan Allah”.

Hakikat kedatangan rasul adalah melengkapi dan membimbing fitrah jiwa manusia. Allah menjelaskan ayat ini secara terperinci dengan menafikan ayat berikutnya

⁹⁹ *Ibid.*, h. 40.

¹⁰⁰ Surah al-A‘raf: ayat 172.

yang menyatakan bahawa mereka hanya mengikut perkara kemosyrikan yang ditinggalkan oleh keturunan mereka disebabkan oleh mereka telah bersaksi di hadapan Allah sejak di alam ruh. Namun disebabkan oleh tipu daya syaitan dan pertentangan antara hawa nafsu yang hebat dengan jiwa yang murni.

Apabila difahami bahawa jiwa manusia adalah sebahagian dari cara atau landasan untuk memahami manusia dan jiwa manusia berbeza mengikut keadaan budaya, falsafah, sosiologi dan pelbagai aspek lain. Islam juga mempunyai pendirian tersendiri dalam hal ini. Menurut Imam al-Ghazālī perkara yang boleh menjinakkan jiwa adalah dengan menahan lapar, menjaga pandangan dan sibuk dengan sesuatu yang boleh mengawal hati¹⁰¹. Oleh sebab itulah dalam Islam, bagi lelaki yang tidak berkemampuan untuk berkahwin tetapi ada keinginan syahwat terhadap wanita disunatkan berpuasa bagi mengekang hawa nafsunya¹⁰². Menjaga pandangan juga penting kerana pandangan juga merupakan anak panah syaitan terhadap manusia untuk mengajak manusia melakukan perkara yang menurut kehendak syahwat sehingga melanggar perintah Allah. Dan akhir sekali menguatkan jiwa dengan berzikir kepada Allah merupakan cara untuk menyibukkan hati dari mengingati hal-hal keduniaan yang menyebabkan kita lalai sehingga akhirnya menurut jejak langkah syaitan¹⁰³. Panduan yang digariskan oleh Imam al-Ghazālī bertepatan dengan kalam Allah¹⁰⁴:

¹⁰¹ Imam al-Ghazali (2001), *Rahsia Penawar Hati Membentuk Akhlak Mulia*, Batu Caves: Pustaka Ilmi, h. 49.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Imam Abi Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali (2006), *Minhaj Al-'Abidin Ila Jannati Rabb Al-'Alamin*, Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyah, h. 353.

¹⁰⁴ Surah al-Syams : ayat 7 - 8.

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّنَهَا ﴿۱﴾ فَأَلْهَمَهَا جُورَهَا وَتَقَوَّنَهَا

Dan jiwa serta penyempurnaan (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya.

Ayat ini menyatakan bahawa jiwa manusia boleh menerima kebaikan dan keburukan. Jiwa memberi kesan kepada kepada fizikal manusia hasil dari hubungan yang kuat antara kedua-duanya. Sekiranya jiwa mengalami ragu-ragu, kecewa, gundah gulana ianya juga akan memberi kesan kepada tubuh manusia. Kajian juga menyebut mustahil untuk dipisahkan jisim dan jiwa kerana pemisahan kedua-dua zat ini akan memberi kesan kepada anggota yang lain seperti masalah yang dialami oleh manusia pada hari ini iaitu ketakutan dan gundah gulana yang menyebabkan hilangnya keseimbangan dan kemampuan dirinya sehingga menjadikan manusia takut kepada sesuatu yang mungkin berlaku dan juga kepada perkara yang benar-benar berlaku¹⁰⁵. Lantaran itu, untuk merawat jiwa memerlukan kepada kedua-duanya sekali iaitu diri yang disebut tubuh badan atau jisim dan juga jiwa manusia itu sendiri. Justeru, Muslim itu berada di tengah antara ketakutan dan keamanan¹⁰⁶. Apabila adanya iman, barulah tetap keimanannya dan menyebabkan jiwanya berada dalam aman dan tenang untuk menjalani kehidupan. Hikmah kebijaksanaan berada dalam jiwa insan, begitu juga janji syurga untuk jiwa bukan untuk jisim insan sesuatu sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Qur'an :

¹⁰⁵ Muhammad ibn Abi Bakar (1986), *Al-Ruh*, Beirut :Dar ibnu Kathir, h.34.

¹⁰⁶ *Ibid.*

يَأَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطَمِّنَةُ ﴿١﴾ أَرْجِعِي إِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَةً ﴿٢﴾
 فَادْخُلِي فِي عِبَدِي ﴿٣﴾ وَادْخُلِي جَنَّتِي

Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diridhai-Nya. Maka masuklah ke dalam jama'ah hamba-hamba-Ku. Masuklah ke dalam syurgaKu.

Alam ruh merupakan antara rahsia-rahsia Allah atau disebut perkara-perkara ghaib yang wajib bagi umat Islam beriman dengannya serta yakin bahawa ianya sememangnya berlaku secara realiti¹⁰⁷. Firman Allah ini ialah bukti tentang rahsia tersebut , iaitu firman Allah¹⁰⁸ :

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيٍّ وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ
 إِلَّا قَلِيلًا

“ Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit" ”.

Peringkat periode pra konsepsi¹⁰⁹ merupakan perkembangan manusia sebelum masa pembuahan sperma dan ovum¹¹⁰. Semasa melalui tempoh ini bakal ibu dan bapa dikehendaki mencari pasangan hidup yang baik. Pertimbangan baik dan buruknya pasangan iaitu di pihak perempuan ditentukan oleh 4 aspek iaitu kecantikan-ketampanan, kekayaan, keturunan dan agama. Sebagaimana yang tercatat dalam hadith¹¹¹ :

¹⁰⁷ Ibid.

¹⁰⁸ Surah al-Isra' : ayat 85.

¹⁰⁹ James P. Chaplin (1989), *Kamus Lengkap Psikologi*, terj. Kartina Kartono, Jakarta : Rajawali, h. 102.

¹¹⁰ Abdul Mujib (2002), *op.cit.*, h. 98.

¹¹¹ Ibn Hajar al-'Asqalānī (2000), *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Jil. 9, Kitāb al-Nikāh, Bāb al-'Akiffa' fī al-Dīn, No.Hadīth : 5090, Riyādh : Dār al-Salām, h.165.

" تَنْحِيَّ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ : لِمَا هَا ، وَلِحَسْبِهَا ، وَلِجَمَاهِرِهَا ، وَلِدِينِهَا . فَاظْفَرْ
بِذَاتِ الدِّينِ تَرْبَتْ يَدَاكَ ".

"Seorang wanita dinikahi kerana 4 sebab ; kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka hendaklah engkau merebut yang empunya agama, kerana itulah pilihan yang terbaik."

Aspek kecantikan atau ketampanan yang dinyatakan dalam hadith ini menunjukkan bahawa manusia secara fitrahnya suka kepada keindahan. Namun begitu keelokan rupa paras bukan ukuran yang utama kerana Rasulullah s.a.w telah menyatakan dalam hadithnya¹¹²,

لَا تزوجا النساء لحسنهن فعسى حسن ان يرديهن ، ولا تزوجوهن
لا موالهن فعسى اموالهن ان تطغيهن ولكن تزوجوهن على الدين

"Sesiapa yang mengahwini wanita semata-mata kerana kejelitaannya, barangkali kejelitaan itu akan membuatnya berpaling daripada kamu. Dan janganlah kamu mengahwininya kerana kekayaannya, barangkali kekayaan itu menjadikan perangainya melampaui batas tetapi kahwinilah kerana agamanya".

Setiap pasangan perlu berhati-hati dalam memilih pasangan hidup kerana hasil perkahwinan akan lahir zuriat yang akan memikul tangungjawab sebagai khalifah di muka bumi ini. Jika wanita yang dipilih berketurunan raja atau orang kenamaan, suami pasti mengalami kesukaran bagi mendidik isteri yang sudah terbiasa dengan kemewahan dan sukar untuk menyesuaikan diri dengan kesusahan¹¹³. Apabila hal ini

¹¹² Abu Abdullah Muhammad bin Yazid (t.t), *Sunan ibn Majah*, Kitab Nikah, No Hadith 1849, Riyadh : Maktabah al Ma'arif li, h. 321.

¹¹³ Hassan Saleh (1993), *Asas Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.10-11.

berlaku maka akan pincanglah sesebuah institusi keluarga dan dalam masa yang sama akan lahirnya anak-anak yang memerlukan perhatian dan didikan tetapi diabaikan kerana ibubapa membicarakan hal kedudukan, kemewahan dan sebagainya sehingga terleka dengan tanggungjawab sebenar mereka terhadap keluarga¹¹⁴.

Keturunan juga amat dititikberatkan memandangkan Islam amat menitikberatkan nasab keturunan sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis¹¹⁵ Rasulullah s.a.w :

لَا تُنْكِحُوا الْقَرَابَةَ كَانَ الْوَلَدُ هُنَا دِينًا

Janganlah kamu berkahwin dengan kerabat yang hampir, kerana kemungkinan anak yang dilahirkan akan lemah jasmaninya.

Selain itu, tujuan perkahwinan adalah untuk memelihara zuriat supaya tidak berlaku kecelaruan dalam penentuan nasab keturunan. Nasab keturunan adalah perkara yang amat dipelihara kerana ia melibatkan soal maruah diri dan keluarga. Tanpa adanya ibubapa yang sah ia juga akan mempengaruhi perkembangan jiwa seseorang. Justeru, manusia perlu menjaga kehormatan diri mereka seperti mana yang termaktub dalam al-Qur'an yang menyarankan agar lelaki dan perempuan bermula dari menjaga pandangan sehingga menjaga kemaluan mereka.¹¹⁶

¹¹⁴ *Ibid.*

¹¹⁵ Al-Fawaaid al-Majmu'ah li Syaukani, **Kitab Solat: Bab Tadhwid**, no hadith 363.

¹¹⁶ Syakh Muhd Mutawalli Sha'rawi (t.t), **op.cit**, Surah al-Nur : ayat 30-31.

Islam juga meletakkan kriteria-kriteria bagi pemilihan calon suami , antaranya ialah memilih calon suami yang berakhhlak dan beragama . Terdapat hadis Rasulullah S.A.W. yang menyentuh tentang tanggungjawab bapa bagi si perempuan untuk mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang baik agama dan akhlak , malahan Rasulullah menegaskan sekiranya kriteria – kriteria ini tidak diambil peduli , pasti akan berlaku fitnah dan kerosakan di atas muka bumi ini , iaitu hadis Rasulullah S.A.W. yang berbunyi¹¹⁷ :

إِذَا جَاءَكُمْ مِنْ تَرْضُونَ دِينَهُ وَخُلُقَهُ فَزُوْجُوهُ ، وَإِلَّا تَفْعِلُوا تَكُنْ فَتْنَةٌ
فِي الْأَرْضِ ، وَفَسَادٌ عَرِيضٌ .¹¹⁸

“Apabila datang kepada kamu (bapa perempuan) sesiapa yang kamu redha dengan agama dan akhlaknya , maka kahwinilah dia dengan anak kamu , dan sekiranya kamu tidak melakukan sedemikian maka nescaya akan berlaku fitnah di muka bumi ini serta akan berlaku kemusnahan yang besar” .

Saranan Rasulullah dalam hadis tersebut menunjukkan bahawa para wali wanita yang dipinang itu supaya memilih lelaki yang mempunyai akhlak yang mulia, agar ia dapat menjalankan tanggungjawab sebagai suami dengan baik, menjaga hak suami dan isteri, mendidik anak-anak, memelihara kehormatan diri, dan menjamin semua keperluan rumahtangga dengan mengeluarkan perbelanjaan yang cukup.

Penekanan kepada perlunya pemilihan pasangan yang baik sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam ini disebabkan oleh walaupun dalam tempoh ini manusia masih belum terbentuk, namun sebagai pasangan yang ideal (*mukāfah*) baik dari aspek

¹¹⁷ Al-Tarmizi Muhammad bin ‘Isa bin Suroh Al-Tarmizi (1417H) , *Sunan al-Tarmizi* , Kitab Al-Nikah ‘an Rasulillah , No. Hadith : 1085 , Al-Riyadh : Maktabah Al-Ma’arif , h.256 .

kecantikan, kekayaan, keturunan, apalagi agamanya akan melahirkan generasi yang berkualiti dan baik akhlaknya. Di samping perkahwinan ini adalah ketinggian akhlak manusia yang mencari ketenteraman jiwa yang boleh mewujudkan keimanan dan *sakinah*¹¹⁹. Sebagaimana firmanNya¹²⁰ :

وَمِنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَتِمُّ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.

Bahkan sesiapa yang mlarikan diri dari perkahwinan bererti dia mlarikan diri dari memikul tanggungjawab dalam masyarakat dan rendah jiwanya.

Ajaran Islam amat menitikberatkan persoalan pemilihan jodoh untuk urusan perkahwinan sama ada di pihak lelaki atau perempuan kerana ia akan mempengaruhi jiwa agama anak-anak , seterusnya ia akan menentukan arah tuju dan haluan anak-anak apabila mereka dilahirkan. Menurut al-Sheikh Abdul Samad al-Falimbani, terlaksananya perkahwinan, terhalangnya seseorang daripada melakukan zina dan

¹¹⁹ Hassan Saleh (1993), *op.cit.*, h.5. Rujuk juga : Muḥammad Abū Zahrah (1957), *al-Aḥwāl al-Shakhṣiyah*, Bierut: Dār al-Fikr al-‘Arabi (c.3).

¹²⁰ Surah al-Rum : ayat 21.

memudahkannya menumpukan hati yang sepenuhnya ketika beribadat¹²¹. Justeru sempurnalah sebahagian lagi tuntutan agama seseorang sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah s.a.w :

من نَحْنُ فَقَدْ حَصِنَ نَصْفُ دِينِهِ فَلَيْتَقِمَ اللَّهُ فِي الشَّطَرِ الْأَخْرَى

“Sesungguhnya sesiapa yang berkahwin, bererti dia telah menyempurnakan sebahagian dari agamanya, dan hendaklah dia terus bertakwa kepada Allah pada sebahagiannya lagi”.

2.2.2 Peringkat Pra Lahir

Proses pra lahir menurut ajaran Islam disebutkan dengan jelas oleh Allah S.W.T menerusi firmanNYA dalam surah al-Mukminun ayat 12 – 14 , yang berbunyi :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا إِلَّا إِنْسَانَ مِنْ سُلْطَانٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا الْنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَمًا فَكَسَوْنَا الْعِظَمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا
ءَآخَرٌ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَكْبَرُ حَسَنُ الْحَنِيلِقِينَ ﴿١٤﴾

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada saripati tanah (12) , kemudiannya Kami menjadikannya sebagai air mani yang diletakan di satu tempat yang tetap dan kuat (rahim ibu) (13) , selepas itu , Kami ciptakan benda seakan – akan lintah yang melekat (pada dinding rahim ibu) dari air mani itu , dari benda seakan – akan lintah itu Kami ciptakan segumpal darah , dan dari segumpal darah itu Kami ciptakan tulang belulang , maka Kami saluti tulang itu dengan daging , maka setelah itu Kami hidupkan satu makhluk yang baru , maka maha suci Allah yang merupakan sebaik – baik Pencipta .

¹²¹ Hassan Saleh (1993), *op.cit.*, h.5. Rujuk juga :al-Syeikh Abd Samad al-Falimbangi,t.t. : *Sair al-Sālikīn*, Kaherah : Dar al-Ma’arif.

Daripada ayat Allah ini dapat disimpulkan bahawa dalam proses pra kelahiran perlu melalui 5 peringkat iaitu bermula peringkat *Annutfah* (air mani), peringkat '*Alaqah* (segumpal darah), peringkat *Mudghoh* (janin), peringkat '*izhom* (pembentukan tulang) dan peringkat *lahm* (penumbuhan daging).

Semasa mengandung merupakan tempoh masa kesukaran yang dilalui oleh seorang ibu kerana banyak mengalami perubahan emosi dan fizikal. Oleh itu banyak amalan-amalan yang sunat dilakukan semasa mengandung agar zuriat yang bakal lahir itu nanti menjadi generasi yang cemerlang, baik di dunia dan di akhirat. Untuk mencapai matlamat tersebut, anak itu mestilah diberi didikan sejak dia masih janin lagi atau semasa di dalam kandungan. Tingkah laku ibu bapa yang baik semasa ibu itu sedang hamil merupakan satu pendidikan awal yang akan membentuk perkembangan jiwa agama anak-anak. Di antara amalan-amalan yang sunat dilakukan ketika sedang hamil ialah memperbanyakkan membaca ayat-ayat Al-Qur'an dan berdoa¹²², sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Sunnī daripada Fāṭimah r.a¹²³ :

حدثني علي بن محمد بن عامر ، ثنا عبد الله بن محمد بن خنيس ، حدثني موسى بن محمد بن عطاء ، ثنا بقية بن الوليد ، حدثني عيسى بْن إبراهيم القرشي ، عن موسى بن أبي حبيب ، قال : سمعت علي بن الحسين ، يحدث عن أبيه ، عن أمه فاطمة رضي الله عنها : " أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَا دَنَا وَلَادُهَا أَمْرَأَمْ سَلِيمَ ، وَزِينَبَ بَنْتَ جَحْشٍ أَنَّ تَأْتِيَ فَاطِمَةَ ، فَتَقْرَءَ عَنْدَهَا آيَةَ الْكَرْسِيِّ ، وَإِنْ رَبَّكُمُ اللَّهُ سُورَةُ الْأَعْرَافِ آيَةُ ٥٤ إِلَى آخر الآية ، وَتَعْوِذُهَا بِالْمَعْوذَتَيْنِ ".

¹²² Taib Azamudden Md. Taib dan Ngah Puteh Abdul Shukor (1991), *Amalan-Amalan Semasa Mengandung Dan Panduan Menyambut Cahaya Mata*, Kuala Lumpur: Pustaka Hamduna, h. 124.

¹²³ Ahmad ibn Muhammad (1982), `Amal al-Yaūm wa al-Lāil, (t.t) : Maktabat al-Turath al-Islami, h. 18.

“Sesungguhnya Rasulullah s.aw apabila (Fātimah) hampir melahirkan, Rasulullah memerintahkan Ummu Salāmah dan Zainab binti Jahsyīn menghampir Fatimah maka Baginda membaca ayat Kursi dan surah al-‘Araf (ayat 54) di sisi Fātimah dan memohon perlindungan kepada Allah dengan membaca surah al-Falaq dan al-Nas”.

Terdapat juga hadis Rasulluh S.A.W yang menceritakan proses pra lahir ini , bahkan ia sebenarnya merupakan huraian terhadap ayat Al-Quran yang telah dinyatakan sebelum ini . Hadis tersebut berbunyi ¹²⁴ :

"إِنَّ أَحَدَكُمْ يَجْمَعُ خَلْقَهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعينَ يَوْمًا نَطْفَةً ، ثُمَّ يَكُونُ عَلْقَةً مُثْلِذَةً ذَلِكَ ، ثُمَّ يَكُونُ مَضْغَةً مُثْلِذَةً ذَلِكَ ، ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيُنْفَخُ فِيهِ الرُّوحُ وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعٍ كَلْمَاتٍ : بِكَتْبِ رَزْقِهِ وَأَجْلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِّيِّهِ أَوْ سَعِيدٍ...".

"Telah bersabda Rasulullah s.a.w dan dialah yang benar dan dibenarkan. Sesungguhnya seorang diantara kamu dikumpulkannya pembentukannya (kejadiannya) dalam rahim ibunya (embryo) selama empat puluh hari. Kemudian selama itu pula (empat puluh hari) dijadikan segumpal darah. Kemudian selama itu pula (empat puluh hari) dijadikan sepotong daging. Kemudian diutuslah beberapa malaikat untuk meniupkan ruh kepadanya (untuk menuliskan/menetapkan) empat kalimat (macam) : rezekinya, ajal (umurnya), amalnya, dan buruk baik (nasibnya)."

Berdasarkan hadis ini , setiap peringkat dalam proses pra lahir akan mengambil masa selama 40 hari , iaitulah peringkat *nutfah* selama 40 hari , peringkat ‘alaqah 40 hari juga dan juga peringkat *mudghoh* juga mengambil masa 40 hari . Setelah berakhir 3 peringkat ini , iaitu setelah janin itu telah sempurna sifat dan fizikalnya , maka Allah S.W.T akan memerintahkan malaikatNya bagi meniupkan roh ke dalam janin yang

¹²⁴ Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm Al-Bukhari (2002) , *Šaḥīḥ al-Bukhārī* , Jil. 1, Kitāb Al-Tawhīd , No. Hadith : 7454 , Lubnan ; Dar Kitāb Ilmiyyah , h.1348 .

berada di dalam rahim ibu , dan ketika itu juga Allah menetapkan rezekinya , ajal mautnya , serta kehidupannya samaada baik atau buruk .

Setelah bayi itu dilahirkan , setiap ibubapa bertanggungjawab mendidik anak-anak dengan pendidikan agama supaya anak-anak tersebut menjadi anak yang soleh. Ibubapa perlu menjaga diri kanak-kanak dari perkara yang boleh merosakkan dirinya sama ada dari segi pemikiran dan fizikal. Penekanan kepada pendidikan agama harus diberikan perhatian yang serius dalam pembentukan sahsiah mereka. Islam telah menggariskan panduan dalam mendidik kanak-kanak, iaitu seperti apa yang akan disebut pada perbahasan seterusnya¹²⁵ .

2.2.3 Kelahiran

Setelah melalui 5 peringkat dalam proses pra lahir, maka tibalah saat yang paling mengembirakan pasangan suami isteri, itu saat kelahiran cahaya mata mereka . Oleh itu, amat penting untuk menitikberatkan pembangunan anak-anak yang menjadi amalan yang dipelopori oleh ulama-ulama Islam sejak zaman silam berasaskan ajaran Islam bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah¹²⁶. `Uqbah bin Abī Sufyān ketika menghantar anaknya kepada seorang guru berpesan beliau kepada guru tersebut dengan kata-katanya¹²⁷:

“Hendaklah perkara pertama ketika engkau memperbaiki anakku
ialah memperbaiki dirimu, sebab matanya akan menurut matamu,
yang baik pada mereka ialah apa yang engkau pandang baik, yang

¹²⁵ Md. Hashim bin Hj. Yahaya (1987), *Tanggungjawab Ibubapa Dan Anak Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 34.

¹²⁶ *Ibid.*, h. 59.

¹²⁷ Abū ‘Uthman ‘Amr ibn Bahr al-Kinānī al-Baṣrī, *Kitāb al-Bayān wa al-Tabyīn*, Beirut : Maktabah ‘Asriah, h. 269.

buruk di sisi mereka ialah apa yang engkau pandang buruk, ajarkan mereka jalan kehidupan orang bijak pandai, tunjukkan akhlak orang-orang mulia, engkau boleh mengancam dia dengan diriku, perelokkanlah perlakunya tanpaku, jadilah seperti seorang doktor yang tidak memberikan ubat sebelum mengetahui penyakitnya, janganlah engkau sampai cuai kerana kekurangan yang ada padaku sebab aku telah menyerahkan dia atas kesempurnaan yang ada padamu.”

Ibubapa berkewajipan menerapkan unsur-unsur didikan yang dianjurkan oleh agama Islam sejak sebelum anak itu dilahirkan sehingga mereka melihat dunia ini. Didikan ini akan mempengaruhi jiwa agama pada anak yang dilahirkan itu . Di antara amalan-amalan yang dianjurkan Islam dalam menyambut kelahiran anak ialah, mengazankan di telinga kanan anak , dan mengiqamah pada telinga kirinya . Bayi ini diperdengarkan azan bagi menanam kalimah tauhid di samping menanamkan roh dan akhlak Islam dalam jiwa mereka.¹²⁸ Yang kedua, *tahnik* (proses membelah mulut dengan menuapkan ke mulut anak dengan benda-benda manis seperti kurma). Manakala yang ketiga ialah mencukur kepala, disusuli dengan menamakan anak dengan nama yang baik, diakikahkan anak tersebut apabila tiba masanya (menyembelih 2 ekor kambing untuk anak lelaki dan seekor untuk anak perempuan untuk disedekahkan pada orang yang memerlukan) dan yang terakhir adalah *khitan* (membuang lebihan kulit pada kemaluan anak lelaki dan disunatkan kepada anak perempuan).

Di antara hikmah di sebalik amalan-amalan di atas , misalannya mengazan dan mengiqamah di telinga anak yang baru dilahirkan ialah bertujuan agar kalimah tauhid

¹²⁸ Asmawati Suhid (2009), *op.cit.h.* 55.

yang terkandung di dalam azan akan menjadi perkara pertama yang didengari oleh bayi dan juga ia boleh mengelakkannya diganggu oleh jin yang bernama *ummu sibyan* yang hanya menganggu anak-anak kecil .¹²⁹

Amalan tahnik juga memberikan faedah yang besar kepada anak , iaitu ia akan menguatkan otot mulut bayi akan memudahkan lagi proses penyusuan susu ibu oleh anak. Penyusuan penuh sebanyak 2 tahun kepada anak amat penting dalam membentuk otot-otot, meningkatkan kecerdasan bayi dan penumbuhan sel-sel otak sehingga 10-15 kali lebih cepat berbanding mereka yang meminum susu lembu. Selain itu, susu ibu juga bersih dan bebas daripada bakteria, tambahan pula susu ibu mengandungi DHA dan AA sepetimana yang sering diklankan di media massa khasiat yang terkandung dalam susu lembu yang ada dalam susu ibu. Kahsiat ini akan menggalakkan pertumbuhan otot-otot yang kuat yang akhirnya akan menjadikan seseorang itu hamba Allah yang dapat melaksanakan ibadah dengan rajin, lebih bertenaga dan membantu kepada perkembangan jiwa agama seseorang¹³⁰. Sememangnya tidak dinafikan betapa pentingnya menyusukan bayi sehingga disebut oleh Allah dalam al-Quran¹³¹ tentang penyusuan ini :

وَالْوَالِدَاتُ يُرِضِّعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّمَ الرَّضَاعَةُ وَعَلَى الْمُولُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَلِدَهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ

¹²⁹ Abdullah Nasih ‘Ulwan (2006) , *Tarbiyah Al-Awlad fi Al-Islam* , Al-Kaherah : Darul Al-Salam , h.60 .

¹³⁰ *Ibid.* , h. 65.

¹³¹ Surah al-Baqarah : ayat 233.

وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاءُرٍ
 فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أُولَئِكُمْ فَلَا جُنَاحَ
 عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِهَا
 تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan. Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya. Jika seorang ibu menderita sengsara kerana anaknya dan seorang ayah karena anaknya, dan warispun berkewajiban demikian. Apabila keduanya ingin menyapih (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, Maka tidak ada dosa atas keduanya. Dan jika kamu ingin anakmu disusukan oleh orang lain, maka tidak ada dosa bagimu apabila kamu memberikan pembayaran menurut yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha melihat apa yang kamu kerjakan.

Islam menggalakkan amalan mencukur rambut bayi sehingga botak supaya segala kekotoran yang keluar daripada rahim dapat dibuang dan membolehkan rambut baru tumbuh dengan sihat¹³². Hal ini akan menjadikan rambut anak tersebut tumbuh dengan lebih subur. Amalan memberikan nama yang baik buat anak amat besar faedahnya kerana nama merupakan doa , jadi nama yang baik akan mempengaruhi jiwa seseorang , malahan Rasulullah pernah memerintah sahabat-sahabat yang mempunyai nama yang membawa maksud tidak baik agar ditukar kepada nama-nama yang baik .¹³³ Sememangnya nama yang baik ini membantu perkembangan jiwa agama seseorang

¹³² Md. Hashim bin Hj. Yahaya (1987), *Tanggungjawab Ibubapa Dan Anak Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 56.

¹³³ Abdullah Nasih ‘Ulwan (2006), *op.cit.*, h.65 .

kerana panggilan ini adalah doa¹³⁴. Semoga dengan panggilan yang baik ini akan menjadikan manusia yang baik akhlaknya sepanjang masa.

Aqiqah adalah sembelihan untuk anak yang baru lahir sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT dengan niat dan syarat-syarat tertentu. Dalam aqiqah ini yang disembelih adalah kambing, bukan ayam, sapi, unta, dan lain-lain ternakan yang dibolehkan dalam syariat Islam. Bagi bayi lelaki aqiqahnya sebaik-baiknya ialah dua ekor kambing dan bagi perempuan cukup seekor kambing. Walau pun aqiqah dilihat seperti ibadah berbentuk kemasyarakatan, namun ia terselit hikmah yang sangat bermakna meliputi soal keTuhanan, pendidikan, kekeluargaan dan keadilan. Secara ringkasnya aqiqah mempunyai hikmah bertujuan untuk mendekatkan diri si anak dengan Allah S.W.T. iaitu dengan menumpahkan darah demi kerana cinta kepadaNya di saat-saat pertama kelahirannya. Selain itu, dalam penentuan masa perlaksanaan akikah, Allah memberikan kelonggaran kepada umat Islam dengan membolehkan aqqiqah dilaksanakan bila-bila masa kelepas kelahiran, walaupun begitu Islam juga memberi garis panduan kepada umatnya dengan menyatakan amat digalakkan pada hari ketujuh sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah. Kaedah ini bertepatan dengan hikmah syariat Islam yang sentiasa memudahkan penganutnya, bukan menyusahkan¹³⁵.

Amalan khitan atau bersunat yang merupakan amalan yang wajib bagi anak lelaki dan sunat bagi anak perempuan mengikut mazhab syafie akan memberikan

¹³⁴Md. Hashim bin Hj. Yahaya (1987), *op.cit.*, h. 60.

¹³⁵Abdullah Nasih ‘Ulwan (2006), *op.cit.*, h.123.

manfaat pada kesihatan kemaluan anak dan juga faedah ketika mereka menempuh alam perkahwinan . Khitan yang dilakukan sebelum baligh membolehkan seorang kanak-kanak itu dapat beribadah dengan sempurna kerana bahagian di bawah kulit yang menutupi kepala zakar akan menjadi tempat takungan pelbagai jenis kuman jika tidak dipotong¹³⁶.

2.2.4 Kanak-Kanak

Setelah menjalani peringkat di awal kelahiran , anak-anak akan menjalani peringkat kanak – kanak pula , iaitu peringkat yang bermula ketika anak berumur 0 – 12 tahun . Di peringkat ini , ibubapa perlulah menitikberatkan soal didikan pada anak – anak sebagaimana yang dianjurkan oleh ajaran agama Islam . Peringkat ini adalah peringkat kanak-kanak ini memiliki hati yang mudah untuk dilentur dan dibentuk agar mencintai Allah sepetimana kain putih yang perlu dicorakkan peribadi dan akhlaknya dengan sebaik-baiknya¹³⁷.

Terdapat 5 garis panduan yang dinyatakan oleh al-Ghazali iaitu yang pertama memupuk amalan atau kebiasaan yang baik dan positif¹³⁸. Kaedah ini hendaklah dipartikkan di rumah sepetimana yang dianjurkan dalam Islam. Contohnya anak-anak

¹³⁶ *Ibid.*, h. 130.

¹³⁷ Asmawati Suhid (2009), *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h.87.

¹³⁸ Ghazzali (2004), *Advice to Son : Ayyuhal Walad*, t.t : A.S Noordeen, h. 13.

boleh diajar adab tidur seperti membaca doa tertentu sebelum dan selepas bangun tidur¹³⁹.

Kaedah kedua pula ialah menyemai sifat mahmudah di kalangan kanak-kanak yang bermula dari ibubapa sendiri yang mempraktikkannya terlebih dahulu. Misalnya kanak-kanak perlu disemai dan ditanamkan dengan sifat jujur dan ikhlas dalam pergaulan serta sifat berani berhadapan dengan masalah dan cabaran. Seterusnya kanak-kanak perlu dididik dengan sifat rendah diri seperti tidak sompong, menghormati rakan sebaya kerana sifat ini merupakan kunci kejayaan dan disegani oleh orang ramai¹⁴⁰.

Ibubapa yang bertutur dengan bahasa yang baik akan mempengaruhi kanak-kanak. Mengikut kaedah yang ketiga ini, jika buruk perkataan yang keluar, maka buruklah juga perkataan yang keluar dari anaknya. Ibubapa juga perlu mengelakkan daripada menggunakan perkataan yang kesat ketika memarahi anak-anak seperti perkataan bodoh, bengap, anak tidak berguan dan sebagainya. Penggunaan perkataan ini akan memberi kesan kepada keyakinan dalam diri mereka seakan-akan telah disemai dengan unsur-unsur negatif. Justeru ibubapa perlu mengelakkan daripada mengeluarkan perkataan dan bahasa yang tidak baik kepada kanak-kanak¹⁴¹.

Kaedah yang keempat yang ditekankan oleh Imam al-Ghazali ialah mengukuh intelektual dan fizikal kanak-kanak. Beliau menyarankan agar kanak-kanak yang sudah

¹³⁹ *Ibid.*

¹⁴⁰ *Ibid.*, h.20.

¹⁴¹ *Ibid.*, h.20.

boleh membaca, menulis dan mengeja didedahkan dengan bahan bacaan yang mempunyai nilai dan unsur yang positif seperti kisah tentang tokoh-tokoh Islam, kisah yang memaparkan nilai dan peribadi yang baik serta keperluan untuk menyayangi keluarga dan masyarakat. Dari aspek fizikal pula, al-Ghazali menyarankan ibubapa agar tidak menggalakkan anak-anak mereka tidur di siang hari kerana boleh melemahkan mental dan fizikal mereka. Selain itu, kanak-kanak juga harus diajar supaya bersyukur dengan apa yang ada dengan tidak bermegah-megah dengan kekayaan ibubapanya dan tidak berdukacita terhadap kemiskinan keluarganya. Sifat sebegini amat penting dipupuk agar dapat membina jiwa Muslim yang kental dan tidak terpengaruh dengan keduniaan semata-mata¹⁴².

Seterusnya yang kelima, Imam al-Ghazali juga melihat kepentingan ganjaran dan dendaan atau hukuman kepada anak-anak dalam membentuk dan mendidik akhlak mereka. Ganjaran di sini bermaksud seperti pujian, kata-kata peransang sebagai galakan kepada tingkah laku yang baik selain daripada hadiah. Contohnya, apabila anak-anak memberi makanan kepada kucing peliharaan, ibubapa boleh mengucapkan kata-kata yang memberi dorongan kepada mereka supaya mengasihi makhluk lain di muka bumi ini. Manakala dari aspek dendaan pula, anak-anak akan dikenakan hukuman setelah mereka tidak menunjukkan tanda-tanda untuk berubah. Bagi kesalahan yang pertama, mereka akan diberi nasihat dengan menjelaskan kesalahan yang dilakukan itu seterusnya memperlihatkan alternatif tingkah laku yang lebih baik

¹⁴² *Ibid.*, h. 23.

agar tidak mengulanginya lagi. Hukuman yang dikenakan kepada anak-anak hendaklah berpandukan kepada syariat Islam¹⁴³.

Selain itu, kaedah yang seterusnya merujuk kepada pemilihan rakan sebaya yang menyumbang kepada pembentukan dan pendidikan akhlak manusia. Malahan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang lebih besar daripada keluarga. Justeru apabila kanak-kanak telah mula pandai memilih kawan, ibu bapa perlu memainkan peranan penting dengan menasihati dan memantau rakan yang dipilih oleh anak-anak untuk dijadikan teman rapatnya¹⁴⁴. Sememangnya kanak-kanak mudah untuk meniru dan mengamalkan segala tingkah laku rakan-rakan di sekelilingnya. Sebagaimana firman Allah :

وَيَوْمَ يَعْضُّ الظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَا لَيْتَنِي أَخْنَذُ مَعَ الرَّسُولِ سَيِّلًا
يَا وَيْلَيَ لَيْتَنِي لَمْ أَخْنَذْ فُلَانًا حَلِيلًا لَقَدْ أَضَلَّنِي عَنِ الذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ
جَاءَنِي وَكَارَ الشَّيْطَنُ لِلإِنْسَنِ خَدُولًا

Dan (Ingatlah) hari (ketika itu) orang yang zalim menggigit dua tangannya, seraya berkata : "Alangkah baik kiranya (dulu) aku mengambil jalan bersama-sama Rasul". Kecelakaan besarlah bagiku; kiranya Aku (dulu) tidak menjadikan sifulan itu teman karibku. Sesungguhnya dia Telah menyesatkan Aku dari Al Quran ketika Al Quran itu Telah datang kepadaku. dan adalah syaitan itu tidak mau menolong manusia.

Enam kaedah yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali ini adalah bertujuan untuk mendidik jiwa anak-anak yang bermula semasa usia kanak-kanak. Pendidikan ini amat penting dalam pembentukan jiwa agamanya untuk jangka masa yang panjang iaitu

¹⁴³ Talib Samat (1995), **Membentuk Generasi Islam**, Kuala Lumpur : Percetakan Mas'adah, h.35.

¹⁴⁴ *Ibid.*, h. 40.

semasa meniti usia ke alam kedewasaan seterusnya sehingga tua. Peranan yang dimainkan oleh setiap individu ini adalah berbentuk kitaran dalam kehidupan kerana semuanya akan melalui peringkat dan proses yang sama dalam pembentukan jiwa agama. Namun perbezaannya adalah corak pendidikan yang diterapkan oleh ibubapa masing-masing¹⁴⁵.

Selain dari itu, mengawal batasan tingkah laku anak dan mengajar mereka adab-adab Islam juga dipandang berat oleh Islam terhadap kanak-kanak yang masih belum cukup umur atau belum baligh iaitu adab memasuki bilik ibubapa¹⁴⁶. Adab ini telah diperjelaskan oleh Allah S.W.T. menerusi firmanNYA dalam surah Annur yang berbunyi:

يَتَائِفُهَا الَّذِينَ لَمْ يَمْنُوا لِيَسْتَعْذِنُكُمُ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ
لَمْ يَبْلُغُوا أَحَدُمْ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مِّنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ
تَضَعُونَ شِيَابَكُمْ مِّنَ الظَّهِيرَةِ وَمَنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوَرَاتٍ
لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَهُنَّ طَوَّفُونَ عَلَيْكُمْ
بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْأَيَتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾ وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلْمَ فَلِيَسْتَعْذِنُوَا كَمَا
أَسْتَعْذَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ إِعْتِيدَهُ
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

¹⁴⁵ Asmawati Suhid (2009), *op.cit.*, h. 89.

¹⁴⁶ Ibnu Harun (1996), *Adab Hidup Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fargoes, h.15.

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa, iaitu sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya), dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Ayat Allah ini menjelaskan terdapat 3 waktu yang perlu dielakkan bagi anak – anak yang belum baligh untuk masuk ke dalam bilik ibubapa melainkan dengan meminta izin mereka iaitulah sebelum subuh , ketika waktu tengah hari dan juga selepas isyak . Ibubapalah yang bertanggunjawab untuk mendidik anak dan mengajar mereka supaya tidak masuk sewenang-wenangnya ke dalam bilik ibubapa pada 3 waktu ini melainkan setelah diizinkan oleh ibubapa . Oleh itu, kita dapat melihat sebenarnya pendidikan seks telah dimulakan dalam Islam ketika awal usia kanak-kanak lagi.

Terdapat juga hadis lain yang menyentuh tentang didikan yang perlu diberikan oleh ibubapa kepada anak yang di peringkat kanak – kanak . Antaranya ialah hadis tentang perintah bagi menyuruh anak untuk bersolat pada usia 7 tahun dan memukul

mereka jika tidak solat ketika usia mereka 10 tahun serta mengasingkan anak lelaki dan perempuan di tempat tidur . Sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah¹⁴⁷ :

مروا أولادكم بالصلاوة وهم أبناء سبع سنين ، واضربوهم عليها وهم
أبناء عشر ، وفرقوا بينهم في المضاجع .

Perintahkanlah anak kamu untuk solat ketika mereka berumur 7 tahun , pukullah mereka ketika berumur 10 tahun (kalau mereka enggan) , dan juga asingkan tempat tidur mereka (iaitu di antara lelaki dan perempuan) .

Berdasarkan hadis ini , ibubapa bukan sekadar perlu mengajar anak – anak untuk solat , tetapi juga perlu mengajar mereka perkara-perkara berkaitan solat antaranya ialah tutup aurat , puasa , membaca al-quran , berdoa dan sebagainya . Ini kerana di dalam ibadat solat terangkum ibadat-ibadat lain dalam Islam .

Hadis di bawah ini juga merupakan tanggungjawab ibubapa terhadap didikan buat anak – anak , iaitulah mendidik anak – anak 3 perkara iaitu , cinta Rasulullah , cinta keturunan Rasulullah dan mengajar membaca Al-quran . Hadis tersebut ialah¹⁴⁸ :

" أدبوا أولادكم على ثلاث خصال : حب نبيكم ، وحب آل بيته ،
وتلاوة القرآن ، فإن حملة القرآن في ظل عرش الله يوم لا ظل إلا
ظله مع أنبيائه وأصفيائه . "

¹⁴⁷ Abu Daud bin Sulaiman bin Al-ash'as Al-Sajistani (1417H) , *Sunan Abu Daud* , Kitab Al-Salah , No. Hadith : 495 , Al-Riyadh : Maktabah Al-Ma'arif , h.82 .

¹⁴⁸ Al-Albani Muhammad Nasiruddin Al-Albani , (t.t) , *Al-Silsilah Al-Dhohi'fah* , No. Hadith : 2162 , Al-Riyadh : Darul Al-Maarif , j. 1 , h.181 .

“ Ajarlah anak kamu dengan 3 perkara , iaitu cinta Nabi kamu , cinta keturunan Nabi kamu , dan membaca al-quran , kerana sesungguhnya Pendokong-pendokong Al-quran akan dipayungi bayangan ‘Arash Allah pada hati yang tidak bayangan melainkan hanya bayangan Allah , mereka akan bersama para Nabi-Nabi dan insan-insan pilihan Allah “ .

Bagi menguatkan lagi hujah tentang kepentingan bagi anak dalam pembentukan jiwa agama anak – anak , kita mendapati bahawa Imam Sayuti telah berkata : “ mengajar anak kecil dengan merupakan salah satu perkara pokok di dalam Islam , dengan yang demikian mereka akan hidup dalam keadaan fitrah semulajadi , dan juga akan terpancar ke dalam hati-hati mereka dengan cahaya hikmah sebelum mereka dicemari dengan hawa nafsu serakah dan kehitaman hati disebabkan maksiat dan kesesatan”¹⁴⁹.

Menurut Imam al-Ghazali pendidikan dimulakan dengan mendidik anak-anak melakukan ibadah, terutama solat dan puasa. Selain itu, latih anak-anak supaya berakhhlak dengan akhlak yang mulia serta mencegah pergaulan dengan teman-teman yang buruk akhlak dan budi pekertinya. Jangan biarkan anak-anak terpengaruh dengan kehidupan yang mewah dan senang-lenang, serta barang-barangan yang mewah dan berharga tinggi, kerana dikhuatiri mereka tidak akan biasa dengan ujian kehidupan di masa akan datang dan mengutamakan kehidupan mewah yang akan menghancurkan hidupnya. Latihlah anak-anak hidup secara sederhana dan sentiasa menghargai nikmat yang Allah berikan, walaupun sedikit. Elakkan diri mereka dari terlalu kerap berkawan dengan teman yang biasa hidup dalam kemewahan dan memakai pakaian yang mewah,

¹⁴⁹ Al-Sayyid ‘Abd al-Basit Muḥammad (2005) , *Al-Manhaj Al-Nabawi fi Tarbiyyah al-Tifl* , Al-Gaza : Maktabah Alfa , h.204 .

termasuk dengan teman-teman yang suka bercerita tentang perkara-perkara tersebut. Jangan biasakan anak-anak banyak tidur di siang hari, kerana tabiat ini akan menjadikan dirinya terbiasa dengan sifat malas. Biasakan mereka tidur di tempat yang tidak empuk, supaya mereka terbiasa dengan cara hidup yang sederhana¹⁵⁰. Begitu terperinci pesanan Imam al-Ghazali kepada ibubapa yang memberi perhatian yang serius dalam mendidik anak-anak disebabkan oleh dalam usia sebegini anak-anak akan lebih mudah dipengaruhi oleh persekitaran¹⁵¹.

2.2.5 Remaja

Peringkat remaja bermula apabila anak-anak telah mencapai tahap akil baligh iaitulah sekitar umur 15 bagi kanak-kanak lelaki dan umur 10 bagi kanak-kanak perempuan . Pada peringkat ini , ibubapa perlu mengubah cara mereka mendidik dan cara mereka berinteraksi dengan anak-anak di peringkat usia ini . Ibubapa tidak boleh memaksa anak-anak untuk melakukan apa yang mereka mahu sepatimana ketika mereka kanak-kanak, sebaliknya ibubapa perlu menjadikan anak-anak sebagai kawan mereka yang boleh menjadi tempat anak-anak remaja ini meluahkan perasaan mereka dan menyatakan kehendak hati mereka .

Usia remaja adalah usia untuk membentuk jati diri seseorang individu. Oleh itu, Imam al-Ghazali berpesan kepada anak yang remaja supaya tidak membiarkan mereka berjalan dalam keadaan menyombong diri dan gaya yang tidak sesuai sebagai seorang

¹⁵⁰Imam al-Ghazali (1994), *Wahai Anakku Dekati Tuhanmu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, h.35.

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 60-65.

yang beriman dengan Allah. Berjalanlah dengan penuh rasa rendah diri tetapi janganlah sampai dipandang manusia sebagai orang yang lemah dan boleh dipermain-mainkan¹⁵².

Selain itu, pesanan Imam al-Ghazali lagi kepada anak yang meningkat usia remaja agar mereka tidak berbangga dengan apa sahaja yang mereka dan keluarga mereka miliki, seperti harta, makanan, alat mainan, pakaian, rumah, kenderaan dan sebagainya ketika bersama dengan teman-teman mereka. Sebaliknya latihlah agar anak-anak bersikap rendah diri dan berkata dengan kata-kata yang baik dan sopan¹⁵³.

Ajar dan didiklah anak-anak supaya lebih banyak memberi dari meminta, sehingga tertanam dalam pemikiran mereka bahawa pekerjaan sebagai peminta itu adalah rendah dan hina walaupun dia seorang kaya dan akan merupakan kehinaan jika seseorang itu fakir dan miskin¹⁵⁴.

Dalam aspek percakapan, Imam al-Ghazali berpesan supaya anak-anak hanya perlu bercakap semasa perlu atau sekadar membuat pertanyaan atau memberikan jawapan. Mereka perlu menjadi pendengar yang baik dan sekiranya mereka perlu berbicara dengan orang yang lebih tua, maka lakukan dengan penuh adab dan sopan. Di samping itu, anak juga perlu dilatih supaya jangan banyak bersumpah samada dalam perkara yang benar atau palsu, agar mereka tidak terbiasa dengan perbuatan tersebut.

¹⁵² Imam al-Ghazali (1997), *Membentuk Peribadi Mukmin Sejati*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah, h. 76.

¹⁵³ *Ibid.*, h. 89.

¹⁵⁴ Imam al-Ghazali (1990), *Bahaya Riya'*, Jakarta: Pustaka Amani, h. 45.

Latih mereka supaya tidak banyak membuat kritikan, mengutuk dan mencaci-maki seseorang¹⁵⁵.

Anak-anak menurut Imam al-Ghazali perlu digalakkan untuk bermain dan bersukan sebaik sahaja pulang ke rumah, selepas waktu persekolahan, asalkan mereka menjaga adab-adab Islam. Hal ini disebabkan dengan cara itu, anak-anak dapat merehatkan fikiran dan merehatkan tubuh badan. Larangan ibubapa yang menghalang anak-anak daripada bermain akan membantutkan kecergasan tubuh badannya dan menyebabkan anak-anak bosan untuk meneruskan pembelajarannya.

Pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali mengenai pendidikan anak-anak ini mengandungi banyak kelebihan dan kebaikan. Oleh yang demikian ibu bapa sewajarnya berusaha bersungguh-sungguh untuk mempraktikkannya, terutama ketika mereka masih di usia kanak-kanak, supaya perbuatan baik itu menjadi tabiat atau kebiasaan dalam kehidupan mereka, sehingga akhirnya menjadi budaya hidup mereka ketika dewasa nanti. Hal ini semua memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan jiwa agama anak-anak.

¹⁵⁵ Imam al-Ghazali (1989), *Mengobati Penyakit Hati*, Jakarta: Pustaka Amani, h. 77.

2.3 Kesimpulan

Agama Islam yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada umat akhir zaman melalui kekasihNya Muhammad S.A.W merupakan agama yang sempurna dan sesuai diamalkan oleh manusia sepanjang zaman di semua pelosok dunia . Ajaran dalam Islam merangkumi segenap aspek kehidupan daripada sekecil – kecil perkara hingga sebesar – besar perkara , iaitu yang mencakupi aspek sosial , ekonomi dan politik serta aqidah . Begitu juga halnya dalam proses pembentukan jiwa agama anak – anak , yang mana mereka merupakan unsur – unsur penting dalam kerangka masyarakat , Islam amat menitikberatkannya bermula daripada anak – anak di alam roh lagi , kemudian mereka dipindahkan ke alam rahim ibu , seterusnya dilahirkan ke alam dunia yang melibatkan peringkat zaman kanak kanak , zaman remaja dan zaman dewasa sehingga mereka meninggal dunia dan kembali kepada Allah S.W.T .

Ibubapa berkewajipan untuk menerapkan ajaran Agama Islam pada anak – anak bermula daripada zaman kanak sehingga zaman remaja sebagaimana yang digariskan oleh Allah S.W.T melalui kitab Al-Quran dan Hadis – Hadis Rasulullah S.A.W. Ini penting bagi membangunkan jiwa agawa dan diri anak – anak seterusnya menyemainya agar anak – anak akan menjadi generasi yang beriman dan takut kepada Allah S.W.T. dan seterusnya mampu menjalankan tugas sebagai hamba Allah dan Khalifah Allah di muka bumi ini . Sekiranya ibubapa mengkesampingkan Ajaran Islam dalam mendidik anak , pastilah anak – anak itu akan membesar menjadi anak - anak yang derhaka dan tidak taat kepada perintah Allah S.W.T. , malahan ini akan menyebabkan berlaku

masalah kebejatan moral dalam masyarakat dan seterusnya menjadikan masyarakat hidup dalam penderitaan , kegelapan serta hidup dalam kemurkaan Allah S.W.T.

BAB 3

PERKEMBANGAN JIWA AGAMA MENURUT ROBERT H. THOULESS

3.1 Pendahuluan

Dalam bab terdahulu telah dibincangkan berkaitan dengan perkembangan jiwa agama menurut Islam. Perkembangan seseorang individu telah bermula sejak di alam roh lagi sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kitab sucinya iaitu al-Quran. Seterusnya roh itu ditupukan ke dalam janin manusia sehingga akhirnya terbentuklah manusia. Oleh itu, dalam Islam pembahagian peringkat perkembangan jiwa agama ini terdiri daripada janin (pra-lahir), kelahiran, kanak-kanak, remaja, dewasa dan lanjut usia sehingga kepada kematian. Bagi melihat perbezaan antara perkembangan jiwa agama menurut perspektif Islam yang telah dibincangkan di dalam bab 2, bab 3 akan membincangkan perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless. Di dalam bab ini, penulis akan membincangkan tentang perkembangan jiwa agama bermula dari peringkat pra lahir, kelahiran, kanak-kanak seterusnya peringkat remaja.

Secara umunya, semua agama¹⁵⁶ di dunia ini seperti Hindu¹⁵⁷, Buddha¹⁵⁸, Toisme¹⁵⁹, Yahudi¹⁶⁰, Kristian¹⁶¹ dan Islam semuanya meyakini kewujudan Tuhan, meskipun semua menyebut nama Tuhan dengan bahasa khusus masing-masing. Keyakinan tentang adanya Tuhan telah ada dalam jiwa manusia sejak azali lagi. Oleh

¹⁵⁶ David S. Noss(1999), *A History Of The World's Religions*, New Jersey : Prentice Hall, h. 103.

¹⁵⁷ *Ibid.* h.160.

¹⁵⁸ *Ibid.* h.250.

¹⁵⁹ *Ibid.* h. 372.

¹⁶⁰ *Ibid.* h.442.

¹⁶¹ *Ibid.* h.528.

itu, fokus penulis dalam bab ini berkaitan dengan perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless.

Pada kurun ke 19, ahli psikologi dan ahli teologi berpandangan bahawa agama adalah sistem pemikiran yang direka oleh manusia¹⁶². Agama terbentuk hanya disebabkan oleh keperluan manusia tanpa kuasa yang lebih besar dan wahyu¹⁶³. Pada waktu itu, agama dilihat sebagai dogma iaitu yang sesuatu perlu diikuti tanpa dipersoalkan kewajarannya¹⁶⁴. Misalnya, ahli psikologi pada masa itu menolak golongan yang bijak tetapi apabila sesuatu perkara itu melibatkan agama mereka hanya mengikutinya tanpa memikirkan kerasionalannya¹⁶⁵. Hal inilah yang dikatakan sebagai dogma¹⁶⁶. Namun, Thouless tidak bersetuju dengan ahli falsafah dan ahli teologi yang menganggap pemikiran keagamaan adalah semata-mata berkaitan dengan pemikiran semata-mata. Tokoh falsafah yang lain berselisih pendapat dalam menyatakan tentang kewujudan Tuhan. Menurut St. Anselm bahawa kewujudan Tuhan boleh dibuktikan dengan penaakulan¹⁶⁷. Segelintir ahli falsafah berpandangan bahawa kewujudan Tuhan tidak boleh dibuktikan dan tidak boleh diragui. Ada juga ahli falsafah yang percaya sepenuhnya terhadap Bible atau percaya kepada Chirst.

¹⁶² Edward B. Taylor (1920), *op.cit.*, h.25.

¹⁶³ *Ibid.*

¹⁶⁴ <http://Catalogue : National Library Of Australia.gov.au>, 14 Januari 2009, rujuk juga: Robert H. Thouless (1942), **Experiments On Paranormal Guessing**, *British Journal of Psychology*, London : British Psychological Society), v. 33 (1), h. 568-574.

¹⁶⁵ Edward B. Taylor (1920), *op.cit.*, h.25.

¹⁶⁶ Dogma ialah kepercayaan atau sistem kepercayaan (agama dan lain-lain) yang dianggap benar dan seharusnya dapat diterima oleh orang ramai tanpa sebarang pertikaian. Rujuk juga : <http://prpm.dbp.gov.my/>. 4 Jun 2013.

¹⁶⁷ Robert H. Thouless (1920), *op.cit*, h. 35.

Psikologi¹⁶⁸ secara umumnya merupakan ilmu yang mengkaji tentang tingkah laku dan pengalaman manusia. Pada awal kurun ke 19, psikologi agama wujud disebabkan oleh tindakan dalam beragama, misalnya orang yang beragama ialah orang yang cerdik, bijak, tetapi apabila berkaitan dengan agama, seseorang itu hanya mengikut sahaja iaitu agama hanyalah tingkah laku keagamaan sahaja, tanpa memastikan logik atau tidak perkara itu dilakukan, dan mereka juga percaya kepada kuasa ghaib yang lebih berkuasa¹⁶⁹. Pada awal kurun ke 20, Thouless telah membawa suatu pandangan yang menolak pandangan ahli psikologi sebelumnya¹⁷⁰. Menurut Thouless, kelakuan perlu seiring dengan kepercayaan dan merupakan suatu perkara yang penting dalam seluruh sistem kepercayaan tersebut. Seseorang melakukan tingkah laku agama disebabkan oleh kepercayaan terhadap agama yang dipegang sejak berzaman oleh komuniti masyarakat tersebut¹⁷¹. Thouless mengatakan sewajarnya ahli psikologi tidak mengkaji perlakuan keagaamaan hanya melibatkan tingkah laku manusia dan kemudiannya mentafsirkannya sebagai dogma¹⁷². Sebaliknya Thouless melihat kepada perlunya pengkajian terhadap upacara keagamaan, budaya moral dan budaya pemujaan (*devotional*) yang berlaku dalam masyarakat¹⁷³. Oleh itu, Thouless berpandangan bahawa cara-cara untuk melakukan kajian terhadap manusia dari sudut psikologinya boleh dilakukan antaranya ialah dengan mengedarkan borang kaji selidik kepada sekelompok masyarakat, menganalisis data, kajian terhadap orang-orang tertentu dan sebagainya. Adakalanya data untuk penelitian yang dilakukan oleh para psikologi

¹⁶⁸ Hiram E. Fitzgerald (1977), *Developmental Psychology Studies In Human Development*, Homewood : Dorsey Press, h.10.

¹⁶⁹ Robert H. Thouless (1942), *op.cit.*, h. 568-574.

¹⁷⁰ *Ibid.*

¹⁷¹ *Ibid.*

¹⁷² *Ibid.*

¹⁷³ *Ibid.*

diperolehi dalam bentuk cetakan seperti dalam bentuk autobiografi keagamaan atau dikenali juga sebagai kitab-kitab agama, dan kadang-kadang diperolehi melalui pengamatan ahli psikologi tersebut¹⁷⁴.

Psikologi agama telah wujud sebelum zaman Robert H. Thouless, namun perkembangan psikologi agama hanya dilihat dari aspek tingkah laku beragama sahaja¹⁷⁵. Zaman ini juga dikatakan zaman berkembangnya teori behaviorisme. Seseorang peneliti atau pengkaji dapat menggunakan salah satu bentuk behaviorisme iaitu tingkah laku yang menganggap perolehan mengenai tingkah laku manusia sebagai proses mekanik yang ditentukan oleh prinsip yang menyatakan bahawa tingkah laku terpuji cenderung untuk diulangi¹⁷⁶. Pendekatan Behaviorisme¹⁷⁷ menekankan kepada tingkah laku yang boleh dilihat dan diukur. Pendekatan ini dipelopori oleh John Watson di Universiti John Hopkins Amerika Syarikat pada tahun 1913 yang berpendapat bahawa tingkah laku dipengaruhi oleh persekitaran dan bukannya unsur-unsur dalaman¹⁷⁸. Menurut Bernstein, idea-idea Watson inilah yang mengembangkan pendekatan behaviorisme yang menekankan idea bahawa tingkah laku dan proses mental adalah hasil daripada pembelajaran¹⁷⁹. Oleh itu, apabila wujudnya ransangan persekitaran seperti ibubapa yang sangat patuh kepada ajaran agama, maka anak itu juga akan turut menuruti tingkah laku ibubapanya¹⁸⁰. Menurut pendekatan ini, tingkah laku ialah satu siri gerak balas yang dipelajari dengan wujudnya ransangan. Ransangan seperti ibubapa

¹⁷⁴ Robert H Thouless (1971), *op.cit.*, h. 13.

¹⁷⁵ Edward B. Taylor (1920), *op.cit.*, h.34.

¹⁷⁶ <http://psychology.about.com/od/behavioralpsychology/f/behaviorism.htm>. Tarikh : 29 Ogos 2012.

¹⁷⁷ Edward L. Thorndike (1910), **The Contribution Of Psychology To Education**, Columbia University. Atas talian <http://psychclassics.yorku.ca/Thorndike/education.htm> bertarikh : 29 Ogos 2012.

¹⁷⁸ Jan Howells & John Watson (2000), **Parental Control** , London: Dorling Kindersley Book, h.56.

¹⁷⁹ Douglas A. Bernstein (1999), **Psychology Fields Of Application**, Boston: Houghton Mifflin, h. 167.

¹⁸⁰ *Ibid.*

yang sering mengingatkan kepada anak-anak sejak kecil tentang berbuat baik sesama manusia. Selain itu, kata-kata pujian atau ganjaran yang diberikan kepada anak-anak yang melakukan perkara yang baik juga turut membantu perkembangan jiwa agamanya. Hal ini diperkuuh lagi oleh Pavlov yang menyatakan bahawa bimbingan, latihan, ganjaran, pengukuhan dan tunjuk ajar yang berterusan adalah penting bagi menjamin perubahan tingkah laku yang berkesan¹⁸¹. Bagi E.L. Thorndike, walaupun pembelajaran berlaku hasil gabungan antara *stimulus* (rangsangan) dan *response* (gerak balas) seperti pendapat Pavlov dan Skinner, beliau memberi penekanan terhadap pembelajaran cuba jaya dan pengulangan. Sepertimana yang dinyatakan dalam teori behaviorisme yang menjadikan faktor persekitaran sebagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku seseorang¹⁸². Hubungan antara persekitaran dengan tingkah laku akan melahirkan kecederungan kepada bakat, nilai-nilai, kepercayaan dan lain-lain melalui proses pemerhatian, pengukuran, analisa melalui gerak balas terhadap persekitaran¹⁸³.

Pada awal kurun ke 20, Thouless telah membawa persepsi baru terhadap psikologi agama. Pada zaman ini juga telah berlaku revolusi kognitif¹⁸⁴ secara tidak langsung dalam bidang psikologi, tidak seperti kurun sebelumnya yang menggunakan teori behaviorisme sebagai asas dalam mengkaji tentang tingkah laku manusia¹⁸⁵. Psikologi agama menurut Thouless ialah sesuatu yang boleh dianggap sebagai suatu

¹⁸¹ Muhibbin Syah (2006), *Psikologi Belajar*, Jakarta: PT. RajaGrafindo Persada. h. 95.

¹⁸² Edward L. Thorndike (1910), *op.cit.*, h.54. Rujuk juga : Jas Lailee Suzana Jaafar (2002), *Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.32.

¹⁸³ Edward L. Thorndike (1910), *op.cit.*, h.54.

¹⁸⁴ Revolusi kognitif berlaku disebabkan oleh ahli psikologi mula kecewa dengan batasan pemerhatian teori behaviorisme yang hanya terhad kepada persekitaran sahaja. Rujuk juga : <http://www.princeton.edu>.4 Jun 2013. Rujukan bersama : Ulric Neisser (1967), *Cognitive Psychology*, New York : Prentice Hall, h. 4.

¹⁸⁵ Robert H. Thouless (1942), *op.cit.*, h. 568-574.

sistem dari pelbagai cara penelitian yang digunakan untuk memahami sesuatu yang dilakukan atau yang difikirkan atau dirasakan oleh manusia¹⁸⁶. Dengan mudahnya kita memahami bahawa Thouless berpandangan psikologi agama bukan hanya merujuk kepada tingkah laku agama, tetapi ianya juga merujuk kepada sesuatu yang mendorong keyakinan dan kepercayaan terhadap adanya tingkah laku keagamaan tersebut¹⁸⁷.

Menurut Thouless lagi, istilah agama juga sering menimbulkan kontroversi dalam perbincangan tentang psikologi. Malah beliau berpandangan, definisi agama kadang-kadang tidak tepat dan jelas kerana masing-masing mempunyai perbezaan antara kegiatan agama dan kegiatan bukan agama atau tidak memberikan batasan terhadap sesuatu yang dilakukan¹⁸⁸. Beliau memberi contoh Hegel mendefinisikan agama sebagai suatu pengetahuan yang dimiliki oleh akal yang terbatas. Perkara ini pada hakikatnya diakui sebagai akal yang mutlak. Oleh itu, Thouless mengkritik dengan mengatakan rentetan daripada definisi ini, ia akan menjadikan manusia hanya akan memahami tentang keagamaan setelah dia menjadi seorang ahli falsafah¹⁸⁹.

Thouless juga turut memberikan definisinya yang tersendiri tentang istilah agama. Agama menurut beliau adalah hubungan praktis yang dirasakan dengan apa yang dipercayai sebagai makhluk atau wujudnya sesuatu yang lebih tinggi dari manusia¹⁹⁰. Dalam erti kata yang lain menurut Thouless, agama merupakan sistem yang mencakupi

¹⁸⁶ *Ibid.*

¹⁸⁷ *Ibid.*

¹⁸⁸ David M.Wulff (1997), *Psychology Of Religion*, New York : John Wiley & Sons, h.108.

¹⁸⁹ Robert H Thouless (1971), *op.cit*, h. 59.

¹⁹⁰ *Ibid.*,h. 67.

cara bertingkah laku dan berperasaan yang berbentuk khusus dan ia juga merupakan sistem kepercayaan yang bersifat khusus juga¹⁹¹.

Bertitik tolak dari latar belakang yang berlaku dalam sejarah perkembangan psikologi agama yang berlaku pada kurun ke 19 dan kurun ke 20 iaitu ketika bermulanya era revolusi kognitif dalam psikologi, maka penulis akan membahaskan berkaitan dengan perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless secara berperingkat.

3.2 Peringkat Pra Lahir

Kebanyakan tokoh Barat tidak membincangkan tentang peringkat ini dengan lebih mendalam¹⁹². Namun, secara umumnya Thouless percaya tentang kewujudan Tuhan¹⁹³. Menurut Thouless, manusia tidak dapat mengatakan seorang anak yang baru lahir bermoral atau tidak bermoral¹⁹⁴. Moral ini adalah berkaitan dengan perkembangan jiwa agamanya¹⁹⁵. Oleh itu, moral itu tumbuh dan berkembang dari pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh anak-anak sejak ia lahir, pertumbuhannya baru dapat mencapai kematangan pada usia remaja, ketika kecerdasannya telah selesai bertumbuh¹⁹⁶. Seterusnya Thouless menerangkan tentang peringkat kelahiran seseorang individu secara ringkas. Peringkat kanak-kanak dan remaja adalah peringkat yang

¹⁹¹ *Ibid.*, h. 70.

¹⁹² Benjamin Beit-Hallahmi (1997), *The Psychology Of Religious Behaviour, Belief And Experience*, London: Routledge, h. 101.

¹⁹³ Robert H Thouless (1971), *op.cit*, h. 3.

¹⁹⁴ *Ibid.*, h. 9.

¹⁹⁵ *Ibid.*, h.13.

¹⁹⁶ *Ibid.*, h. 146.

dinyatakan oleh Thouless secara terperinci yang membentuk jiwa agama seorang manusia.

3.3 Kelahiran

Robert H. Thouless berpendapat perkembangan jiwa agama adalah salah satu bidang psikologi agama yang bertujuan mengembangkan pemahaman terhadap perilaku keagamaan dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip psikologi yang berhasil dari kajian terhadap perilaku bukan keagamaan¹⁹⁷. Setiap manusia merasai bahawa adanya kehadiran Tuhan dalam jiwa mereka. Hasil dari kajian yang telah dilakukan, Thouless menyatakan ibu yang mempu�ai perasaan adanya Tuhan akan mempengaruhi anak dalam kandungan. Apabila ibu melahirkan anak, pegangan agama yang dianuti oleh ibu tersebut akan mempengaruhi perkembangan anak. Ibu percaya kepada Tuhan, maka anak juga akan sampai kepada tahap mempercayai adanya Tuhan apabila ia dewasa nanti. Ibu akan mendidik anak mengikut anutan yang telah diyakininya. Maka, apabila dewasa nanti, anak itu juga akan memiliki kepercayaan seperti ibunya¹⁹⁸. Oleh itu, pengaruh persekitaran memberi kesan yang mendalam terhadap jiwa keagamaan anak tersebut. Sekiranya anak tersebut lahir dari keluarga yang porak peranda, ia juga akan menyebabkan jiwanya menjadi kacau sehingga apabila dewasa kelak, anak tersebut tidak dijangkakan melakukan perkara yang tidak baik¹⁹⁹. Penyakit jiwa yang melanda

¹⁹⁷ *Ibid.*, h.12.

¹⁹⁸ *Ibid.* h. 10. Rujuk juga : Benjamin Beit-Hallahmi (1997), *The Psychology of Religious Behaviour, Belief and Experience*, London : Routledge, h.45.

¹⁹⁹ Dikenali sebagai penyakit jiwa, menyebabkan masa lampau pesakit mewarnai persepsi dan tingkah laku pesakit pada masa kini. Dalam menjalani rawatan psikoterapi ini, doktor akan menjelaskan punca (dinamik) sesuatu konflik itu terjadi atau bermula. Konflik yang dihadapi oleh seseorang sama ada

seseorang itu, akhirnya akan membentuk keperibadian seseorang. Berbanding dengan seseorang yang diberi perhatian oleh ibubapanya dalam soal keagamaan²⁰⁰.

Selain itu, Thouless juga memusatkan kajian agamanya dalam budaya suatu kelompok atau masyarakat itu sendiri. Hasil dari pandangan Thouless juga merujuk kepada perilaku keagamaan sesuatau masyarakat dengan menggunakan pendekatan psikologi²⁰¹. Terdapat di kalangan tokoh psikologi di Barat yang menyatakan bahawa anak dilahirkan bukan sebagai makhluk yang memiliki agama²⁰². Anak yang baru dilahirkan lebih mirip binatang, bahkan mereka mengatakan anak seekor kera lebih bersifat kemanusiaan daripada bayi manusia itu sendiri. Perkembangan jiwa agama semasa kelahiran tidak diperbincangkan dengan terperinci dalam perkembangan jiwa agama menurut Thouless. Melalui pelbagai proses untuk menuju kepada kematangan,

3.4 Peringkat Kanak-Kanak

Perkara yang berlaku dalam masyarakat akan mempengaruhi pembentukan jiwa kanak-kanak. Sejak kecil, kanak-kanak melihat tingkah laku orang dewasa yang akhirnya akan mempengaruhi perwatakan kanak-kanak tersebut. Jika sekiranya keluarga itu keluarga yang baik, maka kanak-kanak itu akan menjadi individu yang baik. Begitu juga sebaliknya, jika keluarga tersebut terlibat dengan kegiatan yang tidak bermoral,

hubungan dengan ibu bapa atau keluarga banyak mencorak cara pesakit berinteraksi dengan individu lain. Rujuk juga : Azizi Yahya (2007), *Psikologi Abnormal*, Skudai : UTM Press, h.200.

²⁰⁰ Robert H. Thouless (1972), *op.cit.*, h.11.

²⁰¹ Robert H Thouless (1923), *The Tendency To Certainty In Religious Beliefs*, British Journal Of Psychology, Vol. 26, Issue 10, h. 16-31. Rujuk juga : Benjamin Beit-Hallahmi (1997), *op.cit.*, h. 99.

²⁰² Robert H Thouless (1971), *op.cit.*, h.67.

maka anak yang lahir dari keluarga tersebut juga akan menjadi anak yang tidak bermoral²⁰³.

Thouless berpandangan bahawa kanak-kanak tidak dapat mengemukakan kewujudan Tuhan ketika mereka masih kecil²⁰⁴. Pemikiran kanak-kanak semasa kecil tidak dapat memikirkan tentang kewujudan Tuhan dalam akal mereka. Dalam usaha untuk menerapkan fahaman agama terhadap anak kecil, ibubapa tidak boleh menceritakan secara rasional tentang kewujudan Tuhan²⁰⁵. Beliau membawa contoh ibubapa yang ingin menceritakan tentang keindahan alam ini, menyatakan bahawa adanya suatu kuasa yang hebat menciptakan alam ini. Namun ia tidak dapat diterima oleh kanak-kanak tersebut. Perkara yang perlu dilakukan oleh ibubapa ialah mengajar anak-anak mereka tentang ritual keagamaan ibubapa tersebut²⁰⁶.

Dengan itu, apabila kanak-kanak tersebut meningkat remaja, ia akan mula memahami tentang adanya Tuhan yang menjadikan alam ini. Hal ini dilihat sebagai hanya apabila kanak-kanak ini meningkat remaja sahaja, barulah mereka dapat berfikir secara rasional. Dan akhirnya semakin meningkat usia seseorang itu, maka semakin teguhlah pegangan agamanya. Perkara sebeginilah yang akan memantapkan pegangan agama seseorang semasa remaja dan dewasanya kelak²⁰⁷.

²⁰³ International Journal for the Psychology of Religion, Vol. 22, Issue 1, 2011, *Religious Parenting*. Taylor Francis Online. 15 February 2012.

²⁰⁴ *Ibid.*

²⁰⁵ Robert H Thouless (1971), *op.cit*, h. 60.

²⁰⁶ *Ibid.*

²⁰⁷ Robert H Thouless (1971), *op.cit*, h. 64. Rujuk juga : David Fontana (2003), *Psychology, Religion, and Spirituality*, United Kingdom : British Psychological Society and Blackwell Publishing Ltd.,h.40.

Kanak-kanak juga menurut Thouless dipengaruhi oleh persekitaran dalam membentuk perkembangan jiwa agamanya²⁰⁸. Pada pringkat ini mereka melalui pelbagai pengalaman emosi sehingga meningkat dewasa²⁰⁹. Perkembangan ini memberi kesan yang besar untuk kehidupan yang akan datang.

Sebagai pengukuhan kepada pandangan yang dikemukakannya, buku yang ditulis oleh ahli psikologi selepas zaman Thouless menceritakan²¹⁰ tentang seorang pemuda yang bernama John Bunyan yang merupakan contoh bagi orang yang dalam dirinya terdapat rasa bersalah yang mendalam sehingga masyarakat yang berada di sekelilingnya cenderung untuk menimbulkan persoalan adakah perasaan bersalah itu merupakan salah satu nilai moral atau boleh dianggap sebagai salah satu petanda sakit jiwa. Bunyan menceritakan kisah hidupnya dalam bukunya yang bertajuk *Grace Abounding*²¹¹. Sejak zaman kanak-kanak, beliau sering mengucapkan kata-kata yang kasar dengan berbohong dan mengejek-ngejek orang lain. Suatu hari, beliau telah ditakutkan dengan api. Semenjak itu, apabila beliau teringatkan api, ia akan merasakan ketakutan yang amat sangat²¹².

Setelah berkahwin, beliau menjadi seorang yang taat kepada ajaran agama. Beliau sering ke gereja, tetapi disebabkan oleh perasaan sedih mengenangkan terlalu banyak dosa yang dilakukan, menyebabkan beliau telah berputus asa untuk meneruskan kehidupan. Beliau beranggapan masa silam yang pernah dilalui telah menyebabkan

²⁰⁸ Robert H Thouless (1971), *op.cit*, h. 21.

²⁰⁹ *Ibid.*

²¹⁰ *Ibid.*, h. 76.

²¹¹ Robert H Thouless (1971), *op.cit*, h. 25. Rujuk juga : John Bunyan (1970), *Grace Abounding To The Chief Of Sinners 1666*, London : Scolar Publishers, h.10.

²¹² *Ibid.*, h.11

beliau merasa telah terlambat untuknya mengharapkan keampunan. Sehinggalah pada suatu hari, beliau merasakan bahawa kehidupan yang dilalui perlu diperbaiki walau bagaimana cara sekalipun. Akhirnya sedikit demi sedikit, kehidupannya berubah menjadi lebih baik sehingga perubahan itu turut dirasai oleh jiran tetangganya. Mereka mengakui bahawa beliau seorang yang baik sehingga akhirnya beliau mula mendapat kedamaian yang sangat bermakna. Dengan ketenangan yang dimiliki beliau yakin bahawa Tuhan amat menyayanginya disebabkan oleh kesungguhan yang ditunjukkan oleh beliau untuk berubah menjadi baik²¹³.

Berdasarkan kisah menarik Bunyan ini, Thouless menyimpulkan bahawa kehidupan beragama amat besar pengaruhnya dalam kehidupan seseorang individu²¹⁴. Seseorang tidak seharusnya berputus asa untuk memperbaiki kehidupan dengan meningkatkan keyakinan jiwa kepada Tuhan. Oleh itu, perkembangan dan peningkatan jiwa agama akhirnya telah membawa perubahan yang bermakna dalam kehidupan Bunyan²¹⁵. Kisah Bunyan ini merupakan sebagai pengukuran kepada perlunya perkembangan jiwa agama dalam memperbaiki tingkah laku seseorang seterusnya meningkatkan keyakinannya dirinya terhadap kehidupan dan masa hadapan.

Selain itu, Thouless turut menyatakan bahawa adalah sukar untuk menentukan seawal manakah kelakuan agama dimanifestasikan di dalam kehidupan seseorang itu. Malah terdapat segelintir tokoh psikologi Barat yang mempertahankan bahawa persoalan

²¹³ *Ibid.*, h.12.

²¹⁴ Robert H Thouless (1971), *op.cit.*, h.44

²¹⁵ *Ibid.*,h.47.

ini adalah persoalan teologi²¹⁶. Thomas van Aquino menyatakan bahawa yang menjadi sumber kejiwaan agama itu, adalah dengan berfikir²¹⁷. Manusia memiliki rasa ber-Tuhan disebabkan oleh manusia menggunakan kemampuan akalnya untuk berfikir. Fredrick Schleimacher pula berpendapat bahawa yang menjadi sumber keagamaan itu adalah rasa ketergantungan yang mutlak²¹⁸. Dengan adanya rasa ketergantungan yang mutlak ini manusia merasakan dirinya lemah. Sigmund Freud berpandangan unsur kejiwaan yang menjadi sumber kejiwaan agama ialah libido sexual (naluri seksual). Freud yakin akan kebenaran pendapatnya itu berdasarkan kebencian setiap agama terhadap dosa²¹⁹. Pelbagai pandangan yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung terdapat juga segelintir tokoh lain yang percaya bahawa perkembangan jiwa manusia ini dipengaruhi oleh faktor jiwa agama individu tersebut²²⁰.

Setelah Thouless mengemukakan pandangan tentang teori yang dibawanya tentang perkembangan jiwa agama yang berbeza dengan ahli psikologi pada kurun ke 19, ramai di kalangan pengkaji lain telah menerima pandangan Thouless sehingga akhirnya banyak kajian yang dilakukan untuk membuktikan bahawa, pandangan Thouless tentang perkembangan jiwa agama seseorang bukan hanya sekadar tingkah laku tetapi turut dipengaruhi oleh keyakinan tentang kewujudan kuasa ghaib²²¹.

²¹⁶ Michael T. Evans and Emma D. Walker (2009), *Religion and Psychology*, New York: Nova Science Publishers, h.88.

²¹⁷ *Ibid.*

²¹⁸ *Ibid.*, h.56.

²¹⁹ G. Stanley dan W.K Bartlett (1978), *Notes On The Psychology of Religion*, Victoria : Deakin University, h.15.

²²⁰ *Ibid.*

²²¹ Journal of Philosophical Studies (1930), *op.cit.*, h. 568-574.

G. Stanley Hall (1981) adalah di antara yang mempercayai bahawa perkembangan agama bermula sangat awal dan ia berkait rapat dengan hubungan anak dengan ibunya dan juga didikan awal yang diberikan sejak dilahirkan oleh ibu. Perasaan bersyukur, percaya, mengharap, cinta dan sebagainya yang terbina pada mulanya hanya kepada ibu akan kemudianya ditujukan kepada Tuhan²²². Tokoh ini menyokong pandangan Thouless tentang perkembangan jiwa agama seharusnya bermula dengan didikan daripada ibu kerana ibu adalah orang yang berpengaruh dalam membentuk persekitaran anaknya sehingga akhirnya seseorang itu menjadi seorang yang taat kepada agama²²³.

Manakala kajian Ames²²⁴ (1910) terhadap 80 orang mengenai pengalaman mereka semasa kanak-kanak. Mereka ditanya soalan-soalan seperti : “Sejauhmanakah kesedaran beragama anda sewaktu kanak-kanak? Dan “Apakah kesan gereja dan sekolah hari Ahad terhadap anda?”. Jawapan yang kerap kali diterima adalah mengejutkan. Kebanyakan menjawab ia langsung tidak memberi kesan terhadap mereka. Daripada laporan retrospektif ini, Ames menyimpulkan bahawa agama bagi kanak-kanak adalah sesuatu yang lebih bersifat luaran daripada bersifat dalaman yang signifikan bagi mereka²²⁵.

²²² Granville Stanley Hall (1965), *Health, Growth And Heredity : G. Stanley Hall On Natural Education*, New York : Teachers College Press, h. 34.

²²³ *Ibid.*

²²⁴ G.F Stanley, W.K Bartlett (1978), *op.cit*, h. 10.

²²⁵ *Ibid.*

Harmes²²⁶ (1944), telah meminta kanak-kanak untuk melukis bagi menggambarkan idea mereka mengenai Tuhan. Beberapa ribu lukisan telah dikumpulkan dan dikelaskan untuk mendapatkan gambaran perkembangan agama. Pada umur 3-6 tahun, lukisan yang dilukiskan menggambarkan seorang yang berjubah labuh seperti di dalam kisah dongeng. Idea mengenai Tuhan adalah lebih kepada kisah dongeng yang lain. Pada umur 6-10 tahun, lukisan adalah lebih konvensional dan lebih dekat dengan kepercayaan gereja. Kesukaran menggunakan kaedah ini adalah untuk menentukan sejauhmana gambaran awal (3-6 tahun) adalah gambaran yang tepat mengenai proses pemikiran kanak-kanak²²⁷.

Mailhiot²²⁸ (1961) telah meminta 200 kanak-kanak berumur di antara 3 tahun 11 bulan sehingga 5 tahun 4 bulan untuk melukis Tuhan, melukis Jesus dan melukis benda-benda yang lain. 34% daripada kanak-kanak itu menolak untuk mencuba melukis Tuhan. Bagaimanapun begitu, kesemua mereka bersetuju untuk melukis Jesus. 92% daripada mereka yang melukis Tuhan telah melukis gambar yang sama seperti Jesus. Salah satu dari dapatan yang menarik adalah, lukisan-lukisan Tuhan digambarkan sebagai kanak-kanak. Mailhiot membuat kesimpulan bahawa Tuhan lebih mudah digambarkan sebagai kanak-kanak, tanpa menghiraukan ajaran agama yang diterima daripada ibubapa di rumah. Bagi kanak-kanak perempuan di dalam sampel tersebut, ramai di antara mereka melukis Jesus sebagai kanak-kanak perempuan.

²²⁶ *Ibid.* h. 29.

²²⁷ G. Stanley dan W.K Bartlett (1979), *op.cit.*, h.31.

²²⁸ *Ibid.*,h.12

Teori Thouless²²⁹ berkaitan perkembangan jiwa agama ini juga turut disokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh Harmes dan Mailhiot, kita dapat menyimpulkan bahawa dalam peringkat usia kanak-kanak dapat mengambarkan Tuhan sama ada, sama seperti fizikal mereka atau apa jua bentuk Tuhan, walaupun ibubapa telah mengajarkan tentang kewujudan Tuhan kepada kanak-kanak tersebut. Hal ini menunjukkan telah berlaku perkembangan jiwa agama dalam diri kanak-kanak tersebut sehingga mereka mampu untuk membayangkan keadaan Tuhan melalui imaginasi yang dilakarkan di atas sehelai kertas. Gambaran Tuhan yang dilukis oleh kanak-kanak tersebut walaupun sama seperti mereka atau sebaliknya menunjukkan bahawa mereka telah memiliki jiwa keagamaan walaupun dilihat masih terbatas dan perlu digilap lagi. Hal ini bertepatan dengan pandangan Thouless tentang konsep yang diterima oleh kanak-kanak dalam fikiran mereka mengenai Ketuhanan pada umumnya berasal dari pengalaman yang telah dilalui. Semasa mereka berinteraksi dengan orang lain, pertanyaan anak mengenai (bagaimana) dan (mengapa) biasanya mencerminkan usaha mereka untuk menghubungkan penjelasan keagamaan yang abstrak dengan dunia pengalaman mereka²³⁰.

Teori perkembangan jiwa agama yang dipelopori oleh Robert H. Thouless, telah menjadi perintis kepada pengadaptasian kaedah Piagetian dalam kajian agama²³¹.

²²⁹ Journal of Philosophical Studies (1930), *op.cit.*, h. 568-574.

²³⁰ <http://fauzi2000.blogspot.com/2009/12/perkembangan-jiwa-beragama-pada-masa.html>. 30 Ogos 2012.

²³¹ Menurut perkembangan kognitif Piaget yang mempunyai empat aspek, iaitu kematangan, sebagai hasil perkembangan susunan saraf, kemudian pengalaman yang mempunyai hubungan timbal balik antara organisma dengan dunianya, seterusnya interaksi sosial dengan pengaruh-pengaruh yang diperoleh dalam hubungannya dengan lingkungan social, dan yang terakhir adanya kemampuan atau sistem mengatur dalam diri organisma agar selalu mampu mempertahankan keseimbangan dan penyesuaian diri terhadap lingkungannya. Rujuk juga : Jean Piaget (1981), *Intelligence And Affectivity : Their Relationship During Child Development*, California : Annual Reviews Inc., h. 16.

Elkind²³² telah menjalankan beberapa siri kajian yang menggunakan kaedah eksperimen klinikal Piagetian. Dia telah membuat perbezaan penting di antara agama yang diperoleh secara spontan (*spontaneous religion*) dan juga agama yang diperolehi secara sedar (*acquired religion*). Kajian-kajian yang lampau telah menggunakan soal selidik yang menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai gambaran yang konvensional terhadap Tuhan. Elkind merasakan penemuan ini sesuatu yang menakjubkan kerana menurut pandangan dan penemuan penyokong teori Piaget bahawa perkembangan konseptual mengikuti aturan daripada konseptual yang konkret kepada yang abstrak. Kelebihan menggunakan kaedah separa-klinikal Piaget adalah seseorang itu dapat mengetahui sejauhmana konsep agama mempunyai sebarang makna kepada proses kognitif terhadap kanak-kanak. Di atas kelebihan inilah Elkind telah membuat kajian yang dipanggilnya sebagai *spontaneous religion* yang menggunakan temubual separa-klinikal. Subjek yang diambil beliau bagi tujuan tersebut adalah agama Yahudi, Katolik dan Protestan di Amerika Syarikat²³³.

Sebagai lanjutan dan pengukuhan kepada perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless, suatu kajian yang telah dilakukan kepada 700 orang kanak-kanak, 30 orang bagi setiap umur daripada 5 tahun sehingga 11 tahun untuk sampel Yahudi, dan 30 orang bagi setiap umur daripada 6 sehingga 12 tahun untuk Protestan dan Katolik, telah ditemubual secara perseorangan. Semasa temubual tersebut, beliau menanyakan kepada kanak-kanak tersebut 6 soalan. Soalan tersebut adalah²³⁴:

²³² David Elkind (1981), *Children And Adolescents : Interpretive Essays On Jean Piaget*, New York : Oxford University Press, h.160.

²³³ *Ibid.*, h.162.

²³⁴ *Ibid.*, h.170.

1. Adakah keluarga kamu Yahudi? atau, Adakah keluarga kamu Katolik? atau, Adakah keluarga kamu Protestan? Adakah anda Katolik, Protestan, dan lain-lain...?
2. Bolehkah seekor kucing menjadi Katolik (Protestan, Yahudi)?
3. Bagaimana anda menjadi seorang Katolik(Protestan, Yahudi)?
4. Apakah itu Katolik (Protestan, Yahudi)?
5. Bagaimana anda dapat gambarkan seseorang itu adalah seorang Katolik (Protestan, Yahudi)?
6. Bolehkah anda menjadi Katolik (Protestan, Yahudi) dan orang Amerika dalam masa yang sama?

Jawapan-jawapan kepada persoalan ini telah dikategorikan kepada tiga tahap yang jelas yang mengikuti teori kajian perkembangan kognitif Piaget²³⁵. Pertama adalah tahap yang tidak dibezakan secara global (*global undifferentiated*²³⁶), kedua ialah tahap

²³⁵ *Ibid.*

²³⁶ Di peringkat ini kanak-kanak dapat melihat sesuatu berlaku secara menyeluruh tetapi tidak mampu untuk berfikir secara logik kenapa sesuatu perkara itu berlaku. Kanak-kanak belum lagi dapat membezakan dan memahami dua atau lebih dimensi pada masa yang sama. Hal ini kerana, mereka belum dapat menyusun penerangan yang ada dalam pemikiran. Rujuk juga : Jean Piaget (1981), *Intelligence And Affectivity : Their Relationship During Child Development*, California. : Annual Reviews Inc, h. 40.

konkrit yang dibezakan (*differentiated concrete*²³⁷) dan ketiga ialah tahap abstrak yang dibezakan (*abstract differentiated*²³⁸).

Pada tahap yang tidak dibezakan secara global (*global undifferentiated*), kanak-kanak mengetahui nama agama tersebut sebagai sejenis kata nama khas (*proper name*). ‘Apakah itu Yahudi? ’Jawapan yang mungkin diberikan adalah ‘Orang’. ‘Bagaimana seorang Yahudi berbeza dengan Katolik? ’Jawapan yang mungkin diberikan ialah ‘Sebab sesetengah orang mempunyai rambut yang hitam dan ada yang perang.’‘Bolehkah kucing atau anjing menjadi Yahudi?’‘Tidak.’ ‘Kenapa tidak?’‘Sebab ia seekor anjing.’‘Kenapa ia tidak boleh menjadi Yahudi?’‘Kerana ia bunyi bow-wow. ’Pada tahap awal ini keanggotaan dalam sesuatu agama itu dilihat sedikit sebanyak sebagai kata nama khas dengan sedikit makna yang tidak dibezakan²³⁹.

Pada tahap kedua, konkrit yang dibezakan (*differentiated concrete*), kanak-kanak itu menggunakan sumber pemerhatian mereka dan juga tingkah laku untuk mendefinisikan agama. Sebagai contoh, seorang kanak-kanak berusia 8 sehingga 10 tahun ditanyakan tentang : ‘Apakah Katolik?’ ‘Orang yang pergi ke gereja pada hari Ahad dan bersekolah di sekolah Katolik.’ Dalam menjawab soalan : ‘Bolehkah anjing

²³⁷Dalam tempoh ini kanak-kanak sudah mampu menggunakan berfikir tanpa dipengaruhi oleh persepsi, kerana kanak-kanak tersebut boleh berfikir secara logik sebab sesuatu perkara berlaku. Perasaan ingin tahu menjadikan kanak-kanak pada tahap ini akan gemar bertanyakan sesuatu yang menarik minat mereka kepada orang yang lebih dewasa. Walaubagaimanapun, kanak-kanak pada umur sebegini masih belum memahami atau menaakul tentang perkara-perkara yang abstrak seperti konsep kenegaraan, ketuhanan, makna hidup dan sebagainya. Mereka hanya memahami konsep-konsep yang konkrit atau objektif seperti mengenali haiwan, tumbuhan dan sebagainya. *Ibid.*,h.41.

²³⁸Tahap ini merupakan perkembangan struktur kognitif, kanak-kanak tersebut boleh berfikir secara logik untuk semua jenis masalah hipotesis, masalah verbal, dan dapat menerima pandangan orang lain. *Ibid.*, h.45.

²³⁹ David Elkind (1981), *op.cit.*,h. 170.

atau kucing menjadi Yahudi?’ Dia menjawab: ‘Tidak.’ Apabila ditanyakan kenapa tidak, Kanak-kanak tersebut menjawab ‘Ia bukanlah manusia.’ ‘Apakah yang membezakannya?’ ‘Ia tidak boleh pergi ke Sinagog atau berdoa, tetapi saya rasa kalau ia kepunyaan keluarga yang beragama Yahudi maka ia mungkin boleh jadi Yahudi.’ ‘Bolehkah seekor singa atau harimau menjadi Yahudi?’ ‘Tidak kerana mereka haiwan buas dan tiada siapa memiliki mereka.’ Ini adalah sesuatu yang agak konkrit berkaitan dengan apa yang Yahudi dan Katolik buat²⁴⁰.

Pada tahap yang ketiga, abstrak yang dibezakan (*abstract differentiated*), seorang kanak-kanak berusia 12 tahun telah disoal, ‘Apakah itu Katolik?’ Jawapan- ‘seseorang yang percaya kepada kebenaran gereja Roman Katolik.’ ‘Bolehkah anjing atau kucing menjadi Yahudi?’ ‘Tidak.’ ‘Kenapa tidak?’ ‘Kerana mereka bukanlah manusia dan mereka tidak akan memahami agama.’ Pada tahap umur ini terdapat banyak penegasan mengenai idea bahawa haiwan mempunyai akal yang berbeza, maka haiwan tidak dapat memahami kepercayaan yang membezakan setiap agama²⁴¹.

Perkara yang dibincangkan oleh Elkind di atas adalah berkaitan dengan analisis terhadap pemikiran Piaget dari aspek perkembangan kognitif bermula dari usia awal kanak-kanak sehingga di akhir usia kanak-kanak iaitu 12 tahun. Beliau mengaitkan perkembangan kognitif kanak-kanak dengan perkembangan jiwa agama mereka²⁴². Kanak-kanak berfikir mengikut keupayaan kognitif mereka dalam menentukan bentuk

²⁴⁰ *Ibid.*, h.171.

²⁴¹ *Ibid.*, h. 172.

²⁴² David Elkind (1968), *Learning: an Introduction by Kathleen O'Connor*, Glenview Ill: Scott, Foresman, h.25.

Tuhan dalam pemikiran mereka. Oleh itu, kanak-kanak berupaya memikirkan tentang Tuhan mengikut perkembangan otak mereka bermula dengan kanak-kanak ini menyebut Tuhan sebagai perkataan yang didengari daripada orang dewasa sehingga hal kepada tahap pemikiran mereka dapat berfikir secara lebih konkrit dengan dipengaruhi oleh perkembangan jiwa agama melalui persekitaran sepetimana yang dinyatakan juga dalam faktor perkembangan jiwa keagamaan menurut Thouless.

Sebagai pengukuhan kepada teori perkembangan agama yang dibawa oleh Thouless, kajian secara saintifik telah dilakukan oleh Ronald Goldman, yang juga telah menggunakan kaedah temubual semi-klinikal Piaget dengan ramai kanak-kanak yang telah dipilih daripada sekolah-sekolah Inggeris. Satu ujian pemikiran agama melalui gambar dan cerita telah dijalankan kepada satu sampel kanak-kanak dan remaja. Ujian bergambar mempunyai 3 keping gambar, satu menunjukkan seorang kanak-kanak sedang memasuki gereja, kemudian, seorang kanak-kanak melutut di tepi katil dan yang terakhir, seorang kanak-kanak sedang melihat kepada sebuah Kitab Bible yang rosak. Sementara itu, 3 kisah dari Bible yang telah dipilih oleh Goldman adalah merupakan versi naratif yang dipermudahkan daripada kisah Nabi Musa dengan api, penyeberangan Laut Merah dan godaan-godaan Jesus.

Secara keseluruhannya, Ronald Goldman sepandapat dengan Thouless yang berpandangan bahawa pertumbuhan kognitif memberi kemungkinan terjadi perpindahan atau transisi dari agama yang lahiriah menuju agama yang batiniah²⁴³. Contohnya ketika remaja, mereka telah melihat adanya kekacauan, kerusuhan, ketidakadilan dalam

²⁴³ Journal of Philosophical Studies (1930), *op.cit.*, h. 568-574.

masyarakat. Oleh itu, mereka akan merasa kecewa terhadap Tuhan. Namun dalam masa yang sama, remaja juga melihat keindahan alam, kedamaian dan ketenangan dalam segala sesuatu, maka mereka akan menjadi yakin kepada Tuhan, bahawa Tuhan Maha Bijaksana. Hal inilah yang menjadi konflik dalam diri remaja sehingga akhirnya membawa kepada pencarian kebenaran tentang kewujudan kuasa yang Maha Hebat. Pertentangan yang berlaku ini dilihat oleh Thouless sebagai akibat daripada pengaruh persekitaran yang berlaku dalam kehidupan remaja. Hal ini berlaku disebabkan oleh keyakinan mereka terhadap agama mulai menurun disebabkan oleh terdapat keperluan yang tidak dipenuhi oleh Tuhan.

Ia sangat terbukti bahawa pra-pengendalian (*pre-operational*²⁴⁴) dan pemikiran intuisi telah digunakan oleh kanak-kanak pada umur 7 atau 8 tahun, pemikiran yang lebih konkret bermula pada umur 7 atau 8 tahun kepada 13 atau 14 tahun dan operasi pemikiran yang formal bermula pada umur 13 ke 14 tahun. Goldman telah menegaskan bahawa walaupun batas tahapan itu hanyalah jangkaan tetapi ia adalah jelas wujud. Kesemua tahap ini hanya berlaku semasa kanak-kanak ini sedang membesar dan akhirnya ketika mereka melalui usia remaja telah berlaku konflik dalam jiwa keagamaan mereka.

²⁴⁴ Tahap ini adalah tahap persiapan untuk pengorganisasian operasi konkret yang bermula ketika usia kanak-kanak mencecah umur 2 tahun sehingga 7 tahun. Istilah operasi yang digunakan oleh Piaget di sini adalah berupa tindakan kognitif, seperti mengklasifikasikan sekelompok objek (*classifying*), menyusun atur benda-benda mengikut urutan tertentu (*seriation*), dan mengira (*counting*)). Pada tahap ini pemikiran kanak-kanak lebih banyak berdasarkan kepada pengalaman konkret daripada pemikiran logik, sehingga jika ia melihat objek-objek yang berbeza, maka ia mampu untuk membezakannya. Pada tahap ini anak masih berada pada tahap pra-operasional iaitu belum memahami konsep pemeliharaan (*conservation*). Kesimpulannya pada tahap ini, kanak-kanak mulai menggunakan fikiran logiknya tetapi masih terbatas kepada perkara-perkara yang dapat dilihat di sekitarnya sahaja. Jean Piaget (1981), *op.cit.*, h. 50.

²⁴⁴ *Ibid.*, h. 51

Satu lagi kajian yang mengkaji tahap kepercayaan yang telah dijalankan oleh de Conchy²⁴⁵. Beberapa ribu kanak-kanak berusia di antara 7 dan 16 tahun daripada beberapa kawasan di Perancis telah diberikan beberapa siri konsep dan telah diminta untuk menuliskan lima perkataan yang mereka merasakan ia berkaitan dengan konsep-konsep tersebut. ‘Tuhan’ adalah salah satu daripada konsep tersebut²⁴⁶. Daripada analisis perkataan-perkataan tersebut, de Conchy mengatakan terdapat tiga tahap di dalam perkembangan di antara 7 hingga 16 tahun²⁴⁷.

Yang pertama dinamakan ‘*attributability*.’ Pada tahap ini, kanak-kanak berfikir mengenai Tuhan melalui sifat-sifat yang tertentu: berkuasa, mengetahui segalanya, dan lain-lain. Tahap yang kedua dipanggil sebagai ‘*personalization*’ dan ia mencapai kemuncaknya pada umur 12-13 tahun; sekarang Tuhan digambarkan sebagai seorang manusia, yang bertemakan kedaulatan, penyelamat dan ayah. Tahap yang ketiga mencapai kemuncaknya pada umur 15-16 tahun dan ini dipanggil sebagai tahap ‘*interiorization*’. Tahap ini ditandai dengan peningkatan tema seperti cinta, ketaatan, kepercayaan, keraguan, ketakutan dan sebagainya. Thouless berpandangan hal yang telah dilalui semasa kanak-kanak ini akan mempengaruhi kehidupan mereka semasa remaja. Oleh itu, amat penting penerapan tentang jiwa keagamaan dalam fikiran anak-anak ini terus diransang melalui lingkungan persekitaran semasa anak-anak ini membesar kerana ia akan memberi kesan kepada perkembangan jiwa agama mereka.

²⁴⁵ Charles F. Gallagher(1973), *Religion, Class, And Family In Spain, West Europe Series*, h.10.

²⁴⁶ *Ibid.*, h.12.

²⁴⁷ *Ibid.*, h. 14

Oleh itu, ibubapa merupakan orang yang paling hampir yang akan mempengaruhi perkembangan jiwa agama anak-anak.

Setelah anak-anak ini telah berada pada tahap ini menurut de Conchy, kanak-kanak sudah berupaya untuk menafsirkan tentang Tuhan dari pelbagai persepsi seperti yang dinyatakan melalui soal jawab, lukisan yang terhasil dari proses kognitif mereka. Kecenderungan ini dilihat positif dalam menerapkan jiwa keagamaan anak-anak kerana pada pandangan Thouless pengalaman keagamaan yang berlaku akan mempengaruhi jiwa agama anak-anak ini.

Justeru, kebanyakan tokoh di Barat menyokong pandangan yang dipelopori oleh Robert H. Thouless. Hal ini disebabkan oleh pada kurun ke 20 merupakan ledakan kepada pandangan yang berasaskan kognitif berbanding pada kurun ke 19 yang lebih tertumpu kepada teori behaviorisme. Kesemua kajian yang dilakukan oleh pengkaji setelah lahirnya idea perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless, sebenarnya secara langsung berpandangan bahawa perkembangan jiwa agama anak-anak ini telah berlaku sepanjang tempoh mereka membesar. Pengalaman yang dilalui oleh kanak-kanak terus berkembang sehingga ke akhir hayat mereka secara peringkat demi peringkat. Perkembangan jiwa agama bukan hanya tertumpu kepada tingkah laku sahaja tetapi ia juga melihat kepada keyakinan terhadap agama ini telah mengubah tingkah laku seseorang dan turut mempengaruhi kehidupan hariannya.

3.5 Peringkat Remaja

Pada peringkat ini pemikiran remaja dapat memikirkan tentang kewujudan Tuhan²⁴⁸. Pemikiran mereka semakin tajam apabila menjangkau umur 16 sehingga ke 20 tahun kerana pada peringkat ini juga, mereka mengalami krisis dalam menentukan pegangan agama²⁴⁹. Kecenderungan untuk mereka menukar agama pada masa ini juga agak tinggi. Namun jika ibubapa gagal mempengaruhi jiwa agama mereka dengan baik, maka anak ini akan terpesong daripada pegangan agama yang diwarisi daripada ibubapanya²⁵⁰.

Perkara ini diperkuatkan lagi dengan hasil penelitian yang dilakukan oleh E.D Starbuck yang meneliti mahasiswa Middle Burg College²⁵¹. Seramai 142 remaja yang berusia 11-26 tahun, 53% daripadanya mengalami keraguan tentang ajaran agama yang mereka terima, cara penerapan ajaran agama, dan ajaran guru-guru agama yang dipersoalkan.

Thouless berpandangan bahawa masalah kecenderungan pelajar yang nakal semasa kanak-kanak, disebabkan oleh kanak-kanak ini tidak dipengaruhi dengan pegangan agama yang kuat²⁵². Namun, mungkin juga keinginan untuk menjadi nakal

²⁴⁸ *Ibid*, h. 107

²⁴⁹ <http://psychologymania.wordpress.com/2011/07/12/perkembangan-jiwa-keagamaan-pada-masa-remaja/>. 30 Ogos 2012.

²⁵⁰ *Ibid*.

²⁵¹ E.D Starbuck (1899), *Psychology of Religion*, New York : Scribner Publications, h. 56. Rujuk juga : Benjamin Beit-Hallahmi (1997), *op.cit.*, h. 100.

²⁵² *Ibid.*, h. 42

tidak dipengaruhi oleh ajaran agama tetapi disebabkan oleh peringkat perkembangan pada masa ini yang gemar mencuba sesuatu yang baru dan berkemungkinan terdapat di kalangan mereka yang cenderung untuk menjadi nakal²⁵³. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan agama tidak berkesan kepada kanak-kanak tersebut dan dilihat sebagai pengukuhan kepada pandangan Thouless yang menyatakan persekitaran remaja tersebut membesar amat mempengaruhi perkembangan jiwa agamanya.

Kebanyakan kajian yang telah dijalankan berkaitan kepercayaan beragama dengan remaja telah berpusat pada kecenderungan statistik, yang telah ditemui pada jumlah tinjauan yang banyak, dan telah banyak pengalaman bertukar agama telah dilaporkan pada umur remaja melebihi pada umur yang lain²⁵⁴.

Bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang melihat kepada perubahan terhadap kepercayaan remaja terutamanya pada aspek kognitif yang berkaitan dengan perkembangan jiwa agamanya. Cuelin dan Arnold telah mengkaji seramai 500 kanak-kanak dan remaja di dalam kumpulan berumur di antara 12, 15, dan 18 tahun. Mereka mendapati banyak kepercayaan tentang agama telah ditinggalkan pada umur 12 hingga 18 tahun. Sebagai contoh, 62% daripada kanak-kanak berumur 12 tahun percaya: ‘Ia adalah berdosa untuk meragui ajaran kitab Bible,’ sementara 42% daripada yang berumur 15 tahun dan hanya 27% daripada yang berumur 18 tahun mempercayai perkara yang sedemikian. Pada kenyataan bahawa ‘Orang yang baik akan selalu berdoa,’

²⁵³ *Ibid.*, h.53.

²⁵⁴ *Ibid.* h.13

78% daripada 12 tahun percaya ini, berbanding 57% daripada yang berumur 15 tahun dan hanya 47% daripada yang berumur 18 tahun²⁵⁵.

Walaupun begitu ini tidak menunjukkan bahawa yang berumur 18 tahun kurang beragama tetapi mereka telah membina satu sudut pandang yang berbeza terhadap agama. Sebagai contoh, pernyataan bahawa ‘ Tuhan adalah satu kuasa asing yang baik berbanding ia adalah sebagai seorang manusia,’ seramai 46% daripada 12 tahun, 49% daripada 15 tahun dan 57% daripada yang berumur 18 tahun, telah bersetuju dengan pernyataan tersebut. Maka terdapat kecenderungan untuk mempercayai bahawa Tuhan itu adalah satu kuasa daripada ia adalah sebagai seorang manusia²⁵⁶.

Bahkan, banyak kajian yang dilakukan oleh tokoh di Barat telah mencadangkan bahawa seseorang itu akan lebih cenderung untuk lebih beragama apabila dia semakin tua²⁵⁷. Kesusahan kajian seperti ini adalah kerana ia melibatkan kajian *cross-sectional*²⁵⁸. Susah untuk menafsirkan kenapa lebih ramai mereka yang pada umur 80an lebih beragama daripada mereka yang berumur 30an atau 40an. Mungkin juga mereka yang berumur 80an sekarang beragama seperti pada umur 40an. Bagaimanapun, terdapat beberapa kajian longitude dan kajian yang berhadapan dengan pertimbangan retrospektif²⁵⁹ di mana orang ramai diminta membuat pertimbangan mengenai

²⁵⁵David Fontana (2003), *Psychology, Religion, and Spirituality*, United Kingdom : British Psychological Society and Blackwell Publishing Ltd. , h.101.

²⁵⁶Ibid., h.123.

²⁵⁷Margaret A. Lloyd (2006), *Psychology Applied To Modern Life Adjustment In The 21st Century*, Australia : Thomson/Wadsworth, h. 67.

²⁵⁸Ibid.

²⁵⁹Bermaksud meninjau atau mengenang kembali peristiwa, dan sebagainya yg lalu. *Kamus Dewan* (2012), Ed. ke-4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

kepercayaan agama mereka sekarang jika dibandingkan dengan kepercayaan beragama pada tahap awal kehidupan mereka.

Nichols telah menjalankan kajian ke atas 251 orang di North California, yang berumur 60 atau ke atas, mereka mengakui bahawa agama lebih bermakna buat mereka selari dengan umur yang semakin meningkat²⁶⁰. Lloyd pula telah menemukan bahawa 57% daripada 140 orang negro yang sudah bersara di South California mengatakan bahawa agama dan gereja menjadi lebih bermakna selepas bersara, 4% mengatakan sama sebelum bersara sementara 2% merasakan semakin kurang bermakna²⁶¹. Myers dan Hansen pula menjalankan kajian ke atas 1700 orang tua di Minnesota melaporkan bahawa 55% lelaki dan 71% perempuan merasakan agama adalah perkara yang paling penting dalam kehidupan mereka²⁶². Walaupun ia sukar untuk ditafsirkan daripada data ini, ia tetap menyatakan terdapatnya trend yang memberi gambaran bahawa semakin berumur seseorang itu semakin berminat dengan agama²⁶³.

Pada dasar analisis sosiologi terhadap fungsi kepentingan agama, kita boleh anggapkan bahawa apabila seseorang semakin berumur, agama akan berfungsi untuk memenuhi keperluan sesuatu individu. Moberg menunjukkan bahawa bagi kebanyakan orang tua, kepercayaan adalah lebih penting daripada sesuatu fungsi yang diberikan oleh

²⁶⁰ Michael P. Nichols (2009), *Inside Family Therapy A Case Study In Family Healing*, Boston: Allyn & Bacon, h.128.

²⁶¹ Margaret A. Lloyd (2006), *op.cit.*, h.80.

²⁶² Anne Myers & Christine Hansen (2006), *Experimental Psychology*, Belmont: Thomson, h.378.

²⁶³ *Ibid.*

agama²⁶⁴. Bagi mereka, aspek personal dalam beragama adalah lebih penting daripada pergi ke gereja²⁶⁵.

3.6 Kesimpulan

Thouless tidak membincangkan secara terperinci tentang peringkat pra lahir. Namun begitu bagi peringkat kanak-kanak dan remaja, beliau memberikan penjelasan secara terperinci tentang perkara-perkara yang mempengaruhi perkembangan jiwa agama seseorang.

Selain dari itu, tidak ramai dalam kalangan tokoh Barat memperkatakan tentang perkembangan jiwa agama secara berperingkat bermula dari pra lahir, kanak-kanak sehingga remaja. Kebanyakan dari mereka cenderung untuk megemukakan teori tentang perkembangan jiwa agama secara menyeluruh.

Kebanyakan buku yang berkaitan psikologi agama menceritakan tentang gambaran bagaimana yang dimaksudkan dengan kepercayaan terhadap Tuhan iaitu berkaitan konsep Ketuhanan dan hubungannya dengan kehidupan manusia²⁶⁶.

²⁶⁴ Dennis J. Moberg (1988), *Interactive Cases In Organizational Behavior*, New York: Haper Collins, h. 457.

²⁶⁵ Ibid.

²⁶⁶ James Forsyth (2003), *Psychological Theories of Religion*, New Jersey : Pearson Eduction,h. 249.

BAB 4

PERSPEKTIF PSIKOSPIRITUAL ISLAM TERHADAP TEORI PERKEMBANGAN JIWA AGAMA DI KALANGAN ANAK-ANAK MENURUT ROBERT H. THOULESS

4.1 Pendahuluan

Para cendiakawan dalam bidang falsafah dan psikologi agama sebelum kurun ke 20 mempercayai bahawa agama hanyalah tingkah laku sahaja tanpa ada kaitan dengan suatu kuasa ghaib yang menggerakkannya. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pengaruh behaviorisme yang berkembang pesat pada masa itu. Namun dengan kelahiran Thouless, teori itu dinafikan sama sekali. Kebanyakan para cendiakawan dalam bidang falsafah dan teologi sebelum kurun ke 20 secara menyatakan bahawa agama hanyalah tingkah laku sahaja tanpa didorongi oleh suatu kuasa ghaib. Menurut Thouless, kewujudan Tuhan mempunyai kaitan dengan perkembangan kehidupan mereka. Namun begitu, akal manusia yang terbatas ini menyebabkan mereka tidak dapat memikirkan bahawa secara mutlaknya keseluruhan kehidupan sebenarnya bergantung kepada Tuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran. Oleh itu, dalam bab ini, penulis akan membincangkan tentang teori perkembangan jiwa agama di kalangan anak-anak menurut psikologi agama Barat.

4.2 Analisis

Dalam bab ini penulis membuat perbandingan melalui perspektis psikospiritual Islam terhadap teori perkembangan agama Barat yang dinyatakan oleh Robert H. Thouless.

4.2.1 Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Pra Lahir

Thouless berpandangan sekiranya ibubapa seseorang anak itu mempunyai perasaan adanya Tuhan, ia akan mempengaruhi jiwa anak yang dalam kandungannya iaitu jiwa bertuhan. Thouless juga mengatakan setiap manusia merasai adanya Tuhan dalam jiwa mereka²⁶⁷. Namun begitu, ahli psikologi yang sezaman dengan Thouless menolak sesuatu perkara yang tidak didatangkan dengan bukti yang nyata. Mereka hanya menerima sesuatu yang boleh dilihat dengan pancaindera seperti kajian sains yang boleh dibuktikan dengan eksperimen di makmal²⁶⁸. Tuhan bagi mereka hanyalah imaginasi manusia yang tidak dapat dicapai oleh akal²⁶⁹.

Thouless menyatakan bahawa apabila bayi lahir, secara automatiknya mengikut agama ibu, dan dididik mengikut ajaran agama yang dianuti oleh ibu²⁷⁰. Jiwa agama akan dipengaruhi ajaran dan mengikut ajaran ibunya²⁷¹. Perkembangan jiwa agama

²⁶⁷ Robert H.Thouless (1971), *op.cit.*, h.58.

²⁶⁸ *Ibid.*,h.3.

²⁶⁹ *Ibid.*

²⁷⁰ *Ibid.*, h.34

²⁷¹ *Ibid.*

seseorang itu, mengikut kepada persekitaran. Misalnya jika sekiranya seseorang itu lahir di kalangan masyarakat yang huru-hara, ia akan merencat perkembangan jiwa agamanya²⁷². Berbanding dengan anak-anak yang lahir dalam suasana yang harmoni, perkembangan jiwa agamanya dapat berkembang dengan baik disebabkan oleh masyarakat sekeliling yang menggalakkan kepada budaya yang baik seperti hormat menghormati, tololong menolong dan sebagainya²⁷³. Hal ini sepertimana yang dinyatakan Malik Bennabi seorang pemikir Islam terkenal berbangsa Algeria menyatakan bahawa tamadun mempunyai tiga unsur utama iaitu, manusia, tanah yang diduduki dan masa yang dimiliki oleh manusia²⁷⁴. Manusia menurutnya berhadapan dengan berbagai masalah yang berbeza antara satu dengan lain²⁷⁵. Ia berkait rapat dengan individu dan organisasi masyarakat. Individu mempunyai tiga peranan utama yang bakal mencipta tamadun dan sejarah masa hadapan iaitu hala tuju, budaya dan harta²⁷⁶. Budaya dalam erti yang luas ialah himpunan sifat-sifat akhlak dan nilai kemasyarakatan yang diterima oleh individu seawal kelahirannya di alam nyata. Teori Malik Bennabi ini memperlihatkan kepada kita betapa besarnya tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu masyarakat dan tidak terkecuali mereka yang dipanggil ibu bapa²⁷⁷.

Di Barat, perkembangan jiwa agama ini juga dikaitkan dengan kecerdasan spiritual. Menurut kajian yang dilakukan oleh Tony Buzan, seorang pakar mengenai otak dari Amerika, manusia yang cerdas spiritual mudah untuk melakukan kebaikan, seperti

²⁷² *Ibid.*, h.35.

²⁷³ *Ibid.*

²⁷⁴ Mohd.Kamil bin Abd. Majid , Pemikiran Malik Bin Nabi Mengenai Problem Tamadun Dunia Islam Kini, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1,Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1993, h. 36.

²⁷⁵ *Ibid.*

²⁷⁶ *Ibid.*

²⁷⁷ *Ibid.*

menolong orang lain, mudah berinteraksi dengan orang lain, suka berjenaka dan sebagainya²⁷⁸. Ia juga mengetahui matlamat kehidupannya, iaitu untuk menemukul suatu misi yang mulia dengan wujudnya hubungan dengan sumber kekuatan di alam semesta iaitu Tuhan atau apapun yang diyakini, yang merupakan kekuatan alam semesta²⁷⁹. Malahan di Amerika, latihan kecerdasan spiritual dilakukan untuk melatih manusia memilih kebahagiaan dalam kehidupan²⁸⁰. Namun begitu, menurut kajian terbaru dalam bidang neurologi menunjukkan bahawa terdapat saraf yang menunjukkan kecerdasan spiritual. Otak manusia mampu melalui pengalaman-pengalaman spiritual untuk melihat Tuhan. Hal ini membuktikan bahawa setiap manusia tidak kira beragama atau sebaliknya, menyedari kehadiran Tuhan di sekelilingnya. Oleh itu, antara ciri manusia yang memiliki kecerdasan secara spiritual antaranya yang merasakan kehidupannya bermakna²⁸¹.

Hal ini ada persamaan yang sangat dekat dengan Islam menerusi hadis nabi, setiap anak dilahirkan dalam keadaan yang bersih. Ibubapa bertanggungjawab mencorakkan masa depan anak-anak yang dilahirkan.

" ما من مولود إلا يولد على الفطرة ، فأبواه يهودانه ومجسانه وينصرانه..."

Maksudnya : “ Tidaklah seseorang yang dilahirkan melainkan dia dilahirkan dalam keadaan fitrah suci , maka menjadi tanggungjawab ibu dan ayahnya sama ada menjadikannya Yahudi , atau Majusi atau Nasrani²⁸²”.

²⁷⁸ Tony Buzan (1995), *Brain Sell*, Gower : Hants Aldershot, h. 10.

²⁷⁹ *Ibid.*

²⁸⁰ *Ibid.*

²⁸¹ *Ibid.*

²⁸² Muslim Abil Husin Muslim ain al-Hajjaj (2001), *Sahih Muslim* , Kitab Al-Qadar , No Hadith :2658, Lubnan : Darul Kutub Ilmiah , h.1024 .

Islam sangat istimewa disebabkan oleh kepercayaan terhadap Tuhan tidak bermula sejak kanak-kanak, tetapi telah bermula sejak alam ruh. Islam membawa suatu pegangan bahawa manusia ketika di alam roh telah pun membuat penyaksian bahawa Allah Tuhan mereka. Firman Allah²⁸³ :

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي إِادَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ
 أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ
 إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ (IV)

Maksudnya : “ dan ingatlah ketika Tuhanmu mengeluarkan daripada anak Adam melalui belakangnya zuriat – zuriat mereka dan mereka telah menyaksikan sendiri ketika ditanya : bukankan Aku ini Tuhan kamu ? , lantas mereka menjawab : Ya , kami menyaksikannya (bahawa Allah tuhan kami) untuk kamu semua menyatakan pada hari kiamat bahawa kami tergolong di kalangan orang – orang yang lalai tentang perkara ini” .

Hal ini berbeza dengan fahaman Barat berdasarkan pandangan Thouless yang hanya mempercayai tentang kewujudan Tuhan²⁸⁴ tetapi tidak berlaku penyaksian tentang keesaan Tuhan. Hal ini disebabkan oleh kemampuan akal manusia yang terbatas. Ini kerana fitrah semulajadi manusia yakin adanya Tuhan, tetapi tidak dijelaskan sifat-sifatnya, berbanding dengan Islam yang menerangkan tentang sifat Tuhan melalui kekuasaan Allah melalui penciptaan alam ini dan manusia itu sendiri secara terperinci. Malahan Thouless memperkatakan tentang kewujudan Tuhan hanya setelah anak itu dilahirkan.

²⁸³ Surah al-A'raf : ayat 172.

²⁸⁴ <http://ms.wikipedia.org/wiki/Kristian>, 2 Februari 2011

Menurut ajaran yang dibawa dalam Kristian seseorang itu dikira menjadi Kristian setelah *dibaptiskan*²⁸⁵ selepas dilahirkan. Pembaptisan adalah suatu upacara pembersihan diri yang dilakukan untuk membersihkan diri dari dosa yang dilakukan oleh awam untuk membuktikan kepada orang-orang lain, bahawa mereka telah suci dari dosa yang diwarisi dari nenek moyang²⁸⁶. Berbeza dengan ajaran Islam seseorang itu dikira Islam, sejak dilahirkan sekiranya ibubapanya beragama Islam. Thouless pula menyatakan bahawa ibu percaya kepada Tuhan, maka anak juga akan sampai kepada tahap mempercayai adanya Tuhan apabila ia dewasa nanti²⁸⁷. Ibu akan mendidik anak mengikut anutan yang telah diyakininya. Maka, apabila dewasa nanti, anak itu juga akan memiliki kepercayaan seperti ibunya.

Faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan jiwa agama menurut Islam adalah disebabkan wujudnya hubungan antara manusia dan penciptaNya. Oleh sebab itulah Islam amat menekankan kepada nasab keturunan yang baik dalam pemilihan jodoh bagi pasangan yang ingin berkahwin. Berbeza dengan masyarakat di Barat yang mengamalkan pergaulan bebas disebabkan oleh keinginan untuk hidup bebas tanpa kongkongan agama. Dengan pemilihan pasangan yang berasal dari keturunan yang jelas asal usulnya dan baik akhlaknya, dari situlah bermulanya lahirnya zuriat yang baik.

Namun begitu, kita tidak menafikan bahawa terdapat halangan dalam perkembangan jiwa agama seseorang anak itu, iaitu pengaruh persekitaran yang tidak

²⁸⁵ Hubert J. Richards (1967), *Christ In Our World : A Study Of Baptism, Eucharist, Penance And Marriage*, Chapman : United Kingdom, h.56.

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ Robert H. Thouless (1972), *op.cit.*, h. 12.

baik seperti ibubapa yang buruk akhlaknya²⁸⁸. Hal ini bersetujuan dengan pandangan Thouless yang menyatakan bahawa persekitaran amat penting dalam pembinaan perkembangan jiwa agama anak-anak²⁸⁹. Persekutaran yang baik seperti ibubapa yang sentiasa menerapkan nilai yang baik dalam diri anak-anak seperti tolong menolong, bekerjasama, bertolak ansur dan sebagainya. Begitu juga dengan ibubapa yang kuat beragama, seperti konsisten dengan rutin ke gereja setiap minggu. Hal ini secara tidak langsung membentuk dan mempengaruhi kehidupan anak-anak²⁹⁰.

Justeru kaedah yang diperlukan dalam melahirkan perkembangan jiwa agama yang baik ialah perlunya kepada pergaulan yang dibatasi oleh syariat, supaya manusia tidak mudah untuk terpedaya dengan tipu daya syaitan yang sentiasa mengajak nafsu manusia kepada kejahanatan. Firman Allah :

قَالَ فَأَخْرُجْ مِنْهَا فَإِنَّكَ رَجِيمٌ ﴿٢٤﴾ وَإِنَّ عَلَيْكَ الْلَّعْنَةَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ
 قَالَ رَبِّ فَأَنْظِرْنِي إِلَى يَوْمِ يُبَعْثُونَ ﴿٢٥﴾ قَالَ فَإِنَّكَ مِنَ الْمُنْظَرِينَ
 إِلَى يَوْمِ الْوَقْتِ الْمَعْلُومِ ﴿٢٦﴾ قَالَ رَبِّ هَمَّا أَغْوَيْتَنِي لَأُزِينَنَّ لَهُمْ
 فِي الْأَرْضِ وَلَا أُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٢٧﴾

Allah berfirman: "Kalau demikian, keluarlah Engkau daripadanya, kerana Sesungguhnya Engkau dari sekarang ke masa depan adalah (satu makhluk yang) diusir.Dan Sesungguhnya Engkau ditimpa laksana terus-menerus hingga ke hari kiamat". Iblis berkata:" Wahai Tuhan! jika demikian, berilah tempoh kepadaKu hingga ke hari mereka dibangitkan (hari kiamat)". Allah berfirman: "Dengan permohonanmu itu, maka

²⁸⁸ Nabil Muhammad Taufik as-Samaluthi (1987), *op.cit.*,h.56.

²⁸⁹ *Ibid.*

²⁹⁰ *Ibid.*

Sesungguhnya Engkau dari golongan Yang diberi tempoh. Hingga ke hari - masa Yang termaklum". Iblis berkata: " Wahai Tuhan! kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) Demi Sesungguhnya Aku akan memperelokkan Segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini, dan Aku akan menyesatkan mereka semuanya.

4.2.2 Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Kelahiran

Perbincangan yang diketengahkan oleh Thouless yang agak terbatas ruang lingkupnya disebabkan oleh kemampuan akal manusia untuk berfikir adalah terhad. Perbincangan Thouless hanyalah berkisar tentang kehidupan setelah kelahiran anak-anak tersebut dan pengaruh persekitaran yang memberi kesan kepada perkembangan jiwa agama anak-anak²⁹¹. Thouless mengaitkan pengalaman beragama dengan faktor persekitaran seperti pegangan agama ibubapa dan pergaulan dengan individu yang berpotensi untuk membawa kepada agama²⁹². Selain itu, menurut Thouless apabila manusia merasakan kekosongan dalam jiwa mereka, mereka cenderung untuk mencari Tuhan²⁹³. Perlakuan keagamaan yang dilakukan memberi ketenangan dan mengisi jiwa mereka yang kosong²⁹⁴. Dari sudut ini kita dapat melihat Islam agama yang fitrah, yang akidahnya bertepatan dengan fitrah manusia. Firman Allah²⁹⁵ :

²⁹¹ Robert H. Thouless (1971), *op.cit.*, h.16.

²⁹² *Ibid.*

²⁹³ *Ibid.*, h. 17.

²⁹⁴ *Ibid.*

²⁹⁵ Surah al-Rum : ayat 30.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلّدِينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah (itulah) agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Islam memperincikan cara hidup umatnya setelah kelahiran bayi, seperti diazankan semasa bayi baru lahir, adanya tahnik, bercukur rambut, berkhitan dan akikah. Kesemua amalan yang disyariatkan ini bertujuan untuk perkembangan fizikal dan rohani anak-anak yang mempunyai kaitan dengan perkembangan jiwa agama dalam kalangan anak-anak. Begitu terperinci pendidikan yang diterapkan sehingga setiap inci kehidupan anak-anak yang sedang membesar ini, diberikan garis panduan satu persatu sehingga akhirnya anak ini akan lahir sebagai insan yang soleh.

Justeru, dalam hal perkembangan agama pada peringkat ini, Islam amat menekankan tentang menanam jiwa anak-anak ini untuk mentauhidkan Allah. Anak-anak perlu dididik supaya takutkan Allah, bukannya takutkan makhluk seperti hantu sebagaimana yang sering dimomokkan oleh media massa hari ini. Apabila anak-anak ini merasakan bahawa ada suatu kuasa maha hebat yang tidak pernah terlepas walaupun sesaat memerhatikan perbuatannya mengatasinya ibubapanya, anak-anak ini akan lebih

berwaspada dalam bertindak dan meyakini bahawa adanya ganjaran kebaikan dan keburukan atas setiap perbuatan yang dilakukan. Hal ini sudah pasti menjarakkan lagi jurang perbezaan dengan pandangan yang dibawa oleh Thouless.

4.2.3 Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Kanak-Kanak

Thouless berpendapat, kanak-kanak semasa kecil mudah dipengaruhi oleh keadaan sekelilingnya, terutamanya apabila melihat tingkah laku orang tua, anak-anak hanya melihat dan meniru sehingga akhirnya akan sebatи dengan jiwanya tanpa mengetahui atau memeriksa perkara tersebut baik atau buruk, adakah ajaran agama ataupun bukan. Sebagai contoh, menurut Thouless kanak-kanak semasa kecil hanya boleh menerima, menurut arahan ibubapa menyuruh ke gereja tetapi apabila telah meningkat remaja barulah kanak-kanak ini boleh berfikir tentang kebiasaannya. Secara umumnya manusia tidak mungkin mampu untuk mencorakkan kehidupan seseorang walau sekut mana sekalipun usahanya kerana kekuatan itu hanyalah milik Tuhan. Manusia hanya boleh berusaha mencorakkan seseorang tetapi akhirnya ketentuannya hanyalah milik Allah yang mengetahui segala rahsia manusia.

Tingkah laku beragama yang didorongi oleh kewujudan dan kepercayaan kepada kuasa ghaib ini sepetimana yang dinyatakan oleh Thouless disebabkan oleh wujudnya *bias encoding* dalam otak manusia. De Porter & Hernacki²⁹⁶ menjelaskan bahawa memori atau ingatan adalah suatu kemampuan untuk mengingat apa yang telah

²⁹⁶ Bobbi De Porter (1992), *Quantum Learning : Unleashing The Genius In You*, New York : Dell Publishing, h. 145.

diketahui. Seseorang dapat mengingat sesuatu pengalaman yang telah terjadi atau pengetahuan yang telah dipelajari pada masa lalu²⁹⁷. Kegiatan seseorang itu, muncul kembali atau diingat kembali pengetahuan yang dipelajarinya pada masa lalu dalam ilmu psikologi disebut *recall memory*²⁹⁸. Untuk mengetahui bagaimana proses mengingat kembali itu terjadi maka perlu diketahui bagaimana manusia menyimpan maklumat dalam ingatannya. Memori atau ingatan memainkan peranan yang penting dalam mengingat kembali pengalaman pada masa yang lalu²⁹⁹.

Menurut Richard Atkinson dan Richard Shiffrin memori adalah bahagian yang paling penting dari semua proses kognitif, kerana maklumat dapat disimpan sehingga digunakan pada waktu yang diperlukan oleh manusia tersebut³⁰⁰. Dalam proses mengingati sesuatu maklumat, terdapat 3 peringkat iaitu memasukkan maklumat (*encoding*), penyimpanan (*storage*), dan mengingat (*retrieval stage*)³⁰¹. Contohnya, semasa seorang kanak-kanak masih kecil dia pernah diberitahu bahawa minum arak merupakan perbuatan yang jahat³⁰². Kanak-kanak tersebut telah memasukkan maklumat itu, dalam ingatannya. Kemudian apabila meningkat remaja, kanak-kanak tersebut masih mengingati pesanan bahawa minum arak adalah perbuatan yang jahat. Pada peringkat ini dikenali sebagai *encoding* iaitu kita mengubah fenomena fizik (gelombang-gelombang suara) yang sesuai dengan perkara yang diucapkan (arak itu perbuatan jahat) menjadi

²⁹⁷ *Ibid.*

²⁹⁸ *Ibid.*

²⁹⁹ *Ibid.*

³⁰⁰ Atkinson, R.C. & Shiffrin (1968), *Human Memory: A Proposed System And Its Control Processes*. In **K.W. Spence And J.T. Spence** (Eds.), *The psychology of learning and motivation*, vol. 8. London: Academic Press, h. 5.

³⁰¹ *Ibid.*

³⁰² *Ibid.*

kod-kod yang diterima sebagai ingatan, kemudian menyimpannya sebagai ingatan³⁰³. Kanak-kanak tersebut mempertahankan ingatan itu sejak kecil sehingga ke peringkat remaja yang ingatan pada ketika itu dikenali sebagai *storage*³⁰⁴. Seterusnya apabila meningkat dewasa, ia masih lagi mengingati pesanan tersebut, yang merupakan tahap mengingat kembali (*retrieval stage*)³⁰⁵. Kesemua ini, mempengaruhi kehidupan seseorang terutamanya mereka yang telah diterapkan dan diingatkan dengan pendidikan jiwa agama yang baik, seseorang itu akan menjadi seorang baik.

Pendidikan semasa kanak-kanak dianggap peringkat yang terpenting dalam kehidupan manusia menurut psikospiritual Islam di samping peringkat yang lain. Pada peringkat ini, perkembangan dan pembentukan peribadi akan mencorak kehidupan seseorang itu pada masa hadapan sama ada mereka tergolong dalam golongan yang baik ataupun sebaliknya. Aspek pendidikan yang terlalu ditekankan kepada kanak-kanak, itulah aspek yang paling istiqamah diamalkan tatkala memasuki alam remaja dan dewasa kelak. Islam menerangkan secara mendalam tentang proses didikan yang menjadi hak kepada anak-anak iaitu pendidikan tentang adab kehidupan Rasulullah setelah mereka mencapai usia baligh. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam hadis Rasulullah :

عَنْ أَيُوبَ بْنِ مُوسَى عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا نَحْنُ
وَالدُّولَادُ مِنْ نَحْلٍ أَفْضَلُ مِنْ أَدْبَرٍ حَسْنٌ.

Daripada Ayyub ibn Musa r.a daripada bapanya dan daripada datuknya bahawa Rasulullah bersabda, Tidak ada suatu pemberian

³⁰³ Ibid.

³⁰⁴ Ibid.

³⁰⁵ Ibid.

ibubapa kepada anaknya yang lebih baik daripada didikan adab dalam kehidupan.

Dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang berterusan berkembang serentak dengan perkembangan individu seorang kanak-kanak yang mempelajari apa sahaja yang ada di persekitaran dan dengan ilmu atau kemahiran yang diperolehi ia akan mengaplikasikannya dalam konteks yang pelbagai samada dalam kehidupan sehariannya di ketika itu ataupun sebagai persediaan untuk kehidupannya di masa yang akan datang.

Dalam erti kata lain, segala apa yang dilihat dan didengari oleh seorang kanak-kanak dari persekitarannya adalah merupakan satu pendidikan baginya kerana yang nyata bagi kanak-kanak di peringkat awal umur, mereka tidak dapat membezakan yang baik dan yang buruk. Barat dan Islam mempunyai perspektif yang sama dalam hal ini, kanak-kanak perlu dibentuk dan dididik sejak dari awal. Apa yang membezakan ialah Islam menekankan pembentukan sahsiah seseorang kanak-kanak bukan hanya kelakuan fizikalnya tetapi pemantapan akhlaq perlu diterapkan seiring dengan penerapan keimanan di dalam ruh dan jiwanya.

4.2.3 Perkembangan Jiwa Agama Peringkat Remaja

Pada peringkat ini, remaja lebih matang berfikir, malahan menjangkau umur 16 hingga 20 tahun, mereka akan mengalami krisis dalam menentukan pegangan agama³⁰⁶. Ini akan menyebabkan berlaku kecenderungan untuk menukar agama pada peringkat ini

³⁰⁶ Robert H. Thouless (1971), *op.cit.*, h. 94.

disebabkan oleh pemikirannya yang ingin mencuba sesuatu yang baru. Dari sudut fisiologi umur lebih matang dalam Islam disebut sebagai mukallaf yang boleh dibebankan dengan tanggungjawab. Sebagaimana firman Allah³⁰⁷ :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا
تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ
عَلَى الْأَذْيَنَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا
وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa Yang terdaya olehnya. ia mendapat pahala kebaikan Yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanan Yang diusahakannya. (Mereka berdoa Dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau mengirakan Kami salah jika Kami lupa atau Kami tersalah. Wahai Tuhan Kami ! janganlah Engkau bebankan kepada Kami bebanan Yang berat sebagaimana Yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang Yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau pikulkan kepada Kami apa Yang Kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah Kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum Yang kafir".

Semua agama di dunia meyakini bahawa adanya Tuhan walaupun perbezaannya adalah ketika menyebut nama Tuhan. Contohnya Islam menyebut dengan nama Allah, Kristian menyebut dengan nama Father of God dan sebagainya. Dalam ajaran Islam, semua pengikut Islam mempercayai keEsaan Allah, bermula dari Nabi Adam a.s sehingga Nabi Muhammad s.a.w. Perbezaannya hanyalah kepada syariat yang

³⁰⁷ Surah al-Baqarah : ayat 286

diwahyukan oleh Allah. Contohnya seperti Hindu yang mempuai Tuhan yang dikenali sebagai Tuhan Rama Sita dan sebagainya.

Islam sebagai al-Dīn yang telah menanam akidah yang kuat kepada penganutnya iaitu mempercayai kewujudan dan keesaan bermula daripada Nabi a.s Adam sehingga Nabi Muhammad s.a.w. Akidah yang satu inilah yang dibawa oleh nabi terdahulu, walaupun berbeza syariat. Sehinggalah tiba kepada penutup segala nabi iaitu Nabi Muhammad s.a.w yang melengkapkan syariat Islam yang terus menerus dilaksanakan oleh umat Islam hari ini sehingga hari kiamat sebagaimana yang disebut dalam al-Quran³⁰⁸:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمْ
إِلَّا سَلَمَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَاهِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan Telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Telah Ku-ridhai Islam itu jadi agama bagimu. Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Zaman remaja adalah masa yang agak kritikal kerana wujudnya pelbagai perasaan yang kadangkala bertentangan antara satu sama lain. Situasi ini menyebabkan terjadinya perubahan emosi yang begitu cepat dalam diri remaja. Begitu juga dengan ketidakstabilan perasaan remaja terhadap Tuhan. Contohnya, remaja tidak merasakan

³⁰⁸ Surah al-Maidah : ayat 3.

perlunya Tuhan ketika mereka merasa gembira, tenang dan bahagia. Sebaliknya tuhan hanya diperlukan apabila remaja tersebut berada dalam keadaan gelisah, menghadapi ancaman, takut akan kegelapan, ketika merasa berdosa dan pelbagai kesalahan yang lain. Oleh itu, perasaan beragama atau perkembangan jiwa agama ini telah menghasilkan gelombang yang kuat sehingga menarik remaja tersebut untuk berusaha untuk menenangkan jiwa mereka. Remaja tersebut akan melakukan tingkah laku keagamaan semata-mata untuk menghilangkan kesedihan, ketakutan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, remaja yang cenderung untuk mencari Tuhan saat mereka berada dalam kesukaran hanyalah mereka yang berada dalam lingkungan agama yang mempengaruhi mereka, iaitu mereka yang berada dalam keluarga yang kuat berpegang kepada ajaran agama dan begitulah sebaliknya.

Secara umumnya, Thouless tidak menulis secara sistematik tentang perkembangan jiwa agama mengikut peringkat umur bermula dari kelahiran sehingga kepada peringkat remaja. Namun, secara tidak langsung dalam beberapa topik yang dibincangkan dalam bukunya, beliau ada membincangkan tentang perkembangan jiwa agama bermula semasa ibu mengandung, disusuli dengan kelahiran, peringkat kanak-kanak sehingga remaja.

4.3 Kesimpulan

Oleh itu, penulis berpandangan bahawa Thouless melihat perkembangan jiwa agama ini berpandukan kepada ajaran agama yang telah dianuti oleh mereka dibantu dengan pandangan akal mereka yang terbatas. Manakala Islam sebagai suatu agama

yang sempurna telah menggariskan panduan secara lengkap sebagai pedoman umatnya. Oleh itu, ibubapa Muslim tiada pilihan lain yang terbaik dalam mendidik anak-anak, melainkan dengan mengikut *manhaj* (sistem) Islam yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Pendidikan Islam pula semestinya berasaskan pendidikan keimanan dan pembangunan ruhiyah yang bermula dari proses penanaman iman yang perlu diberikan tumpuan utama.

Robert H. Thouless dikatakan sebagai pelopor kepada perkembangan jiwa agama menurut pandangan Barat. Hal ini disebabkan oleh pengaruh revolusi kognitif yang berlaku di kalangan tokoh di Barat yang mula menolak pandangan tokoh yang cenderung kepada Behaviorisme. Pemikiran Barat berkaitan perkembangan jiwa agama sewajarnya diperhalusi dengan lebih mendalam. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa untuk mengukur agama dalam bentuk kepercayaan dan keyakinan adalah amat sukar. Oleh sebab itu, penulis dalam bab ketiga yang berkaitan dengan perkembangan jiwa agama menurut Robert H. Thouless, penulis banyak mengemukakan kajian yang dilakukan oleh penulis Barat yang lain sebagai pengukuhan tentang kewujudan perkembangan jiwa agama yang telah dikaji oleh Robert H. Thouless.

Perkembangan jiwa agama menurut Barat ini, melihat kepada wujudnya kepercayaan terhadap suatu kuasa ghaib seperti bagaimana pengalaman dan perasaan terhadap Tuhannya, seperti rasa tenteram dan tenang dalam jiwa. Pelbagai emosi yang dilalui oleh setiap manusia tanpa disedari adalah hasil dari kehidupan tingkah laku beragama. Hal sebeginilah yang dikatakan sebagai psikospiritual yang mempunyai kaitan yang rapat dengan kejiwaan manusia.

Selain itu, Thouless yang dikatakan sebagai pelopor kepada pemikiran Barat yang baru ini, memperkatakan tentang falsafah psikologi agama kerana beliau tidak melihat kepada kajian tentang tingkah laku tetapi kepercayaan yang mendorong tingkah laku beragama tersebut.

Allah tidak mensyariatkan sesuatu tanpa kebaikan dan manfaat kepada hambaNya, sebagaimana Dia tidak menciptakan sesuatu dengan main-main dan dengan cara yang batil. Allah telah berfirman³⁰⁹ :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا حَلَقْتَ هَذَا بَطِّلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ

(Iaitu) orang-orang Yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini Dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka.

³⁰⁹ Surah Ali Imran : ayat 191.

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Sebagai penutup, penulis berpandangan terdapat beberapa saranan dan cadangan yang boleh diketengahkan hasil daripada kajian penulis. Kajian yang dijalankan terhadap Robert H. Thouless melalui bukunya sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian ini, bukanlah untuk menyamakan taraf agama lain dengan Islam, tetapi untuk melihat bahawa wujudnya suatu kefahaman yang sama antara agama-agama yang ada di dunia ini disebabkan oleh manusia ini, Allah telah jadikan fitrahnya tersendiri dan kecenderungan mereka terhadap Tuhan ini adalah sama.

5.2 Kesimpulan

Bab 1 merupakan bab utama yang menentukan hala tuju kajian yang dilakukan oleh penulis, bermula dengan latar belakang kajian, perumusan masalah, objektif kajian, pengertian tajuk, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan perpustakaan, metodologi penyelidikan, dan yang terakhir adalah susunan penulisan. Sebanyak 3 objektif telah dirangka untuk menjadi garis panduan bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan tajuk ini, iaitu yang pertama mengkaji perkembangan jiwa agama terhadap anak-anak menurut pandangan yang dikemukakan oleh Robert H.Thouless. Manakala objektif keduanya pula ialah mengkaji kesan perkembangan jiwa agama anak-anak menurut pemikiran Barat terhadap anak-anak dewasa ini. Objektif yang terakhir adalah untuk menganalisis pandangan psiko-spiritual Islam terhadap perkembangan jiwa agama anak-

anak menurut perkembangan jiwa agama menurut pandangan yang dikemukakan oleh pemikiran Barat dan Robert H. Thouless. Ketiga-tiga objektif membentuk perjalanannya kajian yang dilakukan oleh penulis. Kesemua yang dinyatakan dalam bab ini adalah sebagai langkah permulaan penulis untuk memperkenalkan tokoh yang membawa perubahan yang besar dalam dunia psikologi iaitu Robert H. Thouless. Penulis melihat hasil kajian dan karya yang beliau hasilkan perlu diperhalusi dan diteliti dengan lebih mendalam lagi. Thouless merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia psikologi apabila ledakan idea yang dikemukakan oleh beliau mula mendapat sambutan oleh ahli psikologi lain dan akhirnya menjadi perintis kepada tokoh selepasnya untuk melakukan kajian.

Seterusnya dalam bab yang kedua, penulis mengemukakan tentang “Perkembangan Jiwa Agama Menurut Perspektif Psikospiritual Islam” yang menjelaskan tentang peranan agama dalam mempengaruhi jiwa agama seseorang individu. Perkembangan yang dibincangkan bermula dari peringkat pra lahir, kelahiran, kanak-kanak sehingga ke peringkat remaja. Penulis telah merujuk pandangan beberapa tokoh Islam berkaitan dengan peringkat-peringkat perkembangan yang berlaku dalam jiwa agama dengan berpandukan kepada dalil naqli. Dalam bab ini, penulis menerangkan betapa pentingnya peranan ibubapa dalam mencorakkan peribadi anak-anak. Bak kata pepatah Melayu, “ manakan tumpah kuahnya jika tidak pada nasi ”, “ bapak borek, anak rintik ”. Pepatah Melayu ini mencerminkan bahawa segala tingkah laku, tutur kata dan segala perkara yang dilakukan oleh ibubapa menjadi ikutan kepada anak-anak. Malahan anak-anak juga akan mewarisi sikap negatif ibubapa jika sekiranya tidak diberikan didikan yang sempurna. Dalam Islam pendidikan amat penting

diterapkan kepada anak-anak semenjak dalam kandungan sehingga ke usia baligh. Perkembangan jiwa agama mereka sejak dari awal perlu dititikberatkan sehingga Islam menceritakan tentang pendidikan anak-anak secara terperinci. Hal ini disebabkan perkembangan jiwa agama yang baik akan melahirkan individu yang taat kepada perintah Allah dan akhirnya akan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Gejala sosial yang semakin menular dalam masyarakat kita juga dapat dicegah daripada terus merebak. Oleh itu, kajian ini amat penting dilakukan untuk mendedahkan tentang persoalan perkembangan jiwa agama menurut psikospiritual Islam. Bahkan, institusi pendidikan juga mendapat manfaat dengan mengaplikasinya dan seterusnya dapat membentuk kurikulum yang mampu menyelamatkan akidah ummat Islam.

“ Perkembangan Jiwa Agama Anak-Anak Menurut Pemikiran Barat dan *Robert H. Thouless* ” menjadi tajuk perbincangan dalam bab yang ketiga yang menjadi fokus utama untuk membuat perbandingan dalam kajian penulis di samping beberapa tokoh Barat lain yang memperkatakan tentang psikologi agama. Dalam bab ini juga, Thouless menyatakan bahawa kehidupan seseorang itu dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Jika sekiranya mereka berada dalam lingkungan sosial yang baik, maka mereka akan kuat berpegang kepada ajaran agama seterusnya membentuk peribadi lahiriah mereka. Namun begitu, Thouless tidak membincangkan secara terperinci tentang perkembangan setiap peringkat dalam kehidupan manusia yang bermula dari kehidupan pra lahir. Berlainan pula dengan peringkat kanak-kanak dan remaja, beliau memberikan penjelasan secara terperinci mengenai perkara-perkara yang mempengaruhi perkembangan jiwa agama seseorang. Kepentingan kajian ini adalah wajar bagi membuktikan bahawa sememangnya setiap manusia melalui perkembangan jiwa agama

tanpa mengira agama kerana secara fitrahnya Allah telah menjadikan naluri kepada setiap manusia untuk mempercayai kewujudan Tuhan.

Selanjutnya dalam bab yang keempat, penulis membuat perbandingan antara perkembangan jiwa agama Barat dan Islam bermula dari peringkat kelahiran, kanak-kanak sehingga remaja. Dalam bab ini, penulis telah menganalisis tentang perkembangan jiwa agama Barat lebih cenderung untuk mengatakan bahawa perkembangan hanya berlaku setelah kelahiran, manakala Islam lebih mendalam perbahasannya dengan menyatakan bahawa perkembangan jiwa agama telah bermula sebelum pasangan diijabkabulkan lagi. Perbezaan yang ketara juga apabila tokoh Barat hanya menyatakan bahawa persekitaran amat berpengaruh dalam pembentukan jiwa agama seseorang. Manakala Islam berpandangan, ibubapa yang berperanan dalam mencorakkan suasana dalam rumahtangga agar lahir anak-anak yang baik dan taat kepada perintah Allah serta menuruti suruhan ibubapa yang mengajak kepada kebaikan. Justeru untuk melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia, keluarga memainkan peranan yang penting. Oleh itu, kajian ini wajar diketengahkan kepada umum supaya masyarakat mendapat kesedaran pentingnya peranan keluarga dalam membentuk individu yang berakhhlak mulia.

Seterusnya dalam bab yang kelima ini, beberapa saranan dan cadangan telah dikemukakan untuk penambahbaikan dalam bidang psikologi agama sebagai penutup dari kesimpulan terhadap apa yang disingkapkan dan yang dikupas dalam bab-bab yang sebelumnya. Begitu juga penulis berharap telah merungkai beberapa kekeliruan yang

berlaku antara pandangan yang diutarakan oleh Barat. Hakikatnya, Islam sahaja agama yang bersesuaian dengan fitrah manusia. Konsep Islam merupakan ajaran yang bersumber dari Allah yang Maha Tinggi, tanpa dicampuri oleh pemikiran manusia kerana Allah Maha Mengetahui dengan ilmu Allah yang mendalam. Justeru, hanya Islam sewajarnya menjadi panduan hidup semua manusia. Bahkan, Allah yang Maha Bijaksana memerintahkan hukum-hukum yang adil dan bijaksana. Islam itu wujud disebabkan oleh sifat Allah yang membimbing dan memimpin manusia menuju kepada kebahagiaan yang sejati. Berbanding dengan masyarakat di Barat menjadikan selain Islam sebagai panduannya misalnya pandangan bukan dari Allah, Rasul dan DīNnya. Mereka merupakan orang yang jahil daripada kebenaran. Keingkaran mereka menunjukkan kehinaan dan kerendahan yang tidak dapat dibandingkan dengan ketinggian Allah. Malahan konsep hidup mereka juga tidak boleh diikuti oleh manusia. Oleh itu, penulis membuat beberapa saranan dan cadangan yang dirasakan perlu serta bersesuaian dengan tajuk yang sedang diteliti.

5.3 Saranan Dan Cadangan

Penulis pada peringkat awalnya membincangkan perkembangan jiwa agama yang dilihat dari peringkat kejadian manusia menurut perspektif Islam bermula dari peringkat pra lahir, kanak-kanak dan remaja. Begitu juga penulis telah membicarakan tentang perkembangan jiwa agama berdasarkan buku Thouless yang bertajuk *The Psychology of Religion*.

Menurut Islam pada setiap kejadian dan ciptaannya tersembunyi pelbagai rahsia dan hikmah yang sukar untuk dilihat secara mata kasar dan akal logik. Hikmah di atas ciptaannya hanya dapat dilihat secara umum tanpa penjelasan secara terperinci. Dalam Islam perkara sebegini telah wujud iaitu ta'abudi. Misalnya solat, manusia tidak akan mengetahui hikmah dan kebaikannya secara terperinci. Bermula dengan hukum solat, rukunnya dan sudah pasti setiap pergerakannya juga kita tidak akan dapat mengetahuinya dengan lebih lanjut. Malahan pelbagai persoalan dan pertanyaan yang akan timbul untuk memuaskan akal. "Mengapa solat perlu lima kali sehari?" "Mengapa ada perbezaan rakaat untuk setiap jenis solat?" "Mengapa solat Subuh di awal pagi?" Akal sentiasa mencari jawapan di atas perintah ibadat yang disyariatkan Allah. Namun semua jawapan yang diberi berdasarkan kefahaman akal, ia tidak akan memuaskan sampai bila-bila. Hikmah adalah rahsia Allah yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Bagaimanapun, Allah menjelaskan hikmah itu secara umum di dalam al-Quran. Misalnya hikmah disyariatkan solat. Firman Allah³¹⁰ :

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun). Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya), dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

³¹⁰ Surah al-Ankabut : ayat 45.

Konsep ketaatan tanpa memikirkan hikmah ini sebenarnya yang membezakan perkembangan jiwa agama menurut Thouless. Akal manusia pasti memikirkan mengapa Allah menyembunyikan hikmah ibadah yang disyariatkanNya. Ulama menjelaskan bahawa hikmah ini disembunyikan sebagai satu cubaan kepada hambaNya. Allah menguji hambaNya dengan ibadah yang manusia tidak mengetahui sedikitpun mengenai hikmah pensyariatannya. Dengan ujian ini, ada di kalangan manusia yang benar-benar mengikuti perintah Allah dan ajaran Rasulullah, dan ada juga yang derhaka dan menolaknya. Sekiranya hikmah ibadah tidak dirahsiakan dan akal dapat memahaminya dengan mudah, sudah pasti, manusia hanya akan beribadah kepada Allah jika sesuatu ibadah itu sesuai dengan rasional akalnya yang terbatas, dan akan mengingkari jika sesuatu ibadah itu tidak sesuai dengan akalnya. Dan ini akan membuatkan manusia menyembah akal bukannya Allah yang mencipta mereka. Thouless hanya menggunakan rasioanal akal dan sudah pasti teori yang dicipta manusia ini adalah disebabkan oleh Allah yang menjadikan fitrah manusia yang merasakan kewujudan kuasa ghaib yang sangat hebat walaupun dari mana jua mereka berasal di Timur mahupun di Barat.

Setelah dibuat kajian kepada kedua-dua pandangan iaitu Barat dan Islam secara umumnya penulis melihat kedua-duanya memiliki jiwa agama iaitu jiwa yang yakin kepada kewujudan Tuhan. Namun begitu, menurut pandangan Barat kepercayaan itu bermula sejak dalam kandungan ibu, berbeza dengan Islam yang membincangkan sejak di alam roh sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran.

Sepanjang pengamatan penulis, tidak banyak kajian tentang psikospiritual agama dilakukan di Malaysia. Penulis mencadangkan supaya kajian ini dijalankan dengan lebih

banyak dilakukan di Malaysia dengan melibatkan lebih banyak NGO seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Darul Fitrah Malaysia, Persatuan Ulama Malaysia, Islamic Information & Services Foundation (IIS), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan juga orang perseorangan.

Selain itu, hasil dari pengamatan penulis, menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang mengambil kira semua aspek bermula dari perkara yang sekecil-kecilnya sehingga kepada yang sebesar-besarnya. Hal ini termaktub dalam firman Allah dalam Surah al-Anbiya' ayat 38 :

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

"Tidak kami tinggalkan langsung dalam al-quran sesuatu pun"

Ini menunjukkan Islam tidak mengabaikan setiap aspek dalam kehidupan sebagai panduan kepada manusia bermula dari perkara yang sekecil-kecilnya sehingga kepada yang besar seperti dalam soal pemilihan pemimpin. Allah akan memberi panduan berdasarkan al-Quran dan al-sunnah, sekecil-kecil perkara pun Allah tunjuk apatah lagi perkara yang lebih besar. Setiap syariat yang diperintahkan oleh Allah akan memberi kesan yang besar kepada perkembangan jiwa agama individu tersebut. Di samping bahawa setiap apa yang Allah perintahkan itu mengandungi kebaikan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 219 :

وَعَسَىٰ أَن تُكَرِّهُوا شَيْئاً وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوا شَيْئاً
وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ ﴿٤﴾ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak Mengetahui.

Walaupun Barat tidak beriman dengan Allah, tetapi secara fitrahnya mereka tetap berfikir tentang kewujudan Tuhan. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Robert H. Thouless dalam mengkaji perkembangan jiwa agama anak-anak. Tuhan bagi mereka hanya dalam fikiran mereka tetapi, tindak tanduk mereka tidak mencerminkan kepercayaan mereka terhadap adanya Tuhan kerana kita melihat bahawa masyarakat Barat kini berhadapan dengan pelbagai masalah sosial, penyakit dan lain-lain lagi akibat kegagalan hadirnya rasa ketuhanan dalam jiwa mereka. Di samping itu juga, mereka melihat Tuhan ini sama seperti mereka memiliki anak, isteri yang memnampakkan bahawa Tuhan mereka ini sama seperti makhluk. Berbeza dengan dalam ajaran Islam, Allah maha hebat tidak mungkin sama sekali menyerupai makhluk baik dari aspek perbuatan maupun sifat kerana makhluk di dunia ini diciptakan dengan seribu satu kekurangan dan kelemahan.

Penulis berharap agar kajian tentang perkembangan jiwa agama dapat diketengahkan kepada masyarakat kerana kajian ini tidak dilakukan secara meluas di Malaysia. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada bidang psikologi yang hanya mengkaji tentang tingkah laku manusia. Jika sekiranya kedua-dua bidang ini bergabung, maka kedua-duanya akan saling lengkap melengkapi dengan berlakunya keseimbangan

antara jasmani dan rohani kerana perkembangan jiwa agama dilihat mengkaji dari sudut rohaniah, manakala psikologi mengkaji dari aspek jasadiah atau jasmaniah.

Selain itu, subjek tentang perkembangan jiwa agama ini boleh dijadikan diajar sebagai subjek pilihan kepada para mahasiswa di seluruh IPT di Malaysia. Dengan cara ini kajian tentang perkembangan jiwa agama boleh dilakukan dengan banyak lagi.

5.4 Kesimpulan

Walaupun penulis berhadapan dengan kesukaran untuk mencari bahan tentang Thouless, namun akhirnya inilah yang berjaya dihasilkan sebagai usaha untuk memceritakan kepada masyarakat tentang perkembangan jiwa agama menurut Barat yang secara langsung menyentuh tentang kepercayaan tentang adanya kuasa yang maha hebat yang menjadikan manusia dan alam ini.

Tujuan kajian ini dilakukan bukanlah untuk mencari kelemahan yang terdapat pada mana-mana kepercayaan atau pegangan, tetapi melalui kajian ini, dapatlah kita fahami bahawa wujudnya titik pertemuan yang menyatakan secara fitrahnya semua manusia memiliki kecenderungan yang sama iaitu suka kepada kebaikan dan peraturan hidup yang sempurna untuk memastikan kelangsungan kehidupan itu berterusan.

Oleh itu, diharapkan kajian yang dilakukan ini, dapat mendedahkan tentang persoalan perkembangan jiwa agama menurut pandangan salah seorang tokoh pemikir Barat dan juga pandangan yang lain. Dengan adanya perbandingan ini diharap dapat

menjawab beberapa kekeliruan, memberi kefahaman yang jelas tentang kebenaran yang diutarakan oleh Islam dan seterusnya memberi kesan yang positif terhadap institusi pendidikan kita di Malaysia terutamanya dalam dasar kurikulum yang dilaksanakan dewasa ini.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Sharif Abi al-Hasan `Ali ibn Muhammad ibn `Ali al-Husayni al-Jurjani al-Hanafi (2000), *al-Ta`rifat*, Beirut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyah.

Dr Mohammad Uthman Najati (1982), *al-Quran wa ilmu al-Nafs*, Kairo : Dar al-Syuruq.

Ibn Qayyim al-Jawziyah (2005), *al-Rūh*, Beirut : Dār Ibn Kathīr

Muhammad Abdullah Darraz (1952), *Ad-din*, _____: Alamiah

Al-Tirmidhī , Muḥammad bin ‘Īsā al-Sawrah (1417H) , *Sunan al- Tirmidhī* , Kitab sifat al-qiyamah wa al-raqā’iq wa al-wara’ ‘an Rasulillāh , No. hadith : 2459 , Riyadh : Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa Al-Tawzī‘ ,

Al-Jurjānī (2000), *al-Ta`rifat*, Beirut : Dar al-Kutub al-`Ilmiyah

Ibn Kathīr (1992), *Tafsīr al-Qur’ān al-’Azīm*, juz. 3, Beirut :Dār al-Fikr

Abū ‘Uthman ‘Amr ibn Baḥr al-Kinānī al-Baṣrī, *Kitāb al-Bayan wa al-Tabyīn*, Beirut : Maktabah ‘Asriah

Ibn Hajar al-‘Asqalani (2000), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, Jil. 9, Kitab al-Nikah, Bab al-‘Akiffa’ fi al-Din, No.Hadith : 5090, Riyadh : Dar al-Salam

Abu Abdullah Muhammad bin Yazid (t.t), *Sunan ibn Majah*, Kitab Nikah, No Hadith 1849, Riyadh : Maktabah al Ma’arif li

Al-Fawaid al-Majmu’ah li Syaukani, *Kitab Solat: Bab Tadhwid*, no hadith 363.

Al-Tarmizi Muhammad bin ‘Isa bin Suroh Al-Tarmizi (1417H) , *Sunan al-Tarmizi* , Kitab Al-Nikah ‘an Rasulillah , No. Hadith : 1085 , Al-Riyadh : Maktabah Al-Ma’arif

Ahmad ibn Muhammad (1982), `Amal al-Yaum wa al-Lail, (t.t) : Maktabat al-Turath al-Islami

Muslim Abil Husin Muslim ain al-Hajjaj (2001), *Sahih Muslim* , Kitab Al-Qadar , No Hadith :2658, Lubnan : Darul Kutub Ilmiah , h.1024 .

Al-Ghazali (), *Ihya’ ‘Ulum al-Dīn*, Jil.2, Al-Kaherah : Darul Al-Salam

Abdullah Nasih ‘Ulwan (2006) , *Tarbiyah Al-Awlad fī Al-Islam* , Al-Kaherah : Darul Al-Salam

‘Abd al-Karim al-Qushayri (1330h), *al-Risalah al-Qushayriyyah*, Muhammad ‘Ali Sabih (tahqiq), Kaherah : Sharikah Maktabah wa Tatbiqat Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih

Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Khaldun (1999), *Muqaddimat Ibn Khaldun : al-Musamma bi-Kitab al-`Ibar, wa-Diwan al-Mubtada' wa-al-Khabar, fi Ayyam al-`Arab wa-al-`Ajam wa-al-Barbar wa-man `Asarahum min Dhawi al-Sultan al-Akbar*, Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi

RUJUKAN BAHASA MELAYU

Abdul Mujid (2002), *Nuansa-Nuansa Psikologi Islam*, PT RajaGrafido Persada : Jakarta.

Abdullah Nasih Ulwan (1999), *Tarbiyatul Aulad Fi Islam*, Kaherah : Dar Salam.

H. Jalaluddin, Pof Madya (2004), *Psikologi Agama*, Jakarta : PT RajaGrafido Persada.

Imam Barbadib (1982), *Arti dan Metod Sejarah Pendidikan*, Yogjakarta : T.P.

Zakiah Daradjat (1969), *Kesehatan Mental*, P.T Gunung Agung : Djakarta, h. 122.

Malik Badri (2000), *Contemplation An Islamic Psychospiritual Study*, Kuala Lumpur : Shelbourne.

Noresah Baharom *et.al.* (1997), *Kamus Dewan* (edisi ketiga), cet. 3, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin Hj. Husin (1997), *Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Salam Muhamad Shukri(2003), *Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-Kanak*, Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengantar Psikologi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Moh. Sholeh Imam Musbikin (2005), *Agama Sebagai Terapi Telaah Menuju Ilmu Kedokteran Holistik*, Yogjakarta : Pustaka Pelajar.

Drs. D Hendropuspito (1983) Sosiologi Agama, Jakarta: Gunung Mulia.

Drs. Nasruddin Razak(1977), Dienul Islam, Bandung : PT Alma'rif.

Hassan Saleh (1993), *Asas Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr Mohammad Uthman Najati (1982), terj. Ahmad Rofi Usmani (1985), *Al-Quran dan Ilmu Jiwa*, Bandung : Pustaka.

Dr. Abu al-Wafa al-Ghanimi al-Taftazami (1974), *Sufi Dari Zaman Ke Zaman Suatu Pengantar tentang Tasawuf*, Bandung : Pustaka

Prof. Dr. Abdul Malik Abdulkarim Amrullah (1984), *Tafsir al-Azhar*, Singapura : Pustaka Nasional PTE.LTD

Syed Ahmad Semait (1990) *Roh Suatu Analisa Tentang Roh-Roh Orang Mati Dan Orang Hidup*, Singapura : Pustaka Nasional PTE.LTD.

Sayyid Qutb Rahimahullah (2000), Jilid 6, terj. Yusoff Zaky Yacob, *Tafsir Fi Zilal Quran Di Bawah Bayangan Al-Quran*, Kelantan : Pustaka Aman Press.

Sayyid Nur bin Ayyid Ali(2000), *Al-Tasawuf al-Syari'*, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

Muhammad ibn Abi Bakar (1986) *Al-Ruh*, Beirut : Dar Ibnu Kathir

Mohd Sulaiman Haji Yassin (1997), *Mengenal Ilmu Tasawwuf*, Kuala Lumpur : JAKIM.

Jas Lailee Suzana Jaafar (2002), *Psikologi Kanak-Kanak Dan Remaja*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Talib Samat (1995), *Membentuk Generasi Islam*, Kuala Lumpur : Percetakan Mas'adah.

Nabil Muhammad Taufik as-Samaluthi (1987), *Pengaruh Agama Terhadap Struktur Keluarga*, Surabaya : PT Bina Ilmu.

Kamarul Azmi (2008), *Wanita Dalam Dakwah Dan Pendidikan*, Skudai : UTM

Imam al-Ghazali (1399), *Ihya Ulumuddin*, Mohammad 'Ammar Arrushdy (terj.), Jiwa ugama, Kuala Lumpur : Penerbitan al-Ikhwan

Hassan Saleh (1993), *Asas Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Taib Azamudden Md. Taib dan Ngah Puteh Abdul Shukor (1991), *Amalan-Amalan Semasa Mengandung Dan Panduan Menyambut Cahaya Mata*, Kuala Lumpur: Pustaka Hamduna

Ismail al-Faruqi dan Lois Lanya al-Faruqi (1988), *Kumpulan Kertas Kerja al-Faruqi : Pemikiran Islam al-Faruqi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

Prof. Dr. Hamka (1982), *Studi Islam*, Singapura : Pustaka National Pte. Ltd.

Ibnu Abdullah al-Nasyabandi (2005), *Mencapai Makrifat*, Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers

Haji Saad Haji Ibrahim (1996), *Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Kuala Lumpur : Darul Makrifah.

M. Zain Abdullah (1995), *Tasawuf dan Zikir*, Perniagaan Jahabersa : Johor Bahru.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Robert H Thouless (1971), *An Introduction To The Psychology Of Religion*, Cambridge : University Press.

Macmillan (2006), *English Dictionary for Advanced Learners*, United Kingdom : Bloomsbury.

Michael T. Evans(2009), *Religion and Psychology*, New York : Nova Science Publishers.

Benjamin Beit-Hallahmi (1997), *The Psychology of Religious Behaviour, Belief and Experience*, London : Routledge.

Benard Spilka (2003), *The Psychology Of Religion An Empirical Approach*, London : The Guilford Press.

Bernald Spilka and Daniel N. McIntosh (1997) *The Psychology of Religion Theoretical Approaches*, United State of America : Westview Press.

James Forsyth (2003), *Psychological Theories of Religion*, New Jersey : Pearson Education.

David M.Wulff (1997), *Psychology Of Religion*, New York : John Wiley & Sons.

David Fontana (2003), *Psychology, Religion, and Spirituality*, United Kingdom : British Psychological Society and Blackwell Publishing Ltd.

Betty R. Scharf (1970), *The Sociological Study of Religion*, London : Hutchinson University Library.

Meredith B. McGuire (1997), *Religion The Social Context 4th Edition*, America : Wadsworth Publishing Company.

Thomas F. Odea (1966), *The Sociology of Religion*, Prentice Hall : New Jersey.

Abul Hassan Al-Nadwi (1943), *Religion And Civilization*, Academy of Islamic Research and Publications Lucknow : India.

Syed Muhammad Naquib al-Attas(1992), *Islam The Concept Of Religion And The Foundation Of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hiram E. Fitzgerald (1977), *Developmental Psychology Studies In Human Development*, Homewood : Dorsey Press

Tony Buzan (1995), *Brain Sell*, Gower : Hants Aldershot

David S. Noss(1999), *A History Of The World's Religions*, New Jersey : Prentice Hall.

Granville Stanley Hall (1965), *Health, Growth And Heredity : G. Stanley Hall On Natural Education*, New York : Teachers College Press

David Elkind (1981), *Children And Adolescents : Interpretive Essays On Jean Piaget*, New York : Oxford University Press

Ghazzali (2004), *Advice to Son : Ayyuhal Walad*, t.t : A.S Noordeen

Religion, class, and family in Spain, Charles F. Gallagher(1973), West Europe Series
Ulric Neisser (1967), *Cognitive Psychology*, New York : Prentice Hall

Edward B. Tylor (1920), *Primitive Culture*, 5th ed., Vol.1, John Murayy, Albermarle Street : London

Bobbi De Porter (1992), *Quantum Learning : Unleashing The Genius In You*, New York : Dell Publishing

Hubert J. Richards (1967), *Christ In Our World : A Study Of Baptism, Eucharist, Penance And Marriage*, Chapman : United Kingdom

Atkinson, R.C. & Shiffrin (1968), *Human Memory: A Proposed System And Its Control Processes*. In K.W. Spence And J.T. Spence (Eds.), *The psychology of learning and motivation*, vol. 8. London: Academic Press

Mahmoud M. Ayoub (t.t), *Islam Faith And Practice*, Kuala Lumpur : The Byline Sdn. Bhd.

RUJUKAN JURNAL DAN KERTAS KERJA

Prof. Chandra Muzaffar (2008) *Religion and Identity in a Globalising World, Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR)*, Ministry of Foreign Affairs, KL.USM, Penang.

Dr. Mohd. Nur Manuty (31 Mei - 3 Jun 1992) , *Peranan Islam Dalam Pembentukan Keluarga Bahagia*, Program Bimbingan Pemudahcara Tunas Keluarga Bahagia YADIM.

Journal of Philosophical Studies (1930), *Psychology of Religion Dogma* .vol. 5, (no 20)

Thouless, Robert H. (1942:July), "Experiments on paranormal guessing", *British Journal of Psychology* (British Psychological Society) 33 (1)

Journal of Organizational Change Management (2004), *The Measurement of Religiosity and Spirituality : Examples and Issues from Psychology*, Vol. 17 (No.1)

Journal of Philosophical studies .vol. 5,no 20,oktober (1930), Psychology of Religion Dogma (1930), Cambridge U Press

Robert H Thouless (1923), *The Tendency To Certainty In Religious Beliefs*, British Journal Of Psychology, Vol. 26, Issue 10

Mohd.Kamil bin Abd. Majid (1993) , Pemikiran Malik Bin Nabi Mengenai Problem Tamadun Dunia Islam Kini, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 1,Kuala Lumpur : Universiti Malaya.